

Jilid III
Bil. 17



Hari Rabu
21hb Jun, 1989

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT *House of Representatives*

PARLIMEN KETUJUH *Seventh Parliament*

PENGGAL KETIGA *Third Session*

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3041]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) [Ruangan 3136]

Jawatankuasa—

Jadual Kedua:

Maksud B.7 [Ruangan 3184]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4) 1988, dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1989 [Ruangan 3136]

Jawatankuasa—

Maksud P.7 [Ruangan 3184]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3210]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Plaza Tol dipersimpangan Jalan Cheras—Y.B. Tuan Tan Kok Wai (Sungei Besl) [Ruangan 3211]

Tahanan Operasi Lalang—Sekatan/Syarat—Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) [Ruangan 3217]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH
Penyata Rasmi Parlimen
PENGGAL YANG KETIGA
AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K. (I) (JOHOR), S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

Menteri Kerjaya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DATIN PADUKA RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).

Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.MJ., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK (Bentung)

„ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

„ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

„ Timbatan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr Ting Chew Peh (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GTLUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- ,, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS'(Simunjan).
- ,, DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ,, TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- ,, TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- ,, TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- ,, DR V. DAVID (Puchong).
- ,, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (**Betong**).
- ,, DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- ,, TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ,, TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- ,, TUAN HAJI GHA2ALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (**Jerai**).
- ,, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ,, TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- ,, TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- ,, TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- ,, TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ,, TUAN HU SEPANG (Rasah).
- ,, TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- ,, TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- ,, DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- ,, TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- ,, TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGA, P.B.S. (Kapit).
- ,, TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (**Ulu Rajang**).
- ,, DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- ,, DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- ,, TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- ,, TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- ,, TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- ,, TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- ,, TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- ,, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI Au, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau),
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIP BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

- ,, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- ,, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- ,, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- ,, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- ,, DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- ,, TUAN P. PATTO (Ipoh).
- ,, TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- ,, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- ,, TUAN PITONG BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- ,, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- ,, DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- ,, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- ,, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- ,, DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- ,, DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- ,, TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- ,, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ,, PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- ,, TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- ,, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hulu Selangor).
- ,, TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- ,, DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- ,, TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- ,, DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- ,, TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- ,, TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ,, TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- ,, TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- ,, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

- ,, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
,, DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
,, PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
,, DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
,, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P, (Bagan Serai).
,, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
,, TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdut Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 21hb Jun, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-
engerusikan Mesyuarat*

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**TABUNG HAJI—MENUNAIKAN
IBADAH HAJI**

1. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah jumlah umat Islam yang telah menunaikan ibadah Haji tanpa melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji Malaysia semenjak LUTH ditubuhkan dan jumlah mereka yang menunaikan ibadah Haji melalui perkhidmatan LUTH. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan agar umat Islam di negara ini menunaikan ibadah Haji melalui LUTH sahaja.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, jumlah umat Islam yang telah menunaikan fardu Haji melalui Tabung Haji dan tanpa melalui Tabung Haji semenjak ianya ditubuhkan adalah seperti berikut:

Bil. Tahun Jemaah Haji Jumlah

- | | | |
|----|-------------------------------------|---------------|
| 1. | 1969-1988 Melalui Ta- bung Haji | 313,150 orang |
| 2. | 1975-1988 Tanpa Melalui Tabung Haji | 9,032 orang |

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tabung Haji tidak menyimpan rekod bagi tahun-tahun sebelum dari itu.

Selain dari itu, jumlah sebenar Jemaah Haji yang pergi tanpa melalui Tabung Haji adalah sukar hendak diperolehi kerana Tabung Haji tiada menyimpan rekodnya. Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi mempastikan agar umat Islam di negara ini menunaikan ibadah Haji melalui Tabung Haji sahaja ialah:

- (a) Meningkatkan Perkhidmatan Tabung Haji Terhadap Jemaah Hajinya—

Selain dari mengatur kenderaan dan tempat menginap berhawa dingin di Tanah suci, Tabung Haji juga membolehkan jemaah haji memilih cara pemergian mereka mengikut selera mereka seperti pergi melalui Sistem Muassasah, Pakej Haji, Kumpulan Perumahan Khas, Syarikat swasta yang diluluskan oleh Tabung Haji.

Tabung Haji juga menghantar pakar-pakar rujuk dan guru-guru Agama berkhidmat di setiap maktab tempat jemaah Haji tinggal untuk menyeangkan mereka menyelesaikan hal-hal hukum hakam berkaitan dengan haji.

- (b) Menyediakan Perkhidmatan perubatan yang lengkap di Makkah, Madinah, Arafah dan Mina.

(c) Visa Haji—

Urusan mendapatkan Visa Haji di Kedutaan Besar di Raja Arab Saudi Arabia Kuala Lumpur mesti dibuat melalui Tabung Haji.

(d) Tiket Kapalterbang ke Tanah Suci—

Penjualan tiket kapalterbang ke Tanah Suci oleh Syarikat Penerbangan Malaysia dibolehkan hanya setelah mendapat surat tiada halangan dari Tabung Haji.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri sama ada pihak Kerajaan Malaysia atau Tabung Haji sendiri berusaha untuk mendapatkan kerjasama daripada Kerajaan Saudi untuk mempercepatkan lagi urusan imigrasi kepada Jemaah-jemaah Haji Malaysia yang mendarat di Lapangan Terbang Jeddah dan semasa kepulangan.

Kedua, apakah pandangan Yang Berhormat tentang layanan Kerajaan Saudi Arabia yang tidak mengenakan sebarang kuota kepada Jemaah Haji dari Malaysia untuk menunaikan Haji, sedangkan kuota diberi kepada negara-negara lain.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana soalannya itu. Kerajaan telah pun berusaha untuk mendapatkan layanan yang lebih baik dari Jabatan Imigrasi Saudi Arabia semasa mendarat di Jeddah dan saya ingat kita perlulah mengakui bahawa sungguhpun daripada jemaah-jemaah kita ada menghadapi masalah-masalah tertentu, tetapi memandangkan begitu ramai yang mendarat di Jeddah pada masa yang tersebut, maka tentulah perkara ini tidak dapat dielakkan. Sedikit sebanyak masalah ini perlu dihadapi.

Saya rasa berkenaan dengan pertanyaan kedua, iaitu Jemaah Haji

dari Malaysia tidak dikenakan kuota, ini adalah kerana hubungan baik di antara Malaysia dengan Saudi Arabia dan ini juga adalah kerana umumnya jemaah-jemaah dari Malaysia ini adalah jemaah-jemaah yang mengikuti peraturan yang dibuat oleh Kerajaan Saudi Arabia. Saya rasa itu meyakinkan pihak Saudi Arabia untuk tidak menghadkan bilangan jemaah daripada Malaysia untuk menunaikan haji.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan walaupun Yang Berhormat telah menyatakan kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh pihak Tabung. Haji tadi tetapi kemungkinannya salah satu daripada sebab terdapat jemaah-jemaah mengikuti penerbangan lain daripada Tabung Haji ini adalah sebabkan oleh kerana tingginya perbelanjaan melalui Tabung Haji. Adakah Kementerian ataupun Tabung Haji bercadang untuk mengkaji perbelanjaan Tabung Haji ini supaya diturunkan untuk membolehkan semua jemaah-jemaah haji dari Malaysia menunaikan haji dari Tabung Haji.

Dan yang kedua, bolehkah Yang Berhormat menerangkan kemudahan yang diberikan kepada jemaah Tabung Haji pada tahun ini. Adakah lebih baik daripada tahun-tahun yang sudah dan apa perkhabaran jemaah haji yang sedang berada di tanah suci pada masa ini?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Berkenaan dengan perbelanjaan lebih yang dikenakan oleh Tabung Haji, khususnya saya ingat dari segi tambang; kalau kita kajikan tambang kita kira "APEX fares", mungkin rendah sedikit, tetapi kalau hendak pergi beramai-ramai macam mana yang diuruskan oleh Tabung Haji, ini tidak mungkin kerana umumnya bila menunaikan

fardu Haji ini, penerbangan-penerbangan semasa pergi penuh dan semasa pulang penerbangan ini kosong. Kalau pergi mengikut kapal terbang schedule yang biasa maka mereka pergi dengan penerbangan biasa dan kemudian balik juga penerbangan biasa maka tentulah kos yang ditanggung oleh syarikat itu berbeza dengan kos yang dibuat oleh Tabung Haji ini kerana pada masa balik penuh, kemudian balik pula ke Jeddah mengangkut sekali lagi masa penerbangan ke Jeddah itu kosong. Dan ini terpaksa diambil kira kerana tanggungannya itu. Jadi, tentang minta turunkan perbelanjaan ini memang sudah dikaji oleh Tabung Haji, sudahpun mengira seberapa kurang yang boleh hendak menjalankan kerja-kerja ini, di samping hendak memberikan kemudahan yang sebaiknya sepetimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Adakah kemudahan-kemudahan pada tahun ini lebih baik, saya rasa kemudahan bagi mereka yang mengikuti program yang dibuat oleh Tabung Haji ini memanglah baik. Tetapi baik ini hendaklah diukur dengan perbelanjaan kerana sebagaimana saya sebutkan tadi hendak pergi melalui Tabung Haji ini pun kita ada pergi melalui muasalah dan kita boleh pergi ikut package Haji yang dibuat bersama dengan hotel Mekah. Dan juga satu lagi dengan syarikat lain iaitu Al-Husham, tetapi perbelanjaannya lebih. Maka kemudahan yang diberi juga tentu lebih berbeza daripada yang lain. Yang pergi dengan Hotel Mekah ini, di Mekah boleh tinggal di Hotel Mekah. Itu pun ada orang yang boleh duduk satu orang satu bilik kalau dia bayar lebih. Ada orang yang share satu bilik dua orang, ada yang share satu bilik empat orang. Jadi, ini bergantung juga kepada orang yang mengharapkan service ataupun perkhidmatan. Jadi, saya ingat tentang mereka yang pergi sekarang ini,

sampai sekarang ini kita belum lagi dengar kompleks yang luar biasa dari kompleks-kompleks yang wujud, pada masa-masa yang lalu itu masalah-masalah keperibadian lebih daripada masalah-masalah perkhidmatan yang diberikan oleh Tabung Haji.

MALAYSIA MENGIFTIRAF REPUBLIK RAKYAT CHINA SEBAGAI KERAJAAN TUNGGAL DAN SAH

2. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa memandangkan kepada hakikat bahawa negara Malaysia menerima Republik Rakyat China sebagai Kerajaan tunggal dan sah kepada semua wilayah-wilayah negara China dan Taiwan dikira sebagai satu dari wilayah Republik Rakyat China:

- (a) mengapa rakyat Malaysia hanya dibenarkan bebas melancong ke Taiwan dan tidak kepada bahagian-bahagian lain di tanah besar China; dan
- (b) sama ada berlakunya kejadian-kejadian pelaburan baru-baru ini oleh pelabur-pelabur Taiwan akan menjelaskan perhubungan dengan Kerajaan Republik Rakyat China.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, (a) adalah benar bahawa Malaysia mengiktiraf Republik Rakyat China ataupun RRC sebagai kerajaan yang tunggal dan sah. Taiwan juga dikira sebagai sebahagian dari Republik Rakyat China. Walau bagaimanapun, sistem politik di RRC adalah berlainan dari sistem-sistem politik di Taiwan, Hong Kong dan Macao. Oleh kerana itu, sekatan tidak dikenakan bagi lawatan ketiga-tiga wilayah tersebut.

Bagi lawatan ke RRC beberapa peraturan telah ditetapkan memandangkan kepada faktor-faktor keselamatan yang tertentu.

- (b) Kerajaan Republik Rakyat China menerima akan adanya pengaliran pelaburan dari Taiwan ke Malaysia dan tidak pula membangkitkan bantahan terhadap perkara ini.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sikap Kerajaan Malaysia terhadap Republik Rakyat China memandangkan pergolakan politik di Tiananmen Square, Beijing baru-baru ini yang mengakibatkan kematian beribu-ribu pelajar, pekerja dan orang awam apabila diserang oleh tentera pembebasan rakyat China. Adakah Kerajaan Malaysia akan terus membenarkan warganegara-warganegaranya melawat ke RRC setelah kejadian tersebut.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, pergolakan yang berlaku di negeri RRC ataupun di Republik Rakyat China adalah pergolakan yang terhad di dalam negara mereka sendiri yang merupakan hal ehwal dalaman negara Republik Rakyat China. Maka Kerajaan kita tidak ingin membuat apa-apa pendirian terhadap perkara ataupun pergolakan yang berlaku di sesebuah negara yang berdaulat. Oleh kerana keadaan di negeri China nampaknya semakin pulih, Kerajaan tidak ada apa-apa halangan ataupun apa-apa sekatan sekiranya ada manama rakyat Malaysia ingin melawat ke Republik Rakyat China.

Tuan Ngor Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejak Kerajaan membenarkan rakyat Malaysia melawat ke RRC, syarat yang dikenakan iaitu umur 30 tahun ke atas tetapi ada satu syarat lagi yang dikenakan iaitu setiap rombongan yang ada 20 ahli yang hendak melawat ke RRC, seorang pegawai polis iaitu dari Cawangan Khas akan turut mengikut rombongan ini. Ini adalah

satu syarat yang dikenakan. Dan segala perbelanjaan yang dikenakan hendaklah dibeban oleh pelawat-pelawat ini. Apakah kriteria dan apakah sebab Kerajaan mengenakan syarat ini, selain daripada pemeriksaan yang dikenakan daripada Kementerian Dalam Negeri untuk memeriksa setiap pemohon yang ingin melawat ke negara Rupublik Rakyat China itu.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah keselamatan, jadi Kerajaan Malaysia memikirkan masih perlu untuk kita menghantar sama dengan kumpulan yang melawat ke negeri China seorang pegawai dari Kementerian Dalam Negeri untuk mempastikan segala perkara-perkara yang berlaku di sana tidak menjelaskan, bukan sahaja pelancong-pelancong kita, malah keadaan yang baik di antara negeri China dan Malaysia.

TABUNG PUSINGAN PINJAMAN PREMIUM TANAH

3. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementeriannya akan terima satu cadangan dari Ahli Parlimen Bukit Mertajam untuk menubuhkan sebuah Tabung Pusingan Pinjaman Premium Tanah sebanyak 50 juta ringgit bagi tujuan memberi pinjaman kepada penduduk-penduduk kampung baru yang miskin untuk membayar premium tanah kediaman mereka. Jika ya, bilakah cadangan ini akan dilaksanakan. Jika tidak, kenapa.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak ada rancangan untuk menubuhkan sebuah Tabung Pusingan Pinjaman Premium Tanah. Ini adalah kerana kadar premium yang

dikenakan sekarang di kampung-kampung baru pada keseluruhannya telah dikurangkan kepada satu kadar yang rendah. Oleh itu adalah didapati bahawa penduduk-penduduk kampung-kampung baru tidak mempunyai masalah untuk menjelaskannya. Sekiranya ada juga setengah-tengah mereka itu tidak mampu untuk membayarnya dengan sekali gus maka mereka boleh membuat rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri-negeri untuk dibenarkan membuat bayaran secara ansuran.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri berkenaan mengatakan bahawa kadar premium tanah untuk rumah-rumah di kampung-kampung baru adalah rendah dan tidak merupakan satu masalah. Tetapi adakah beliau sedar bahawa untuk ramai lagi khususnya golongan yang miskin premium tanah ini merupakan satu beban yang berat terpaksa ditanggung oleh mereka dan saya ingin bertanya Yang Berhormat, yang baru dilantik sebagai Menteri untuk menjaga hal ehwal kampung baru, sama ada beliau bercadang untuk mengadakan perbincangan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dengan tujuan untuk mengurangkan lagi kadar premium dan mengapa hendak tunggu sehingga pilihanraya kecil, misalnya di Bentung baru-baru ini, barulah Kerajaan. Barisan Nasional mengumumkan pengurangan kadar premium tanah?

Tuan Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang pada dasarnya telah menetapkan bahawa premium kepada tanah-tanah yang ada dalam kampung-kampung baru itu dikenakan seberapa rendah yang boleh. Sebenarnya premium-premium dikenakan di antara 10 sen hingga \$1.00 pada keseluruhannya pada satu persegi. Dasar ini dibuat kadang-kadang kebetulan pada ketika satu-satu pilihanraya diadakan di satu-satu kawasan tetapi sebenarnya dasar ini

dibuat tidak mengambilkira sama ada satu pilihanraya diadakan di satu kawasan itu. Jadi, perbincangan dengan pihak berkuasa negeri senantiasa diadakan kalau ada didapati di satu-satu kawasan itu premium yang dikenakan itu agak tinggi kalau dibandingkan dengan kemampuan penduduk-penduduk kampung-kampung tersebut.

Tuan Zubir bin Embong: T rima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Mengikut pengalaman Yang Berhormat Menteri walaupun baru menjadi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mengikut nilai tanah yang lebih tinggi, nilai tanah di kampung-kampung baru ataupun nilai tanah di kawasan pendalaman kampung-kampung Melayu di luar bandar?

Yang kedua, soalan saya ada didapati di kampung-kampung baru yang menjadikan tanah mereka walaupun tanah itu tanah kediaman tetapi menjadikan tanah itu sebagai kawasan tapak kilang sama ada ianya secara haram ataupun mungkin berlesen, saya pun tidak tahu. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian kalaularah tapak rumah yang diluluskan itu dijadikan tapak kilang sedangkan premium yang dibayar ialah premium tanah untuk tapak rumah?

Tuan Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, bandingan nilai tanah di kampung baru dengan kampung tradisi itu berlain kerana bergantung kepada locality kawasan-kawasan itu. Yang sebenarnya nilai tanah di kampung-kampung baru itu pun berbeza dari satu kampung dengan satu kampung yang lain berdasarkan kepada criteria locality kampung-kampung itu. Ini dibuktikan dengan premium yang dikenakan sehingga ini mengikut keadaan pada keseluruhannya sebagaimana yang saya sebutkan tadi di antara 10 sen hingga \$1.00.

Berkenaan dengan tapak rumah yang didapati digunakan untuk kegunaan lain, saya rasa pihak berkuasa akan meninjau kedudukan implikasi kerana sesuatu tapak itu digunakan untuk tujuan lain.

SYARIKAT PERWAJA— KEMAJUAN DICAPAI

4. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kemajuan yang telah dicapai oleh Syarikat Perwaja sejak perubahan kepada pentadbirannya baru-baru ini. Apakah perubahan-perubahan yang telah dilakukan dan mengapa rancangan seperti ini tidak dijalankan oleh pentadbiran yang lain sehingga Perwaja terjerumus kepada kerugian yang besar.

35. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kewangan menyatakan kerugian sebenar yang dialami oleh Syarikat Perwaja Terengganu. Berapakah jumlah pekerja-pekerja Bumiputera di semua peringkat dalam Syarikat Perwaja masa ini. Berapakah jumlah bayaran elauan kepada Pengarah Urusannya Dato' Eric Chia.

29-6-59

41. Tuan Ngori Thiam Woh minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sebab-sebabnya pihak Jepun menarik diri keluar daripada Perwaja;
- (b) adakah Perwaja mengalami kerugian dalam pembelian balik saham Jepun; dan
- (c) apakah keadaan dari segi pemindahan teknologi dan dihadapi oleh Perwaja selepas penarikan keluar pihak Jepun dalam perkongsian ini.

30-6-89

11. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) prospek masa depan Perwaja (Syarikat Besi Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.);
- (b) bagaimana kedudukan sumber dan implikasi kewangan yang telah dan akan terlibat dalam penyusunan semula struktur kilang; dan
- (c) dari segi sumber gunatenaga tempatan sejauh manakah kesannya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang diPertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk menjawab juga soalan-soalan daripada Yang Berhormat dari kawasan Pasir Mas bertarikh pada hari ini, Yang Berhormat dari kawasan Kampar bertarikh 29 Jun 1989 dan Yang Berhormat dari kawasan Pagoh bertarikh 30 Jun 1989, yang juga bertanyakan soalan-soalan berkaitan dengan soalan ini.

Tuan Yang diPertua: Baiklah.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang diPertua, semenjak pengurusan baru mengambil alih Perwaja, pengeluaran billet telah meningkat daripada 17,000 metrik tan sebulan kepada 40,000 metrik tan sebulan dan pengurusan Perwaja menjangkakan pengeluaran akan meningkat seterusnya sehingga 60,000 metrik tan sebulan. Peningkatan pengeluaran ini antara lain adalah disebabkan prestasi pekerja-pekerja tempatan yang telah meningkat. Di samping itu, kos pengeluaran seunit juga telah menurun kerana kecekapan operasi telah meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan syarikat Perwaja di masa yang lalu adatuh berpunca antara lain oleh kerana masalah teknologi yang berkaitan dengan logi DRI. Di

samping itu, semasa syarikat ditubuhkan dahulu, keadaan pasaran adalah tidak begitu cerah, pihak pengurusan juga telah tidak berkebolehan mengatasi masalah-masalah yang timbul dengan serta-merta, tidak mempunyai kecekapan teknologi dan mengurus syarikat secara, dengan izin "remote control". Akibat semua ini, syarikat telah mengalami kerugian. Setakat 31 Mac 1988, syarikat Perwaja telah mengalami kerugian terkumpul sebanyak \$557 juta.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi jumlah pekerja-pekerja bumiputera pula, di peringkat eksekutif terdapat seramai 60 orang (6.9%), sementara di peringkat bukan eksekutif terdapat seramai 758 orang (86.5%). Mengenai elaun yang dibayar kepada Pengarah Urusan (Managing Director) syarikat ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beliau tidak menerima sebarang elaun. Beliau hanya menerima perbelanjaan, dengan izin, out of pocket.

Tuan Yang di-Pertua, setakat yang diketahui pihak pelabur Jepun telah membuat keputusan untuk tidak terus melabur dan menjual kepentingan mereka dalam syarikat ini. Sebagai pemegang saham, mereka adalah berhak untuk memilih sama ada untuk terus melabur ataupun tidak. Kerajaan tidak mengalami apa-apa kerugian dalam membeli balik saham-saham pelabur Jepun ini kerana saham-saham tersebut dibeli dengan harga \$1.00 sahaja. Dari segi pemindahan teknologi pula, adalah didapati teknologi Jepun yang digunakan untuk memulakan projek ini telah tidak berjaya. Oleh itu, soal pemindahan teknologi tidak lagi berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, prospek masa depan industri keluli, iaitu industri "steel" di peringkat tempatan dan di peringkat antarabangsa adalah cerah. Berdasarkan hal ini penyusunan

semua syarikat akan membolehkan ianya diletakkan di tahap yang berdaya maju dan ini akan memberikan keuntungan dari segi jangka masa panjang. Kerajaan juga bercadang untuk mengurangkan penglibatannya ke tahap yang minimum dan penglibatan sektor swasta akan ditingkatkan dari segi kewangan dan kepakaran. Kerajaan telah berharap ekoran langkah-langkah yang diambil dan dengan pengurusan syarikat yang lebih baik, Perwaja akan dapat dipulihkan seterusnya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa kerugian terkumpul Syarikat Perwaja hingga 1988 ialah \$557 juta dan Kerajaan yakin bahawa di masa akan datang pengeluaran akan bertambah kepada 60,000 tan sebulan. Saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa lamakah agaknya dengan pengeluaran yang berjumlah 60,000 tan sebulan itu dapat hutang terkumpul itu dipulihkan supaya habis selesai.

Yang keduanya, benarkah elegasi-elegasi yang mengatakan bahawa pihak Jepun menjual sahamnya kepada Malaysia, yang diambilalih oleh pihak Kerajaan Malaysia, berasaskan kepada hakikat bahawa bukan soal kita ingin hendak beli tetapi pihak Jepun memang menyedari bahawa projek ini tidak akan memberi untung sama sekali kepada Kerajaan, kepada dia dan kepada siapa sahaja yang mengambilalih.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian pertama soalan tambahan, seperti mana saya jawab dalam jawapan saya tadi adalah benar bahawa setakat 31 Mac 1988, syarikat ini telah mengalami kerugian sebanyak \$557 juta dan saya pun katakan bahawa syarikat ini berharap dapat meningkatkan pengeluaran sehingga

60,000 metrik tan sebulan. Tentang berapa lama masanya syarikat ini akan memerlukan untuk mengumpul balik apa yang telah rugi, ini adalah bergantung kepada harga steel di pasaran ini dan juga prestasi syarikat ini dalam masa hadapan. Kementerian Kewangan atau syarikat yang berkenaan tidak dapat memberi jawapan yang tepat berkenaan soalan bahagian ini.

Untuk menjawab bahagian kedua soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat awal pihak Jepun mempunyai sebanyak 30% jumlah saham dalam syarikat ini dan mereka pun berminat pada peringkat awal untuk melabur di dalam syarikat ini, tetapi nampaknya projek DRL itu gagal dan juga kejadian-kejadian yang berlaku pihak Jepun pun ingin menarik diri daripada pelaburan ini dan nampaknya Kerajaan telah buat siasatan bahawa dengan penarikan pihak Jepun daripada syarikat ini tidak memberikan kerugian kepada Kerajaan dan pihak Jepun, syarikat yang berkenaan telah membayar balik sebanyak \$500 juta oleh kerana mereka gagal dalam melaksanakan loji DRL itu. Jadi, Kerajaan pun telah membuat keputusan untuk membeli balik saham Jepun dengan harga \$1.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa sekarang loji mengeluarkan 40,000 metrik tan sebulan dan akan meningkat kepada 60,000 dan dengan angka yang telah diberikan projeksi ini bilakah agaknya syarikat ini mendapat ke tahap "break even point" dalam 4-5 tahunkah berdasarkan dengan modal yang telah dilaburkan. Saya ingin tahu setakat ini berapa banyak pelaburan yang telah dilaburkan dalam syarikat ini daripada pelaburan dalam dan luar negeri. Selain daripada pelabur Jepun, mana lagi pelabur yang lain?

Yang keduanya, saya ingin tahu untuk mengukuhkan prestasi syarikat ini dari manakah besi buruk yang dibeli oleh syarikat ini, sama ada daripada pembekal tempatan ataupun daripada luar negeri dan bagaimana dengan usahasama dengan Sabah Gas untuk membekalkan "menthanol" Hot Briquetted Iron (HBI) dan sebagainya dan senaraikan syarikat-syarikat yang menjadi syarikat pembekal kepada bahan-bahan yang digunakan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, susahlah bagi Kementerian Kewangan memberitahu berapa panjang lagi masa supaya syarikat ini dapat mencapai "break even point", sebagaimana yang saya jawab soalan Yang Berhormat tadi.

Untuk menjawab soalan bahagian kedua, saya ingin memberitahu Dewan yang ini bahawa selain dahpada pelaburan daripada Nippon Steel Corporation yang memegang saham sebanyak 15% pada peringkat awal sebelum mereka menarik diri, ada lagi 7 syarikat-syarikat Jepun yang memegang sebanyak 15% saham dalam syarikat ini dan 51% saham dipegang oleh HICOM dan 19% dipegang oleh Kerajaan Terengganu. Tetapi setelah pihak Jepun menarik diri daripada syarikat ini, daripada memegang saham dalam syarikat ini, pada peringkat sekarang Kementerian Kewangan memegang sebanyak 81%, iaitu MOF incorporated dan Kerajaan Terengganu memegang sebanyak 19%.

Untuk menjawab mengenai prestasi dalam soalan tambahan tadi berkenaan dengan punca besi buruk yang syarikat ini membeli, saya tidak dapat menjawab soalan ini kerana saya minta notis, barulah Kementerian Kewangan dapat menjawab soalan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Manaf.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin membetulkan sedikit salah cetak kepada perkataan "sejauh", yang sebenarnya perkataan "sejauh manakah".

Soalan yang ke 5.

DASAR EKONOMI BARU— PUNCA KELEMAHAN

5. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah Kerajaan dapat menjamin Dasar Ekonomi Baru yang akan tamat dalam tahun 1990 ini tercapai sepertimana yang dirancang. Apakah halangan sebenar yang menjadi punca kelemahan itu dan apakah usaha yang dibuat untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman); Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perangkaan dan maklumat yang terbaru, adalah jelas bahawa matlamat Dasar Ekonomi Baru seperti yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang tidak akan dicapai sepenuhnya menjelang akhir 1990. Tidak berapa lama lagi Kerajaan akan mengemukakan dokumen Kajian Separuh Penggal RML di Dewan ini, dan Ahli Yang Berhormat bolehlah menyemak perangkaan-perangkaan yang berkenaan.

Pada keseluruhannya, matlamat pembasmian kemiskinan bagi Semenanjung Malaysia akan dapat dicapai. Ini berikutan dari kadar kemiskinan yang telah dapat dikurangkan daripada 49% pada tahun 1970 kepada kira-kira 17% pada tahun 1987. Tetapi, pencapaian dari segi penyusunan semula ekuiti dalam sektor korporat menunjukkan bahawa kaum bumiputera hanya dapat meningkatkan kepentingan mereka dari kira-kira 2% pada tahun 1970 kepada 19% pada tahun 1988 dan ini masih jauh dari matlamat asalnya.

Usaha-usaha ke arah membentuk sebuah masyarakat usahawan bumiputera juga masih jauh dari memuaskan.

Halangan utama yang telah menjadikan prestasi DEB adalah soal kemelesetan yang melanda ekonomi pada tahun 1985. Ianya telah menyebabkan kemajuan ke arah mencapai objektif penyusunan semula masyarakat dan pembangunan wilayah khasnya menjadi merosot dan kurang daripada yang dijangkakan. Seterusnya, kelembapan ekonomi dan kesan deflesinya menyebabkan penyerapan tenaga buruh dan peluang-peluang menambah pendapatan menjadi terhad di samping pengangguran meningkat. Pengalaman-pengalaman ini dengan sendirinya membuktikan bahawa DEB hanya dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam konteks ekonomi yang berkembang sebagaimana dalam dekad pertama pelaksanaannya.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bagi mengatasi kesan-kesan kemelesetan ekonomi ini, Kerajaan telah mengambil tangkah-langkah pragmatik bagi memulihkan pertumbuhan ekonomi di samping mengubahsuai beberapa strategi DEB. Pada akhir tahun 1988, Kerajaan telah menujuhkan Majlis Perunding Ekonomi Negara dengan tujuan mengadakan satu forum di mana semua rakyat Malaysia daripada berbagai latarbelakang mengemukakan pandangan mereka terhadap pelaksanaan DEB serta penggubalan satu dasar baru selepas 1990.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, dalam menggubal Dasar Ekonomi Baru, perkara pokok yang telah diarnbil kira ialah program untuk membasi kemiskinan seperti yang telah disebutkan tadi. Saya ingin bertanya hari ini kedapatan bahawa peratus pengurangan kemiskinan di antara negeri Sabah, Sarawak dan

Semenanjung Malaysia adalah berbeza. Saya ingin bertanya apakah faktor-faktor yang menjadi penyebab.

Soalan kedua, tadi dinyatakan Kerajaan mempunyai rancangan pragmatik. Apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan program-program pragmatik?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, angka peratusan yang diharapkan dapat dicapai menjelang tahun 1990 ialah di paras kadar 16.7% untuk Semenanjung Malaysia. Bagi Sabah dan Sarawak di peringkat awalnya atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakan, angka kadar tidak ada meskipun usaha pembasmian dilakukan untuk Sabah dan Sarawak. Tetapi pada tahun 1976 kadar kemiskinan bagi Sabah adalah 58% dan pada ketika ini berkurangan ke tahap 35%. Bagi Sarawak bagi tahun 1976 kadarnya ialah 56% yang pada ketika ini berkurangan di tahap 25%.

Perbezaan pencapaian peratusan apakah faktor-faktor yang menyebabkan perbezaan ini, pertama-tama adalah disebabkan oleh take-off point, dengan izin, usaha di peringkat memulakan usaha pembasmian kemiskinan ini dijalankan berbeza-beza bagi Semenanjung dan negeri Sabah dan Sarawak.

Kedua, keadaan infrastruktur yang berbeza dan keperluan keutamaan yang berbeza dan berubah bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Ketiga, keluasan tempat yang berbeza dan bilangan kumpulan miskin yang berbeza-beza yang menyebabkan kadar kemiskinan itu adalah relatif kerana kiraan kadar kemiskinan adalah berasaskan kepada kos hidup berbanding dengan jumlah penduduk. Dari segi langkah-langkah pragmatik yang diusahakan oleh Kerajaan di antaranya adalah untuk memusatkan

lagi usaha-usaha membantu, memberi kemudahan kepada pekebun-pekebun kecil sebagai contoh, mempercepatkan pertumbuhan melalui peningkatan produktiviti pertanian seperti melalui halacara baru pembangunan kampung-kampung, memperhebatkan lagi kemudahan asas, menggalakkan lagi usaha-usaha, mempelbagaikan secara yang integrasi, tidak satu-satu dalam segi melibatkan diri dalam ekonomi dan juga di antara lainnya memberi insentif pelaburan. Dan Kerajaan percaya bahawa langkah-langkah pragmatik ini di antara lain dapat memberikan kesan seperti yang telah kita dapat lihat pada hari ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana matlamat asal atau overriding objective DEB ialah perpaduan negara, adakah Kerajaan bersetuju bahawa akhirnya sama ada DEB dan dua prong DEB berjaya atau gagal bergantung kepada masalah sama ada dalam 19 tahun atau 20 tahun DEB ini, perpaduan negara lebih diwujud atau lebih rumit. Kedua, bukankah benar bahawa SERU di Jabatan Perdana Menteri ada buat satu kajian mengenai kesan DEB kepada perpaduan negara, apakah hasil kajian ini dan adakah Kerajaan rela untuk memberi Ahli-ahli Yang Berhormat laporan ini supaya boleh jadi satu kajian oleh mereka.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa polisi boleh mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dan bukan hasrat Kerajaan untuk mengenepikan sesuatu polisi yang boleh dan sudah dilihat dapat menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi. Dan dalam soal itu situasi politik negara tidak bercanggah dalam pembangunan ekonomi kerana kita muh Berkembang sambil menyumbang kepada kestabilan politik. Dengan sebab itulah Kerajaan sangat committed, dengan izin terhadap polisi

ini dan kita percaya kepada usaha two prongs, dengan izin, dari segi terutamanya untuk meningkatkan perpaduan negara sambil membawa perubahan kepada infrastruktur dan pembasmian kemiskinan.

Dalam pada itu Kerajaan sedar bahawa meskipun kajian-kajian sedang dijalankan tetapi maklumatnya masih perlu diselaraskan lagi dan dalam soal ini oleh kerana Kerajaan mahukan satu perhatian yang ada consensus, sebab itulah Kerajaan mewujudkan MPEN untuk membolehkan MPEN memberi pandangan-pandangan kepada Kerajaan untuk mendapatkan feedback dan input membolehkan ia menggubal satu dasar yang boleh diterima oleh seluruh masyarakat Malaysia.

PELABUR ASING

6. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan pelabur-pelabur asing di negara ini, berapa jumlah dan jenis pelaburan. Dan juga negara manakah yang banyak melabur dan apa kedudukan pelabur-pelabur asing di Negeri Perak.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat); Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh tahun 1980 hingga Mei, 1989, sejumlah 5,210 projek perkilangan telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Daripada jumlah ini, 2,888 projek adalah terdiri daripada projek yang diluluskan dengan penyertaan negara asing dengan jumlah anggaran modal pelaburan asing sebanyak \$18,391.3 juta.

Anggaran pelaburan asing lebih tertumpu dalam industri barang-barang elektronik (\$3,507.5 juta). Ini diikuti dengan industri kimia dan barang-barang kimia (\$2,706.8 juta), barang-barang logam asas (\$1,643.0

juta), pengilangan makanan (\$1,592.3 juta) dan industri barang-barang getah (\$1,471.3 juta).

Bagi tempoh tersebut, sumber pelaburan asing yang terbesar sekali adalah dari negara Jepun (\$4,579.8 juta). Ini diikuti dengan negara Taiwan (\$2,022.3 juta), Singapura (\$1,898.5 juta), Amerika Syarikat (\$1,519.0 juta) dan United Kingdom (\$954.0 juta).

Daripada sejumlah 2,888 projek yang diluluskan dengan penyertaan negara asing, sejumlah 155 projek telah diluluskan untuk ditempatkan di negeri Perak dengan jumlah pelaburan asing sebanyak \$460.4 juta. Sumber pelaburan asing yang terbesar sekali di negeri Perak adalah dari negara Taiwan (\$59.4 juta). Ini diikuti dengan negara Jepun (\$57.4 juta), Hong Kong (\$49.0 juta), Amerika Syarikat (\$26.2 juta) dan United Kingdom (\$24.0 juta).

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segala permohonan yang diluluskan itu berapakah banyak modal yang benar-benar telah ditanam di negara kita, yang betul-betul kilang dan syarikat itu telah dibentuk dan wujud dalam negara ini khasnya di negeri Perak dan amnya seluruh negara? Yang kedua, adakah semua pelabur-pelabur asing yang ingin menanam modal ke negara ini tidak membawa modal yang sebenarnya dari negara masing-masing hanya melalui satu jalan iaitu mengambil Bank Negara negara asai mereka memberi jaminan iaitu, dengan izin, guarantee dan wang ringgit itu dikeluarkan dari institusi-institusi kewangan negara kita iaitu pendek kata dan menggunakan modal negara kita ini tanpa menggunakan segala modal dari negara asing mereka itu? Adakah benar semua pelabur-pelabur asing menjalankan cara ini untuk melabur di negara kita ini?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan dari Yang Berhormat yang berkenaan terlibat banyak butir-butir dan oleh kerana syarikat-syarikat masing-masing makan banyak masa melaksanakan projek-projeknya, saya di sini ingin minta notis daripada Yang Berhormat.

Berkaitan soalan yang kedua, jawapan saya ialah tidak betul.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kita memang mengalu-alukan kedatangan pelabur-pelabur asing ke negara kita ini. Yang ingin saya tanya ialah walaupun sudah banyak disebut tetapi kita selama ini begitu berminat dan serius mengenai kawalan-kawalan dari segi transfer technology, penggunaan buruh negara kita sendiri, pengaliran pendapatan mereka ke luar negeri dan sebagainya. Jadi, saya ingin bertanya satu sahaja, apakah jenis dan bentuk-bentuk kawalan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan kepada pelabur-pelabur ini supaya matlamat yang saya sebutkan tadi dapat dicapai iaitu matlamat menuntutkan transfer of technology ada, penggunaan buruh di negara kita wujud dan kemudian pengaliran wang ke luar negeri pun terkawal supaya ia tidak menguntungkan hanya pihak yang melabur dari luar negeri tetapi menguntungkan negara kita dan rakyat di negara kita ini.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya selalu mengawal syarikat-syarikat yang dapat khasnya insentif atau pioneer status dari Kerajaan kita. Di sini kita mengkaji dan mendapat maklumat-maklumat dari syarikat-syarikat dari masa ke semasa.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan ini ada dua bahagian. Yang pertama, apakah insentif-insentif yang setakat ini telah diberi oleh pihak Kerajaan untuk menarik pelaburan-pelaburan

yang tersebut ke negeri Perak khasnya dan seluruh negara amnya? Bahagian yang kedua, setakat ini berapakah anggaran kos ataupun perbelanjaan yang telah ditanggung oleh pihak Kerajaan dalam pemberian insentif-insentif tersebut dalam tempoh tahun 1980 hingga Mei, 1989?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, oleh kerana soalan kedua-dua ini pun terlibat banyak butir-butir. Saya harap Yang Berhormat boleh beri notis lain kali.

KWSP—PELONGGARAN MENGELUARKAN SIMPANAN

7. Tuan Gerard Math Lee Min bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (i) adakah Kementerian beliau bersedia menimbangkan soal pelonggaran peraturan dalam mengeluarkan sebahagian penyimpanan wang dalam Kumpulan Simpanan Wang Pekerja untuk golongan mereka yang tidak berpekerjaan bagi suatu jangkamasa yang panjang; dan

(ii) jika tidak, mengapa.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian telah dijalankan oleh Kementerian Kewangan untuk mengenalpasti faedah-faedah baru yang boleh dilaksanakan bagi kebaikan pencarum-pencarum KWSP, yang mana di antara lain, termasuklah cadangan pengeluaran bagi ahli-ahli yang diberhentikan kerja atau tidak bekerja.

Keputusan telah dibuat bawa cadangan-cadangan skim-skim pengeluaran yang baru tidak wajar dilaksanakan setelah mengambilkira perkara-perkara berikut:

- (i) implikasi yang negatif terhadap aliran wang tunai dan kedudukan

- kewangan KWSP dalam jangka panjang; dan
- (ii) skim-skim pengeluaran seperti yang dicadangkan itu tidak akan memberi manfaat kepada segolongan besar pencarum-pencarum KWSP kerana 82% daripada mereka mempunyai jumlah caruman yang kurang daripada \$10,000.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE AMERIKA—HASIL

8. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Yang Amat Berhormat ke Amerika Syarikat bagi menemui ahli-ahli perniagaan dan usahawan-usahawan Amerika Syarikat baru-baru ini:

- (a) jumlah pelaburan baru yang diperolehi dalam semua sektor ekonomi; dan
- (b) peratus kenaikan jumlah sektor perkilangan elektronik dan petroleum berbanding dengan masa-masa yang lalu.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, lawatan kerja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Amerika Syarikat telah memberi peluang kepada beliau menemui pemimpin-pemimpin negara tersebut untuk bertukar-tukar pendapat mengenai hubungan di antara kedua negara dan kepentingan bersama serta lain isu-isu antarabangsa yang harus diberi perhatian. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga berbincang dengan ahli-ahli perniagaan terkemuka mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia dan bertemu dengan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di sana.

Di Amerika Syarikat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bertemu dengan Presiden Bush. Pertemuan ini membolehkan beliau

membangkitkan secara terus dengan Presiden Bush masalah-masaiah yang kita hadapi dengan Amerika Syarikat. Ini termasuklah isu kempen antiminyak kelapa sawit. Dalam hal ini Presiden Bush telah memberi jaminan akan menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Mereka juga telah pun berbincang dan menyentuh berkenaan dengan masalah-masalah Kampuchea, masalah PLO dan masalah Namibia.

Tuan Yang di-Pertua, pertemuan di antara para usahawan Malaysia dan Amerika Syarikat adalah cukup bermanfaat. Amerika Syarikat merupakan salah satu rakan perdagangan dan pelabur terbesar di Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengundang usahawan-usahawan Amerika Syarikat untuk mengadakan dialog dengan lebih kerap lagi dengan usahawan Malaysia bagi meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan di antara kedua-dua negara. Usahawan-usahawan terkemuka Amerika Syarikat telah memberi jaminan akan terus melabur dan meningkatkan kegiatan ekonomi di Malaysia. Bagi mereka, iklim pelaburan di Malaysia adalah baik memandangkan pada ketabilan politik dan kemudahan infrastrukturnya.

Perbincangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga tertumpu pada penubuhan Lembaga Perniagaan Malaysia—Amerika Syarikat. Adalah menjadi harapan agar badan ini dapat diwujudkan tidak lama lagi bagi menggalakkan pertemuan yang lebih kerap dan meluas di antara usahawan-usahawan Malaysia dan Amerika Syarikat.

Sementara itu, pihak media-massa telah diminta memberi kerjasama supaya sebarang tulisan mengenai Malaysia di masa akan datang tidak diputarbelitkan dan harus lebih bersifat objektif dan tepat bagi

mengelakkan kekeliruan yang mungkin timbul. Harus dinyatakan juga bahawa sejak tahun 1988, akhbar-akhbar utama di Amerika Syarikat telah bersikap lebih objektif dalam tulisan mereka mengenai Malaysia berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Ini adalah hasil perbincangan yang diadakan dengan pihak media-massa pada tahun 1988.

Berhubung dengan jumlah pelaburan baru berikutnya lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ianya akan hanya dapat diketahui dalam satu jangka masa yang agak panjang. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat:

(a) jumlah pelaburan Amerika Syarikat di Malaysia pada tahun 1987 ialah M\$162.7 juta dan telah meningkat kepada M\$535.2 juta pada tahun 1988 iaitu kenaikan sebanyak 229%. Dalam tempoh empat bulan pertama tahun 1989, jumlah pelaburan ialah sebanyak M\$152.8 juta berbanding dengan M\$42.1 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 1988 iaitu kenaikan sebanyak 263%.

Bagi menjawab bahagian (b), dalam sektor elektronik, jumlah pelaburan pada tahun 1987 ialah sebanyak \$105.1 juta tetapi merosot kepada \$79.6 juta pada tahun 1988. Ini mungkin disebabkan pelaburan dalam sektor ini telah sampai ke tahap "saturated point", dengan izin, dan mungkin pelaburan ini di masa hadapan akan berkembang ke sektor-sektor lain. Peratus kenaikan sektor perkiiangan dan petroleum tidak dapat dirumuskan buat masa ini. Sekiranya Ahli Yang Berhormat masih memerlukannya, saya akan mengemukakannya kepada Ahli Yang Berhormat kelak.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua,

dalam jawapannya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu bahawa mengenai kelapa sawit telah banyak dituliskan di akhbar-akhbar Amerika mengenai kebaikannya, tetapi baru-baru ini kita dapat bahawa tidak banyak orang-orang Amerika yang mengetahui keadaan yang sebenarnya. Bagaimanakah usaha-usaha untuk orang-orang Amerika lebih memahami "the truth", dengan izin, mengenai kelapa sawit kerana mengenai minyak kelapa sawit itu katanya kita menulis lebih banyak di akhbar-akhbar kita daripada di akhbar-akhbar Amerika.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, tentunya pihak kita tak dapat hendak bersaing sehebat yang dibuatkan oleh kumpulan Persatuan Soyabean di Amerika Syarikat dengan capital yang begitu besar yang dipunyai oleh mereka, tetapi kita sedang berusaha melalui Kedutaan kita untuk membetulkan segala salah berita ataupun fitnah yang dilemparkan oleh Persatuan Soyabean di Amerika Syarikat dan kita juga telah pun melantik suatu Pakar Perhubungan Awam yang terkemuka di Amerika Syarikat (USA) untuk membantu pihak Kerajaan kita bagi membetulkan salah faham terhadap isu kelapa sawit di Amerika Syarikat.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di samping kita menggunakan lobbies untuk membantu kempen kelapa sawit di Amerika Syarikat, ingin saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kerajaan akan menggunakan tenaga kedutaan kita di Washington D.C. dengan sepenuhnya memandangkan bahawa Duta Besar kita dan pegawai-pegawai di situ sangat berkaliber dan telah pun bergerak dengan berkesan menentang lobi soyabean ini?

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang

Berhormat yang telah memuji Pegawai-pejawai kita di Kedutaan kita di Washington. Tentunya kita mempergunakan setiap wakil kita di sana untuk memerangi dakyah berkenaan dengan minyak kelapa sawit yang dibawa oleh Pertubuhan Soyabean di Amerika Syarikat dan ianya adalah terus diusahakan, malah kita telah pun membekalkan mereka dengan berbagai-bagai bahan untuk berdebat dan untuk mematahkan dakyah-dakyah yang dikeluarkan oleh musuh-musuh kelapa sawit. Tetapi untuk kita lebih berkesan lagi mempengaruhi masyarakat dan Kerajaan Amerika Syarikat, kita perlu juga menggunakan pakar-pakar yang tertentu yang ada hubungan rapat dengan pihak Congress ataupun Senate yang begitu berpengaruh di Amerika Syarikat; supaya akan dapat kita berjaya bersaing dan melawan dakyah-dakyah yang dibuat terhadap kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 9 hingga 64 adalah diberi di bawah ini).

LETUPAN DI BANGUNAN DAYA BUMI

9. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan ke atas letupan di bangunan Dayabumi pada 11 April 1989, terutama sekali sebab-sebab mengapa bom ditanam di sana. Serentak ini, apakah langkah-langkah siasatan mahupun pencegahan yang sedang dibuat untuk mengesan sumber serta cara-cara bagaimana pengebom berjaya memperolehi bahan-bahan letupan. Apakah penerangan atau kesangsian kerajaan terhadap kelekaan terjadinya penanaman bom atau ugutan menanam bom di

sesetengah bangunan kerajaan dan swasta kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, kes letupan yang berlaku di bangunan Dayabumi baru-baru ini masih lagi dalam penyiasatan polis dan setakat ini pihak polis belum dapat memastikan motif serta pihak yang terlibat.

Antara tindakan yang telah dan sedang diambil bagi membendung kejadian-kejadian begini ialah memperbanyak rondaan di tempat-tempat yang strategik oleh pasukan keselamatan, membuat operasi serbu di tempat-tempat yang disyaki menjadi sarang penjenayah dan memberi latihan secukupnya kepada anggota polis bagi meningkat kemahiran mereka mengesan serta menghadapi kejadian-kejadian yang boleh mengancam keselamatan awam dan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, kerajaan sememangnya pada setiap masa mengambil berat terhadap keselamatan di semua tempat di seluruh negara bagi memastikan keselamatan negara sentiasa terpelihara. Mengenai kejadian ugutan dan penanaman bom di bangunan-bangunan kerajaan dan swasta, perkara ini tidak dapat dielakkan tetapi pihak kerajaan akan berusaha untuk membendung dan mengawalnya.

HOSPITAL DAERAH BUTTER- WORTH—PEMBESARAN

10. Tuan Haji Mohamed Yusoff bin Haji Abdul Latif minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian Kesihatan bercadang untuk membesarkan Hospital Daerah Seberang Perai Utara di Butterworth sebagai Hospital kedua terbesar di negeri Pulau Pinang selepas Hospital Besar Pulau Pinang. Ini akan

memudahkan pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan pembedahan tak perlu dikejar ke Hospital Besar Pulau Pinang atau ke Hospital Daerah Bukit Mertajam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Pada masa ini Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan untuk membesaraskan Hospital Daerah Butterworth, Seberang Perai Utara seperti dicadangkan. Namun demikian, dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Kesihatan akan melaksanakan beberapa projek di Hospital Daerah tersebut, seperti membina Jabatan Rekod Baru dan membina satu Rumah Mayat baru. Kementerian juga akan terus mengawasi keperluan penduduk-penduduk di kawasan Seberang Perai Utara dan akan berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan di Daerah itu seujar dengan keperluan semasa penduduk.

PEMILIH BERDAFTAR

11. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pemilih berdaftar dalam daftar pemilih sehingga akhir Mei 1989;
- (b) apakah langkah yang akan diambil oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk mendaftar lebih kurang 900,000 orang yang layak mengundi tetapi masih belum didaftarkan lagi;
- (c) bilakah pendaftaran pemilih sepanjang tahun akan dilaksanakan seperti yang dijanjikan oleh Pengurusi Suruhanjaya Pilihanraya baru-baru ini dan apakah langkah yang akan diambil untuk melaksanakannya;
- (d) adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan pendaftaran pemilih secara wajib, jika tidak, mengapa;

(e) adakah beliau sedar bahawa daftar pemilih tidak memberikan satu gambaran yang tepat pemilih-pemilih sebenar kerana pada setiap kali pilihanraya umum nama-nama pemilih yang sudah meninggal dunia atau pemilih-pemilih yang tidak lagi tinggal di negara ini masih terdapat daftar pemilih, jika ada, apakah tindakan Suruhanjaya Pilihanraya bercadang untuk mengambil ke atas perkara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri: (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):

- (a) Jumlah pemilih yang terdapat dalam daftar pemilih yang telah disahkan pada 1 Mac 1989 ialah seramai 7,211,750.
- (b) Pada tahun 1989, Suruhanjaya Pilihanraya telah melancarkan urusan pendaftaran pemilih secara bersepadu. Urusan ini bermula pada 21 Mei 1989 dan akan tamat pada 2 Julai 1989. Dalam urusan ini berbagai-bagai kaedah telah digunakan bagi memberi peluang yang seluas-luasnya kepada orang ramai untuk mendaftar sebagai pemilih. Dengan langkah-langkah yang diambil, Suruhanjaya Pilihanraya yakin ianya akan dapat mendaftarkan sebilangan besar warganegara yang belum mendaftar.
- (c) Cadangan untuk mendaftarkan pemilih secara berterusan sepanjang tahun masih lagi dalam kajian.
- (d) Kerajaan tidak bercadang untuk mewajibkan warganegara mendaftar sebagai pemilih. Ini disebabkan dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi sebarang bentuk paksaan adalah tidak sesuai. Rakyat sepatutnya diberi peluang untuk memilih sama ada hendak menggunakan hak

sebagai warganegara atau sebaliknya.

- (e) Suruhanjaya Pilihanaraya dari semasa ke semasa sentiasa mengambil tmdakan membersihkan daftar pemilih. Walau bagaimanapun daftar pemilih ini tidak boleh bersih sepenuhnya kerana kematian dan perlucutan taraf kewarganegaraan sentiasa berlaku.

PULAU BIDONG DITUTUP

12. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa Malaysia telah pun mengisyiharkan Pulau Bidong akan ditutup kepada semua pendatang tanpa izin ini, dan dapatkah Malaysia menutup Pulau Bidong ini dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah mengisyiharkan pada tahun lalu untuk menutup Pulau Bidong sebagai khemah sementara pendatang haram Vietnam. Kerajaan berpegang tegoh pada keputusan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak pengisytiharan tersebut Kerajaan telah mengambil berbagai-bagi usaha untuk mencari penyelesaian muktamad masalah pendatang haram Vietnam sejajar dengan keputusan menutup Pulau Bidong. Usah-usaha tersebut telah dijalankan di beberapa peringkat.

Diperingkat dua hala, rundingan-rundingan telah pun diadakan dengan pihak Vietnam. Vietnam berjanji akan bekerjasama dengan Malaysia untuk menyelesaikan masalah pendatang haram ini.

Diperingkat serantau dan antarabangsa pula, Malaysia dan negara-negara ASEAN telah menggesa supaya diadakan Persidangan Antarabangsa mengenai orang-orang pelarian Indonesia untuk menyelesaikan

masalah ini secara menyeluruh dan berkekalan.

Lanjutan daripada itu, berbagai rundingan telah diadakan termasuklah Mesyuarat Persediaan di Kuala Lumpur pada bulan Mac yang lalu dan Persidangan Antarabangsa mengenai Orang-orang Pelarian Indonesia di penngkat Menteri-Menteri Luar di Geneva pada 13-14 Jun ini.

Persidangan di Geneva telah menerima sebulat suara "Comprehensive Plan of Action" (CPA). Penerimaannya secara sebulat suara oleh Persidangan merupakan "political commitment" antarabangsa untuk bersama-sama berusaha menyelesaikan masalah tersebut. CPA ini menggairiskan tanggungjawab semua pihak. Vietnam, sebagai negara asal, mestilah mengambil langkah-langkah yang berkesan menyekat rakyatnya keluar secara haram; memperluaskan Program Keluar Secara Teratur (Orderly Departure Programme) sebagai saluran tunggal dan menerima balik rakyatnya yang tidak diterima untuk penempatan oleh negara-negara ketiga. Vietnam bersetuju bekerjasama dengan semua pihak untuk melaksanakan CPA ini. Mengenai penerimaan balik rakyatnya yang bukan orang-orang pelarian (non-refugees), Vietnam bersetuju menerimanya secara "voluntary repatriation" dan tidak dengan cara "forced repatriation".

CPA juga mengandungi provisi "screening mechanism" iaitu satu tapisan untuk menentukan "bona-fide refugees" dengan bukan "refugees". Penapisan ini merupakan satu mekanisma untuk membanteras ketibaan pendatang-pendatang haram Vietnam dan ianya bertujuan memberitahu rakyat Vietnam bahawa mereka tidak akan lagi diterima dengan tangan terbuka secara otomatis oleh negara-negara transit di Asia Tenggara dan oleh negara-negara ketiga untuk penempatan semula. Status mereka akan ditentukan oleh

"screening mechanism" ini. Mereka yang ditapis sebagai "non-refugees" adalah menjadi tanggungjawab Vietnam dan akan dihantar balik ke Vietnam.

Negara-negara ketiga bersetuju mengambil semua pelarian Indochina yang berada di khemah-khemah di Asia Tenggara sebelum tarikh penapisan diadakah (cut-off date) dan semua pelarian yang ditentukan sebagai "bona-fide refugees" selepas penapisan (screening mechanism). Penempatan semula oleh negara-negara ketiga ini akan dijalankan dalam masa lebih kurang 3 tahun.

Persidangan Antarabangsa di Geneva juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelaras bertujuan untuk menyelaras dan memastikan perlaksanaan CPA dijalankan dengan segera untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh negara-negara penempatan pertama seperti Malaysia. Malaysia adalah menjadi anggota Jawatankuasa Penyelaras ini. Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Penyelaras telah diadakan di Geneva pada 15hb Jun dan antara lain bersetuju:

- (i) menilai sama ada langkah-langkah yang diambil oleh Vietnam untuk membanteras pengeluaran rakyatnya secara haram berkesan atau tidak;
- (ii) menilai dan mendesak Vietnam untuk terus mengembang dan memudahkan Program Keluaran Secara teratur (ODP) sebagai saluran tunggal untuk rakyatnya keluar. Ini termasuk langkah penerangan yang dijalankan oleh Vietnam mengenai perkara ini;
- (iii) membahagikan di antara negara-negara ketiga jumlah peiarian yang berada di khemah-khemah sementara di Asia Tenggara. Detail program penempatan ini akan

dibincangkan di Mesyuarat Kedua pada pertengahan bulan julai di Bangkok;

- (iv) membincangkan penubuhan Pusat Persinggahan Serantau (Regional Transit Centre) untuk menampung pelarian-pelarian di khemah-khemah sementara di Asia Tenggara sebagai langkah mengurangkan beban negara-negara tersebut;
- (v) membincangkan penubuhan "Regional Holding Centre" untuk bukan refugees sebelum di hantar pulang ke Vietnam.-

Kita menyokong CPA ini kerana ia merupakan satu komitmen antarabangsa untuk menyelesaikan masalah ini secara menyeluruh dan untuk memastikan beban yang ditanggung oleh Malaysia diselesaikan secepat mungkin dalam jangkawaktu yang ditetapkan. Ianya adalah sejajar dengan keputusan Kerajaan Malaysia untuk menutup Pulau Bidong sebagai khemah sementara pendatang haram Vietnam.

LEBUHRAYA PERSEKUTUAN- KESESAKAN LALULINTAS

13. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa salah satu punca kesesakan lalulintas Lebuhraya Persekutuan terutamanya di antara Shah Alam dan Petaling Jaya adalah kerana kenderaan berat yang tidak berupaya berjalan laju ketika mendaki bukit lepas pekan batu 3 (khususnya kenderaan dari arah Kelang ke KL/PJ). Jika ia, adakah Kementerian bercadang menjadikan Lebuhraya tersebut 3 lorong di tempat berkenaan sahaja. Jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhat Wan): Kementerian Kerjaraya sedar bahawa di antara sebab berlakunya kesesakan lalulintas di

Lebuhraya Persekutuan, terutama antara Shah Alam dan Petaling Jaya ialah kerana kenderaan berat berjalan perlahan bila menaiki bukit. Menyedari hakikat ini Kementerian Kerjaraya telah mencadangkan supaya Lebuhraya Persekutuan berkenaan dilebarkan daripada 2 lorong kepada 3 lorong dua hala. Cadangan ini tetap pun dimasukkan sebagai sebahagian dari perjanjian konsesi penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan yang dijalankan oleh Syarikat Plus Bhd. Kerja-kerja melebarkan Lebuhraya Persekutuan dijangka bermula pada penghujung tahun 1990 apabila kerja-kerja pembinaan Lebuhraya Baru Lembah Kelang dari Bukit Raja ke Damansara siap. Kerja-kerja melebarkan Lebuhraya berkenaan meliputi keseluruhan Lebuhraya daripada persimpangan bertingkat lapangan terbang Subang ke Bulatan Berkeley Bandar Kelang sepanjang 15 km.

TANAH TERBIAR

14. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pertanian menyatakan bagaimanakah perlaksanaannya dalam usaha-usaha membangunkan tanah terbiar yang mana Kementerian ada mempunyai peruntukan dan bagaimana kesannya setakat ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Soalan ini pernah beberapa kali dijawab di persidangan Dewan Rakyat yang lepas. Walau bagaimanapun sebagai maklumat tambahan, Kementerian Pertanian telah memulakan program Tanah Sawah Terbiar di bawah Rancangan Malaysia ke Empat, tetapi peruntukan khas untuk program ini tidak diperuntukkan. Di bawah RML sebanyak \$14 juta telah diperuntukkan bagi tujuan melaksanakan program pemulihan sawah terbiar yang luasnya 125,255 ha. Peruntukan yang diberi berasaskan kepada \$1,000/-se hektar.

Matlamat Kementerian ialah untuk memulihkan sekurang-kurangnya 10% setahun. Kemajuan yang telah dicapai sejak tahun 1986 ialah seperti berikut:

| | | hektar |
|-----------------------------|-------|---------|
| 1986—\$1.2 juta | | 1585.2 |
| 1987—\$1.67 juta | | 2149.42 |
| 1988—\$4.1 juta | | 4372.7 |
| 1989—\$5 juta (Anggaran) | . | 5,000 |
| 1990—\$2.03 juta (Anggaran) | . | 2,000 |

Selain daripada menggunakan peruntukan Kementerian Pertanian, Jabatan/Agensi di bawah Kementerian dengan menggunakan peruntukan masing-masing dan pihak FELCRA juga telah memulihkan sawah terbiar. Hasil daripada usaha pemulihan ini perangkaan tanah sawah terbiar telah turun kepada lebih kurang 87,000 pada akhir tahun 1987. Anggaran pemulihan yang dipulihkan oleh Jabatan/Agensi di bawah Kementerian dan FELCRA ialah seperti berikut:

| |
|------------------------|
| 1988—11241 |
| 1989—10,000 (Anggaran) |
| 1990—10,000 (Anggaran) |

Prestasi yang kurang memuaskan pada awal-awal RML, adalah disebabkan kesukaran untuk mengesan "absentee landlord" dan kesukaran untuk mendapat persetujuan tuan-tuan tanah untuk mengusahakan tanah mereka.

Namun begitu masalah "absentee landlord" dapat diselesaikan dengan bantuan Pejabat Tanah dan Galian Negeri yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi pihak tuan tanah. Masalah keengganan tuan-tuan tanah untuk memberi persetujuan bagi mengusahakan tanah mereka telah dapat diatasi dengan melantik LPP sebagai agensi utama yang ditugaskan untuk mengenalpasti tuan-tuan sawah tanah terbiar dan mendapatkan persetujuan mereka. Dengan mengadakan majlis-majlis perjumpaan dan dialog LPP telah berjaya mengatasi masalah ini.

**JALAN KE LADANG—
LADANG—TARAF**

15. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan taraf jalan (mengetar) jalan-jalan utama masuk ke ladang-ladang seperti yang dirancangkan kepada menaikkan taraf jalan di rancangan-rancangan FELDA. Apakah Kerajaan sedar dengan melepaskan tanggungjawab membaiki dan mengetar jalan-jalan utama di ladang-ladang kepada majikan dan pengurusan ladang semata-mata bererti akan sukarlah penduduk dan pekerja ladang menikmati kemudahan Kerajaan seperti jalan yang baik dan sempurna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamad bin Jamrah); Kementerian memang berhasrat untuk menaikkan taraf (mengetar) jalan-jalan laterite yang telah lama dibina dan mengalami kerosakan. Ini termasuklah juga jalan-jaiyan utama menuju ke ladang-ladang. Untuk makluman Y.B., Kementerian buat masa ini sedang mengumpulkan maklumat dari negeri-negeri berhubung dengan jalan-jalan luar bandar bertaraf laterite yang perlu dinaikkan beserta anggaran peruntukan yang diperlukan bagi pembinaannya.

Walau bagaimanapun, pembinaan jalan dan penyediaan lain-lain kemudahan asas di dalam sesuatu kawasan ladang itu adalah di bawah tanggungjawab pengurusan majikan ladang itu sendiri, dan dari itu sepatutnyaalah pihak pengurusan ladang patut memberikan tumpuan yang lebih bagi menyediakan kemudahan asas yang sempurna untuk dinikmati oleh para pekerja ladang mereka.

Sebagaimana Ahli Y.B. tentu maklum, peruntukan yang dapat disediakan oleh Kerajaan adalah terhad, sedangkan masih banyak lagi jalan-jalan di kampung-kampung tradisional yang di luar dari tanggungjawab mana-mana agensi pembangunan wilayah juga badan-badan swasta yang perlu dinaikkan taraf. Sehingga kini masih terdapat banyak lagi kampung-kampung tradisional yang masih belum menikmati kemudahan asas khususnya jalan yang sempurna. Maka wajarlah kampung-kampung ini diberikan perhatian utama supaya kehidupan penduduk-penduduk kampung tersebut tidak terbiar.

**PENDAPATAN GARIS
KEMISKINAN**

16. Tuan Chew Kam Hoy minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah asas pengukuran paras pendapatan kemiskinan atau PPM (poverty line income—PLI) mengikut setiap dokumen Rancangan Pembangunan Malaysia 5 tahun; dan
- (b) adakah asas ukuran Unit Perancangan Ekonomi itu telah berubah.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman;

- (a) Pendapatan garis kemiskinan di negara ini dikira berdasarkan keperluan-keperluan minimum sesebuah isirumah bagi tiga perkara utama iaitu makanan, pakaian dan alas kaki serta keperluan-keperluan lain seperti sewa tempat kediaman, bahanapi dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pelajaran dan rekreasi. Bagi makanan, perbelanjaan minimum adalah berdasarkan jumlah kalori yang diperlukan sebagaimana yang

dicadangkan oleh Institut Penyelidikan Perubatan sementara keperluan minimum untuk pakaian dan alas kaki disediakan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat. Perkara-perkara lain seperti sewa tempat kediaman, bahanapi dan tenaga, Pengangkutan dan perhubungan kesihatan, pelajaran dan rekreasi adalah berasaskan tingkat perbelanjaan golongan berpendapatan rendah seperti yang dilaporkan dalam Penyiasatan Perbelanjaan Isi-rumah.

Pendapatan garis kemiskinan mengikut tahun-tahun tertentu adalah seperti berikut:

| Tahun | Sema-nanjung Malaysia (\$) | Sabah (\$) | Sarawak (\$) |
|---------|----------------------------------|---------------|-----------------|
| 1970 .. | 180 | — | — |
| 1976 | 243 | 377 | 307 |
| 1980 .. | 279 | 443 | 356 |
| 1984 , | 349 | 540 | 423 |
| 1987 | 350 | 533 | 429 |

- (b) Setakat ini, asas pengukuran pendapatan garis kemiskinan ini tidak berubah. Apa yang berubah ialah nilai pendapatan garis kemiskinan itu yang diubahsuai bagi mengambil kira perubahan paras harga dengan menggunakan Indeks Harga Pengguna.

JURURAWAT BERTUGAS—MASA

17. Tuan Gerard Math Lee Min bertanya kepada Menteri Kesihatan:

- (i) sama ada beliau sedar atau tidak bahawa jururawat-jururawat di Sabah yang bertugas secara giliran mengikut waktu tertentu, bekerja lebih lama waktunya daripada jururawat-jururawat yang bertugas mengikut waktu pejabat; dan

- (ii) jika keadaan tersebut diketahui oleh beliau, diharapkan sebab-sebab diberikan untuk menerangkan mengapa berlaku sedemikian dan sama ada Kementerian Kesihatan akan mengambil sebarang langkah untuk membaiki situas tersebut.

Tuan Chua Jui Meng:

- (i) Saya suka memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa adalah tidak benar bahawa jururawat yang bertugas secara giliran mengikut waktu tertentu bekerja lebih lama daripada jururawat yang bertugas mengikut waktu pejabat. Misalnya, mereka yang bertugas waktu pejabat adalah bekerja selama 8 jam 15 minit iaitu daripada 8.00 pagi hingga 4.15 petang; manakaia mereka yang bertugas syif pagi bekerja selama 7 jam iaitu daripada 7.00 pagi sehingga 2.00 petang dan mereka yang bertugas syif petang bekerja selama 7 jam juga iaitu daripada 2.00 petang sehingga 9.00 malam. Bagi mereka yang bertugas syif malam pula, mereka bekerja 10 jam iaitu daripada 9.00 malam sehingga 7.00 pagi selama 6 hari berturut-turut dan selepas itu diberi 4 hari cuti kelepasan iaitu untuk rehat dan sebagai hari kelepasan.

- (ii) Peraturan sedemikian ini bukan sahaja berlaku di Negeri Sabah tetapi adalah diperaktikkan di seluruh Malaysia dan didapati sesuai.

PENGANGGURAN SISWAZAH

18. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi pengangguran termasuk penganggur berijazah.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Untuk mengatasi pengangguran termasuk pengangguran siswazah, permintaan terhadap buruh perlu dipertingkatkan. Permintaan buruh boleh dipertingkatkan dengan adanya pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Bagi tujuan ini kerajaan telah mengambil berbagai langkah untuk memperkuuhkan ekonomi negara. Antara langkah tersebut ialah menggalakan pelaburan swasta yang lebih banyak. Di samping itu, Kerajaan juga mengambil langkah memastikan supaya kos buruh tidak terlalu tinggi sebagai pendorong kepada perwujudan lebih banyak peluang pekerjaan. Sementara itu Kerajaan juga mengambil berbagai langkah lebih khusus untuk mengatasi pengangguran dengan meningkatkan penggunaan buruh dalam beberapa sektor ekonomi seperti pertanian, pembinaan dan penjaja.

TANG ENG SUN— GURU GIAT DALAM POLITIK

19. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak bahawa seorang guru bernama TANG ENG SUN, Nombor Kad Pengenalan 6916689 yang mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), Bukit Tinggi, Daerah Bentong, Pahang, telah dapat kelulusan dan persetujuan untuk memegang jawatan dalam Parti Politik dan membernai beliau berucap di atas pentas Parti Politik dan, jika sedar, sebutkan tarikh dan alasan kelulusan itu dikeluarkan oleh Kementeriannya; jika tidak, apakah tindakan yang akan diambil terhadapnya.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Kementerian Pendidikan tidak pernah memberikan kelulusan kepada Encik Tang Eng Sun sama ada untuk melibatkan diri dalam Parti Politik mahupun berucap di atas

pentas Politik. Siasatan akan dibuat terhadap beliau dan tindakan tata tertib akan diambil jika perkara ini benar.

KAKITANGAN SEKOLAH MENENGAH PODOS—LANTIKAN

20. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimanakah sistem pemilihan kakitangan ke jawatan Kerani dan Tukang Kebun di setiap sekolah oleh kerana baru-baru ini Jabatan Pendidikan Sabah telah melantik Kerani dan Tukang Kebun di Sekolah Menengah Podos, Kota Belud (yang baru saja diwujud pada awal tahun ini) daripada lain kampung sedangkan orang kampung di situ pun banyak juga yang telah memohon dan jika dilihat daripada umur, tenaga, kesihatan, kebolehan, pelajaran dan pengalaman dibanding dengan orang yang telah dilantik itu maka tak ada pula sebarang perbezaan. Yang lebih sedih lagi bila para pemohon daripada kampung itu sendiri telah tidak pun diberi peluang untuk menyertai temuduga. Adakah ini menunjukkan bahawa guru besar sekolah berkenaan atau pihak pegawai berkuasa berkenaan boleh memilih siapa yang mereka suka sendiri daripada kawan-kawan, saudara mara ataupun penyokong peribadi atau secara politik. Jika ini benar, adakah cara seperti ini adil.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan mempunyai prosedur-prosedur tertentu di dalam memilih pegawai dan kakitangan untuk berkhidmat dengan Kementerian ini. Prosedur-prosedur tersebut adalah melalui proses pengiklanan, tapisan temuduga dan keputusan temuduga. Kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah kes kakitangan sambilan yang mana Jabatan Pendidikan Negeri diberi kuasa untuk membuat pengambilan mengikut prosedur di atas. Siasatan yang telah

dibuat didapati tidak terdapat penyelewengan di dalam proses pengambilan tersebut.

TANDA HARGA JUALAN

21. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada benar bahawa Kementeriannya telah mengeluarkan notis kepada penjaja-penjaja dalam Kuala Lumpur untuk mengarahkan mereka mempamirkan tanda harga semua jenis jualan dan sama ada beliau sedar bahawa arahan ini tidak praktikal kerana beberapa barang-barang pengguna seperti daging, ikan dan sayur-sayuran tidak tetap dalam harga sepanjang hari perniagaan dan sama ada Kementeriannya bersetuju menarik balik arahan tersebut.

Dato' Kok Wee Kiat: Penandaan harga kepada 111 jenis barangan telah diwajibkan kepada penjualruncit oleh Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual runcit) 1977 iaitu satu perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Kawalan Harga 1946 yang berkuatkuasa semenjak 1 Mei 1977 lagi.

Sungguhpun perundangan subsidiari ini berkuatkuasa pada 1 Mei 1977, tindakan undang-undang ke atas penjualruncit yang gagal mematuhi tidak diambil sehingga awal tahun 1978 bagi membolehkan penjualruncit benar-benar memahami peruntukan-peruntukannya. Bagi memastikan penjualruncit-penjualruncit benar-benar memahami dan dapat mematuhi perundangan subsidiari ini dengan mudah. Kementerian Perdagangan dan perindustrian telah mengambil langkah-langkah untuk maklumkan kepada semua pihak sama ada melalui ceramah, dialog dan penerbitan. Langkah menyebarkan ketahaman peruntukan perundangan subsidiari ini dibuat disetiap peringkat di seluruh

negara dan penguatkuasaannya ditaksanakan hanya apabila Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yakin bahawa pihak-pihak terlibat memahami peruntukan Undang-undang ini dan objektifnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah perundangan subsidiari ini, penjualruncit hanya diwajibkan meletakkan tanda harga kepada 111 jenis barangan. Maklumat yang perlu ditunjukkan ialah harga bagi setiap unit barangan berkenaan sahaja. Barang-barang seperti ikan basah dan sayur-sayuran tidak termasuk di bawah 111 jenis barangan ini. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mendapat bahawa perintah ini tidak menimbulkan apa-apa kesulitan kepada para peniaga. Sebaliknya, perintah ini telah mencapai objektifnya iaitu memudahkan pengguna dan peniaga kerana pengguna boleh mengenalpasti harga runcit barangan berkenaan tanpa perlu merujuk kepada para peniaga dan boleh membuat perbandingan antara harga barangan dan dengan itu dapat berbelanja dengan bijak.

Dengan demikian, adalah tidak benar Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengeluarkan notis kepada penjaja-penjaja di Kuala Lumpur untuk mengarahkan mereka mempamirkan tanda harga kepada semua jenis jualan.

GURU DAN BILIK DARJAH—KEKURANGAN

22. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimana menyelesaikan masalah kekurangan bilik darjah dan guru berkelayakan akibat rancangan KBSR.

Dr Leo Michael Toyad:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang menyedari akan kekurangan bilik-bilik

darjah akibat dari pelaksanaan rancangan KBSR. Walau bagaimanapun, sukacita saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa perancangan dan pembinaan bilik-bilik darjah tambahan dan sekolah-sekolah baru oleh Kementerian Pendidikan adalah merupakan satu usaha yang berterusan selaras dengan perturuan yang diberikan.

- (b) Untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru yang berkelayakan akibat rancangan KBSR, Kementerian Pendidikan telah menambah pengambilan guru-guru untuk dilatih khasnya untuk ditempatkan di semua jenis sekolah.

KOPERASI KOTINDAK

23. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (i) sama ada Koperasi KOTINDAK yang didaftarkan pada tahun 1984 masih beroperasi;
- (ii) siapakah yang menganggotai Lembaga Pengurusannya;
- (iii) berapa ramai pemegang sahamnya;
- (iv) Jumlah dividen pulangan, jika ada, untuk pemegang sahamnya sejak tahun 1985;
- (v) Pernahkah KOTINDAK memohon kepada Kementerian supaya dapat menjalankan aktiviti-aktiviti pengambilan deposit daripada orang ramai. Jika ya, kenapa permohonannya ditolak.

Tuan Mohamed bin Jamrah:

1. Koperasi KOTINDAK masih lagi beroperasi pada masa ini. Aktiviti koperasi ini ialah dalam bentuk petuburan dan jumlah modal

yang dimiliki oleh koperasi ini ialah \$424,345.

2. Lembaga Pengurusan koperasi ini dipengerusikan oleh Y.B. Dr Chen Man Hin manakala ahli yang lain terdiri daripada Y.B. Fung Ket Wing (Setiausaha), Y.B. Liew Ah Kim (Bendahari), Y.B. Lim Kit Siang, Y.B. Hu Se Pang, Y.B. Chian Heng Kai, Encik Lee Kaw, Y.B. P. Patto dan Y.B. Dr Eng Seng Chai.
3. Pemegang saham koperasi ini ialah seramai 1,391 orang dan lebih daripada 95% adalah terdiri dari kaum Cina.
4. Semenjak tahun 1985 koperasi ini tidak pernah mengeluarkan dividen kepada pemegang sahamnya oleh kerana keuntungan yang terkumpul terlalu sedikit untuk diagihkan sebagai dividen.
5. Untuk makluman Yang Berhormat, Koperasi KOTINDAK tidak pernah memohon kepada Kementerian ini untuk mendapatkan kelulusan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pengambilan deposit daripada orangramai.

JALANRAYA UTAMA NEGERI SARAWAK— PERUNTUKAN

24. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) Apakah sebab-sebab jalanraya dari simpang Lubok Antu ke Hydro Batang Ai telah disenaraikan sebagai projek jalan raya yang tidak diberikan keutamaan;
- (b) Berapakah jumlah hasil bulanan Hydro Batang Ai kepada Kerajaan; dan
- (c) Sama ada sedar atau tidak sampai sekarang ada dua Yang

Berhormat iaitu seorang Ahli Dewan Undangan Negeri, dan seorang lagi Ahli Dewan Rakyat menghadapi kemalangan di jalan tersebut.

Tuan Luhat Wan:

- (a) Buat masa ini Kementerian menyediakan banyak peruntukan untuk menyiapkan jalan raya utama negeri Sarawak. Kementerian menganggap semua jalanraya di Sarawak perlu diberi keutamaan, tetapi perlu diingat bahawa jarak jalan-jalan di Sarawak adalah sangat panjang dan memerlukan perbelanjaan yang besar. Kerajaan tidak dapat menyediakan peruntukan tersebut sekaligus tetapi secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan negara. Sehubungan dengan ini dari segi perlaksanaannya jalan raya utama perlu didahulukan jika dibandingkan dengan jalan masuk iaitu dari Simpang Lubuk Antu ke Batang Ai. Walau bagaimanapun saya akan mengambil perhatian mengenai jalan tersebut.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Elektrik Hydro Batang Ai diuruskan oleh Perbadanan Letrik Sarawak (SESCO). Kementerian ini dimaklumkan bahawa hasil tenaga bulanan Hydro ini ialah lebih kurang 50 Gigawatt jam. Untuk maklumat selanjutnya mengenai hasil bulanan Hydro Batang Ai Yang Berhormat adalah dinasihatkan berhubung Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos Malaysia.
- (c) Kementerian sedar mengenai kejadian kemalangan yang berlaku ke atas 2 Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Dewan Rakyat.

**UNIVERSITI TEMPATAN—
PEMOHON**

25. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) bilangan pemohon untuk memasuki universiti tempatan (termasuk Universiti Islam Antarabangsa) pada tahun 1987, 1988 dan 1989, dan
- (ii) bilangan permohonan yang telah diluluskan dalam tempoh yang tersebut.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (i) Bilangan pemohon peringkat Ijazah Pertama di universiti-universiti tempatan adalah seperti berikut:

| <i>Tahun</i> | <i>Jumlah</i> |
|---------------|---------------|
| 1987/88 | 27,658 |
| 1988/89 | 24,155 |

- (ii) Bilangan permohonan yang berjaya dalam tempoh tersebut ialah:

| <i>Tahun</i> | <i>Jumlah</i> |
|---------------|---------------|
| 1987/88 | 9,289 |
| 1988/89 | 8,599 |

Proses kemasukan bagi sesi 1989/90 masih belum selesai lagi, oleh yang demikian perangkaannya tidak dapat dikeluarkan lagi.

**JAWATANKUASA AKAUN
AWAM (PAC)**

26. Dr V. David minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jawatankuasa Akaun Awam (PAC) baru-baru ini telah membuat perhatian bahawa kadar perbelanjaan beberapa Jabatan Kerajaan telah melebihi terlalu sangat daripada amaun

yang diperuntukkan bagi memenuhi kehendak belanjawan Jabatan masing-masing, bagaimanakah beliau bercadang menyelesaikan masalah ini;

- (b) apakah sumber pendapatan Jabatan-jabatan ini sedangkan pihak Perbendaharaan akan mengeluarkan amaun perbelanjaan telah dianggarkan dan diluluskan terlebih dahulu sahaja;
- (c) apakah tindakan YAB Perdana Menteri ingin ambil di atas pemungkir-pemungkir dan mengumumkan nama-nama mereka yang terlibat.

Dato' Loke Yew Yow:

Perolehan Kepada Mengurus yang Perbelanjaan Mengurus yang melebihi daripada peruntukan adalah disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan sesuatu Kementerian seperti bayaran tunggakan pence dan ganjaran, bayaran kerana perubahan kadar eluan kakitangan seberang laut, tambahan pemberian kepada pertubuhan antarabangsa iaitu Suruhanjaya Selatan Selatan. Tabung Perpaduan Islam dan Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). Manakala kelebihan perbelanjaan Pembangunan berbanding dengan peruntukan adalah disebabkan oleh perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan seperti kenaikan kos projek dan untuk menampung tanggungan-tanggungan di bawah kontrak dari tahun sebelumnya yang dibawa ke dalam tahun berikutnya disebabkan oleh kelewatan jadual pembinaan projek.

Peraturan Kewangan yang ada sekarang di bawah Akta Acara Kewangan dan Arahan-arahan Perbendaharaan adalah mencukupi untuk memastikan Pegawai-pejawai

Pengawal di setiap Kementerian/Jabatan tidak membuat perbelanjaan masing-masing melebihi daripada peruntukan yang ditetapkan. Dalam pada itu Perbendaharaan dari masa ke semasa sentiasa mengawasi prestasi perbelanjaan setiap Kementerian/Jabatan dan juga menentukan permohonan anggaran perbelanjaan tahunan dibuat secara terancang (planned budget) supaya masalah kelebihan belanja dapat dielakkan.

Jawapan Kepada Soalan (b)

Soalan kedua dari Y.B. ini tidak jelas. Daripada apa yang dapat saya fahami, beliau ingin mengetahui apakah Perbendaharaan mengambil kira hasil yang dipungut oleh sesebuah Kementerian/Jabatan dalam menentukan peruntukan-peruntukan kepada Kementerian/Jabatan berkenaan.

Perlembagaan Persekutuan menetapkan semua hasil yang diperolehi oleh Kementerian/Jabatan akan dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan dan dari Akaun inilah peruntukan-peruntukan diagihkan kepada semua Kementerian/Jabatan melalui Akta Bekalan. Peruntukan tahunan akan disediakan secukupnya bagi menampung keperluan Kementerian/Jabatan tidak kira sama ada Kementerian/Jabatan itu mengutamakan hasil atau tidak.

Jawapan Kepada Soalan (c)

Oleh kerana kelebihan belanja ini berlaku disebabkan oleh perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan dan di luar dugaan, maka Kerajaan berpuashati tidak ada penyelewengan telah dilakukan. Walau bagaimanapun sebagai melaksanakan Peraturan-peraturan dan Tatacara Kewangan yang sedia ada, antara tindakan yang diambil ialah Perbendaharaan telah pun mengeluarkan Pekeliling

Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1988 bertarikh 28 November 1988 mengarahkan semua Pegawai-pegawai Pengawal membuat perancangan awal perbelanjaan tahun 1989 bertujuan bukan sahaja untuk mengelakkan kurang belanja (shortfall) tetapi juga untuk menentukan peruntukan tahun 1989 tidak dilebihi dari segi perbelanjaannya dengan membuat perancangan perbelanjaan yang rapi di peringkat awal. Aturan yang sama akan dibuat bagi tujuan kewangan 1990 dan tahun-tahun berikutnya.

EKSPORT KERETA PROTON SAGA

27. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah eksport dan penjualan tempatan bagi kereta Proton Saga sehingga bulan Mei 1989; dan
- (b) sebab-sebab mengapa harus meningkatnya harga bagi Proton Saga di antara, tiga dan empat peratus memandangkan kepada kejatuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang asing.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Jumlah eksport kereta Proton Saga dari tahun 1986 sehingga 31 Mei 1989 ialah 5,280 unit, manakala jualan dalam negeri pula ialah 115,489 unit.
- (b) Kenaikan harga Proton Saga sebanyak 3 hingga 4 peratus adalah untuk menampung kenaikan kos pengeluaran akibat kenaikan harga bahan-bahan "completely knock-down" (CKD) dan komponen-komponen lain yang diimport akibat kenaikan nilai mata wang asing.

BIMBINGAN KEPADA BELIA

28. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah sebarang kesulitan yang dihadapi oleh Kerajaan di dalam memberikan bimbingan kepada para belia. Adakah Kementerian menghadapi sebarang kesulitan dari segi tenaga pengajar ataupun kekurangan tempat atau apa jua masalah serta nyatakan apakah usaha-usaha yang sedang dijalankan bagi menyelesaikan masalah-masalah itu.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Setakat ini Kementerian tidak menghadapi kesulitan yang tidak dapat diatasi untuk memberikan bimbingan kepada golongan belia. Kementerian telah mengambil langkah untuk menubuhkan beberapa buah Pusat Latihan Belia dan menyediakan lebih banyak kemudahan di Pusat Latihan sedia ada dengan tujuan untuk memberi peluang kepada lebih ramai belia mengikuti kursus kemahiran. Pada masa sekarang kemudahan tempat di Pusat-pusat Latihan Belia yang sedia ada, masih terhad dan jumlah permohonannya dari semasa ke semasa tidak dapat memenuhi jumlah permintaan yang begitu ramai.

Usaha-usaha juga telah dijalankan untuk mengisi beberapa kekosongan juga tenaga pengajar di Pusat-pusat Latihan Belia yang berkenaan. Sebagai langkah jangka pendek beberapa orang sukarelawan telah ditempatkan untuk membantu beberapa kekosongan yang dihadapi.

MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI KUALA LUMPUR— PERSEDIAAN

29. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Luar Negeri menyatakan Malaysia akan menjadi tuan

rumah kepada Persidangan Ketua Negara-negara Kommonwel pada penghujung tahun ini, yang merupakan satu penghormatan kepada negara dan rakyat Malaysia:

- (a) apakah persediaan keselamatan pihak Kerajaan bagi menjamin keselamatan persidangan ini berjalan lancar bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku terhadap pemimpin-pemimpin negara yang hadir di sidang itu;
- (b) selama ketua-ketua Negara berkenaan berada di Malaysia, adakah mereka akan dibawa melawat negeri-negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak; dan
- (c) sehingga hari ini, saya ingin tahu berapakah jumlah Negara Kommonwel yang sanggup hadir ke Persidangan tersebut.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Persediaan untuk Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Kommanwel CHOGM yang akan diadakan pada 18 hingga 24 Oktober tahun ini sedang dibuat dengan menyeluruh dan terperinci oleh semua pihak berkenaan untuk mempastikan supaya mesyuarat berjalan lancar tanpa sebarang gangguan.

- (a) Mengenai persediaan keselamatan untuk menjamin keselamatan semua yang akan hadir, perkara ini adalah menjadi tanggungjawab pihak Kementerian Dalam Negeri dan sedang diuruskan oleh Jawatankuasa Keselamatan yang di bawah pimpinan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri di mana pihak Polis Di Raja Malaysia memainkan peranan yang amat penting. Pihak Keselamatan menggunakan konsep keselamatan yang menyeluruh (total security) untuk menjamin keselamatan mesyuarat. Pelaksanaan konsep

ini telah pun dimulakan beberapa bulan yang lepas dengan memperketatkan pemeriksaan-pemeriksaan di seluruh pintu-pintu masuk ke Malaysia termasuk di lapangan terbang, pelabuhan-pelabuhan dan di sempadan-sempadan Malaysia dengan negara-negara jiran.

Selain dari itu, pihak Keselamatan juga sedang berhubung rapat dengan agensi keselamatan negara-negara sahabat yang mana difikirkan kemungkinan adanya ancaman dari negara-negara tersebut.

Untuk keselamatan dalam negeri pula, pihak keselamatan sedang membuat tapisan keselamatan (security vetting) ke atas semua yang terlibat dalam mesyuarat ini.

- (b) Selama Ketua-ketua Kerajaan berada di Malaysia mereka akan di bawa selama dua (2) hari pada hujung minggu ke Pulau Langkawi untuk bermesyuarat di Tempat Perentian (Retreat). Konsep retreat ini ialah tradisi bagi mesyuarat CHOGM. Mereka tidak akan dibawa ke negeri lain kerana kesuntukan masa.
- (c) Adalah terlalu awal buat masa ini untuk menyatakan mananya Ketua Kerajaan yang akan hadir. Surat jemputan daripada YAB Perdana Menteri kita telah puah dihantar beberapa bulan yang lalu dan sekarang ini kita sedang menunggu jawapan daripada Ketua-ketua Kerajaan tersebut. Walau bagaimanapun mesyuarat ini adalah mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan di mana Malaysia menjadi tuan rumah dan dengan itu kesemua mereka dijangka hadir.

**PROTON SAGA—KESAN
KENAIKAN YEN JEPUN**

30. Tuan Ahmad bin Omar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kesan kenaikan Yen Jepun kepada industri Proton Saga;
- (b) apakah implikasi yang dijangka sekiranya kereta nasional Proton Saga menggunakan enjin kereta buatan sendiri; dan
- (c) bagaimanakah prestasi industri kereta nasional semenjak ianya ditubuhkan.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Kenaikan yen Jepun telah menyebabkan harga komponen yang diimport (CKD) meningkat naik dan seterusnya menaikkan kos pengeluaran bagi Proton Saga.
- (b) Sekiranya kereta nasional Proton Saga menggunakan enjin buatan sendiri, ianya akan mengurangkan risiko kepada perubahan nilai mata wang asing dan menambahkan lagi bilangan industri komponen tempatan. Ini akan mendatangkan kebaikan kepada negara keseluruhannya.
- (c) Prestasi projek kereta nasional semenjak ditubuhkan adalah menggalakkan. Sehingga 30 April 1989 sebanyak 112,236 unit Proton Saga telah dijual dalam negeri. Dari segi eksport pula, sehingga 30 Mei 1989, sebanyak 5,280 unit Proton Saga telah dieksport ke 9 buah negara. Berhubung dengan prestasi kewangan, bagi tahun kewangan 1988/1989 Proton memperolehi keuntungan berjumlah \$32,025 juta. Bagaimanapun, sehingga 31 Mac 1989, Proton masih lagi

mengalami kerugian terkumpul berjumlah \$137,172 juta.

LESEN JUDI

31. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) benarkah bahawa tidak ada penyelarasan dan kata sepakat dalam meluluskan lesen judi dalam Kementerian Kewangan bilamana Menteri tidak tahu bahawa pegawai-pegawaiannya telah meluluskan lesen-lesen tersebut, sebagaimana telah diumumkan oleh Y.B. Menteri Kewangan baru-baru ini;
- (b) apakah langkah-langkah Kementerian Kewangan ke arah menghentikan amalan judi di negara ini;
- (c) baru-baru ini Kerajaan Negeri Sarawak telah menyeru Kerajaan Persekutuan supaya menghapuskan semua jenis judi di negara ini; sudahkah Kementerian Kewangan meliti akan hasrat Kerajaan Negeri Sarawak ini dan adakah penyelarasan dibuat dalam usaha menghapuskan perjudian dengan Kerajaan Negeri Sarawak.

Dato' Loke Yuen Yow:

- (1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Akta Loteri, 1952; Akta Rumah Perjudian Awam, 1953 dan Akta Pertaruhan Pool, 1967, lesen-lesen perjudian adalah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun pengeluaran lesen-lesen perjudian tersebut oleh Kementerian Kewangan adalah tertakluk kepada perakuan daripada pihak Polis dan pihak Berkusa Tempatan. Jika Polis dan pihak Berkusa Tempatan tidak bersetuju lesen

tidak akan dikeluarkan. Misalnya Kerajaan Negeri Johor telah menulis kepada Kementerian Kewangan memaklumkan bahawa mesin-mesin slot tidak dibenarkan dimain di Negeri Johor. Oleh itu tidak ada lesen bagi pengendalian mesin slot di Negeri Johor;

- (2) Semua permohonan lesen perjudian adalah diproses oleh pegawai-pegawai Kementerian Kewangan berpandukan Garispanduan yang dibuat oleh Menteri Kewangan;
- (3) Lesen-lesen ejen perjudian diluluskan oleh Pegawai-pegawai Kementerian Kewangan berdasarkan penu runan kuasa oleh Menteri Kewangan. Pengeluaran lesen-lesen bagi ejen-ejen perjudian adalah berpandukan kepada kriteria-kriteria di dalam Garispanduan di dalam Pengeluaran Lesen-lesen Perjudian yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan;
- (4) Di dalam kes yang dimaksudkan iaitu mengenai pengeluaran lesen bagi pengendalian mesin slot, apa yang berlaku ialah terdapat beberapa orang pegawai yang tidak memahami sepenuhnya tentang keputusan Kerajaan dalam pengeluaran lesen-lesen mesin slot;
- (5) Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan tertentu bagi mengawal kegiatan perjudian di Negara ini. Dalam hubungan ini Kerajaan telah menetapkan syarat-syarat yang lebih ketat bagi mengawal kegiatan perjudian dengan lebih berkesan lagi seperti memasang papantanda di luar pusat-pusat perjudian yang berbunyi "Judi adalah haram di sisi Agama Islam", melarang sama sekali kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dan murid-murid sekolah memasuki pusat-pusat perjudian dan mengadakan kawalan yang lebih ketat di pintu masuk ke bilik-bilik mesin slot. Selain dari itu lesen baru bagi segala kegiatan perjudian tidak akan dikeluarkan lagi dan jika perlu lesen-lesen perjudian yang telah dikeluarkan akan ditarik balik oleh Kerajaan. Di samping itu kajian mengenai segala aspek perjudian dibuat dari masa ke semasa mengikut keadaan;
- (6) Kerajaan Persekutuan mengambil perhatian di atas cadangan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak pada bulan Mac 1989 supaya dihapuskan semua perjudian di Negara ini. Walau bagaimanapun, seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat terlebih maklum bahawa Malaysia adalah sebuah Negara yang penduduknya terdiri dari berbilang kaum dan oleh yang demikian adalah sukar bagi Kerajaan untuk menghapuskan sama sekali kegiatan perjudian. Sekiranya kegiatan perjudian diharamkan kegiatan judi haram akan terus berleluasa yang pada masa ini melibatkan jumlah pertaruhan sebanyak \$5 ribu juta. ,

KEMUDAHAN ASAS LUAR BANDAR—PERBELANJAAN

32. **Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan bagi kemudahan asas di luar bandar bagi tahun 1985 hingga masa kini bagi perkara-perkara yang berikut:

- (a) jalan raya/infrastruktur;
- (b) bekalan air dan elektrik; dan
- (c) pusat kesihatan tempatan.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Perbelanjaan yang telah dilakukan oleh Kementerian ini bagi kemudahan asas luar bandar dari tahun 1985 hingga 1988 adalah seperti berikut:

- (a) Jalan raya/Infrastruktur—\$513,529,886.
- (b) Bekalan Air dan Elektrik—\$512,281,810.

Kementerian ini tidak terlibat dengan program pusat kesihatan tempatan. Walau bagaimanapun untuk makluman Y.B., perbelanjaan yang telah dilakukan untuk projek berkenaan berjumlah \$92,421,883.

PERHIMPUNAN AWAM TANPA PERMIT

33. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan polis yang telah diambil kepada golongan yang tidak berdaftar sebagai pertubuhan yang sah dalam menganjurkan perhimpunan atau lain-lain kegiatan ianpa permit yang ditubuhkan oleh polis sejak tahun 1988.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara tindakan yang diambil oleh pihak polis ialah termasuk mengarahkan supaya majlis tersebut diberhentikan jika sekiranya perhimpunan tersebut merupakan perhimpunan awam ataupun terkeluar daripada tujuan sebenar perhimpunan itu diadakan. Sekiranya larangan tersebut tidak dipatuhi maka tindakan melalui Mahkamah akan diambil.

SKIM GSP AMERIKA SYARIKAT

34. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dengan

penerusan GSP ke atas sebilangan barang-barang eksport Malaysia ke USA, dan apakah kemungkinan-kemungkinan peningkatan pengeluarannya untuk memenuhi kuota yang dikhaskan. Banyak manakah "shortfall" di dalam kuota ini; negara-negara manakah lagi yang memberi keistimewaan GSP kepada Malaysia.

Dato' Kok Wee Kiat: saya ingin mengingatkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa tidak ada kuota yang dikhaskan di bawah skim GSP Amerika Syarikat. Walaupun tidak dikenakan kuota, ini tidaklah bermaksud bahawa barang-barangan boleh dieksport ke Amerika syarikat tanpa had di bawah skim ini. Skim GSP Amerika Syarikat mengenakan had persaingan (competitive need limitations) iaitu keistimewaan skim ini dinikmati untuk sesuatu barang dari negara penerima GSP sehingga had berikut:

- (a) jumlah eksport sesuatu barang dari negara penerima GSP itu mencapai 50% daripada jumlah import Amerika Syarikat bagi barang yang sama; atau
- (b) jumlah nilai eksport mencapai US\$82.5 juta bagi sesuatu barang.

Mengikut rekod, setakat ini jarang sekali eksport sesuatu barang Malaysia di bawah skim GSP ke Amerika Syarikat mencapai tahap persaingan (competitive need limitations) tersebut.

Oleh kerana tiada kuota dikenakan di bawah skim GSP Amerika Syarikat, maka perkara berhubung dengan "shortfall" di dalam kuota seperti yang disoalkan oleh Y.B. tersebut tidaklah berbangkit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada negara Amerika Syarikat, negara-negara yang memberi keistimewaan GSP kepada Malaysia ialah Jepun, Kanada, Australia,

Austria, Finland, Norway, Sweden, Switzerland, New Zealand, Hungary, Poland, Czechoslovakia, USSR dan kesemua negara-negara ahli Kesatuan Ekonomi Eropah.

(Soalan No. 35. Sila lihat jawapan No. 4).

TELEFON—KEKURANGAN ALAT-ALAT

36. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Syarikat Telekom Malaysia telah kekurangan alat-alat teletbn dan penyewa-penyewa telah disuruh untuk membeli alat-alat telefon mereka sendiri dan dikenakan pula bayaran sebanyak \$50.00 oleh STM bagi menguji alat-alat tersebut. Jika ia, sama ada pihak STM akan menghentikan membekal alat-alat telefon kepada penyewa-penyewa dan kenapa pula penyewa-penyewa harus membayar wang sebanyak \$50.00 kepada STM bagi menguji alat-alat tersebut.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Adalah benar bahawa kebelakangan ini pihak STM telah mengalami kekurangan stok alat-alat telefon. Walau bagaimanapun adalah tidak benar bahawa akibat kekurangan stok ini pihak pelanggan telah dipaksa untuk membeli telefon sendiri.

Masalah kekurangan stok ini telah diatasi dengan menambah bekalan alat-alat ke kewasan-kawasan tertentu dan juga menggunakan set-set telefon lama yang dibaik pulih. Walau bagaimana terdapat pelanggan-pelanggan yang enggan menerima set-set lama yang disediakan oleh STM. Dalam keadaan sedemikian, pelanggan-pelanggan yang berkenaan diberi pilihan untuk membeli set telefon sendiri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua pelanggan-pelanggan boleh membeli

set telefon sendiri, tetapi bayaran sebanyak \$50/- dikenakan sebagai "acceptance and testing fee". Bayaran ini telah pun dikenakan sejak tahun 1981, sebelum STM diswastakan.

KAMPUNG BARU BUKIT MERTAJAM—PERUNTUKAN

37. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada peruntukan sebanyak 130 ribu ringgit untuk Kampung-kampung Baru di kawasan Parlimen Bukit Mertajam yang diumumkan oleh pemimpin-pemimpin Tempatan MCA pada 24-5-1989 telah pun diluluskan oleh Kementerian. Jika ya, sebutkan tarikh kelulusan;
- (b) kenapa pengumuman tersebut tidak dibuat oleh Y.B. Menteri sendiri atau oleh pegawai-pegawai Kerajaan tetapi sebaliknya oleh pemimpin MCA; dan
- (c) wang peruntukan datang dari mana dan beritahu butiran dan program dan aktiviti sekiranya wang itu datang dari Maksud Bekalan atau Butiran (Projek) dan tajuk sekiranya wang itu datang dari maksud pembangunan memandangkan Menteri berkenaan pernah berkata bahawa wang peruntukan bagi Kampung-kampung Baru dalam tahun 1986 hingga 1989 telah habis di-peruntukkan.

Tuan Lee Kim Sai:

- (a) Sebenarnya apa yang disebutkan sebagai kelulusan peruntukan oleh pemimpin-pemimpin tempatan MCA adalah mengenai permohonan daripada penduduk Kampung-kampung Baru di kawasan Bukit

Mertajam bagi perlaksanaan beberapa jenis projek yang bernilai lebih kurang 130 ribu ringgit. Berasaskan kepada keutamaan projek-projek untuk dilaksanakan di semua Kampung-kampung Baru serta baki peruntukan yang ada, maka Kementerian saya baru-baru ini telah meluluskan sebanyak \$73,200/- bagi membiayai perlaksanaan projek-projek kecil di beberapa buah Kampung Baru di kawasan Bukit Mertajam.

- (b) Persoalan Ahli Yang Berhormat mengapa pengumuman mengenai peruntukan pembangunan di Kampung-kampung Baru di kawasan ini tidak dibuat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak timbul kerana keputusan meluluskan permohonan peruntukan pembangunan tersebut baharu sahaja dibuat oleh Kementerian saya.
- (c) Wang peruntukan pembangunan yang dimaksudkan itu adalah dikenakan kepada Butiran Program Pembangunan P14/BP 31—Kemajuan Perkampungan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Peruntukan ini adalah baki daripada peruntukan yang telah dikomitkan oleh Kementerian saya bagi tahun ini. Suka saya maklumkan di sini bahawa walaupun Kementerian saya tidak mempunyai peruntukan pembangunan yang besar di bawah program pembangunan Kampung-kampung Baru, namun demikian ada juga agensi-agensi Kerajaan lain yang menyokong usaha Kementerian ini untuk memperkuuhkan serta melaksanakan program-program pembangunan bagi Kampung-kampung Baru.

DAKWAAN ORANG YANG BERZINA

38. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah halangan yang menyebabkan orang bukan Islam yang berzina dengan orang Islam tidak boleh didakwa di bawah Mahkamah Syariah;
- (b) adakah apa-apa peruntukan di bawah Undang-undang awam yang boleh mendakwa kesalahan berzina tanpa mengira agama. Kiranya ada sejauh manakah kes seperti itu dapat dan pernah dikendalikan oleh mahkamah awatn; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil supaya tidak bertku diskriminasi agama atas kesalahan yang sama di kalangan rakyat seperti khalwat misalnya.

Raja Dato' Ariffm bin Raja Sulaiman: Dalam undang-undang kita, terdapat beberapa kesalahan bagi perbuatan-perbuatan tertentu yang dilakukan oleh orang-orang Islam. Ini adalah perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh agama Islam. Sebabnya undang-undang menjadikan perbuatan-perbuatan itu sebagai kesalahan ialah untuk menguatasakan larangan-larangan agama Islam di kalangan orang-orang Islam, supaya akhlak orang-orang Islam, dan nama baik serta kesucian agama Islam, akan terpelihara. Di antara perbuatan-perbuatan yang dijadikan kesalahan-kesalahan seperti itu termasuklah yang berkenaan dengan pergaulan atau perhubungan yang ditegah oleh Islam di antara lelaki dan perempuan, sama ada kesalahannya dipanggil berzina atau berkhalwat atau selainnya.

Sebagai kesalahan-kesalahan terhadap ajaran dan larangan agama Islam, kuasa untuk mewujudkan

kesalahan-kesalahan itu dalam undang-undang diberi kepada Negeri-negeri, sebagaimana diperuntukkan dalam butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan Malaysia, kecuali di Wilayah Persekutuan di mana kuasa itu diberi kepada Parlimen. Tetapi kesalahan-kesalahan seperti itu tidak boleh diwujudkan dalam undang-undang di bawah kuasa itu untuk dikenakan juga kepada orang-orang yang bukan Islam, oleh kerana kuasa yang diberi untuk mewujudkan kesalahan-kesalahan seperti itu adalah terhad kepada kesalahan-kesalahan bagi orang Islam sahaja. Oleh yang demikian, melalui kuasa perundangan tersebut, tidak mungkin dapat diwujudkan dengan sahnya kesalahan-kesalahan yang mengena kepada orang-orang bukan Islam. Maka bagi menjawab soalan (a), soal mendakwa orang-orang bukan Islam kerana kesalahan-kesalahan seperti itu tidaklah berbangkit langsung. Walau bagaimanapun, tak kira apakah kesalahannya yang terlibat, orang bukan Islam tidak boleh didakwa di Mahkamah Syariah, oleh kerana, menurut butiran tersebut, Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa terhadap orang-orang Islam sahaja.

Bagi menjawab soalan (b), sebagai kesimpulan daripada kedudukan yang dijelaskan dalam menjawab soalan (a) tadi, tidaklah ada undang-undang di negara ini yang mengenakan kesalahan-kesalahan seperti itu kepada semua orang tanpa mengira agama. Yang ada hanyalah bagi orang Islam sahaja.

Bagi menjawab soalan (c), dengan adanya kuasa yang diberi Perlembagaan kepada Negeri-negeri untuk mewujudkan kesalahan-kesalahan untuk orang Islam sahaja kerana melanggar ajaran agama Islam, dan oleh kerana perlunya mengekal atau mewujudkan kesalahan-kesalahan seperti itu demi ke sejahteraan umat Islam di dunia dan

di akhirat, maka tak dapat tidak mestilah ada dalam undang-undang kita kesalahan-kesalahan yang boleh dikuatkuasakan terhadap orang Islam sahaja.

TAN SRI GHAZAU SHAFIE— PENYIASATAN SKANDAL

39. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan menerima apa-apa permintaan daripada Kerajaan Papua New Guinea untuk menghubungi Tan Sri Ghazali Shafie supaya beliau boleh membantu mereka dalam satu penyiasatan skandal kewangan di negara itu.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kerajaan tidak menerima apa-apa permintaan daripada Kerajaan Papua New Guinea untuk menghubungi Y.B. Tan Sri Ghazali dan membantunya di dalam penyiasatan perkara tersebut.

KEMALANGAN JALAN RAYA— PERANGKAAN

40. Tuan Haji Mohamad bin Yaacob minta Menteri Pengangkutan menyatakan dari 1 haribulan Januari hingga 31 haribulan Mei, 1989, berapakah jumlah kemalangan jalan raya, jumlah yang terkorban di seluruh negara. Adakah pihak Kementerian bercadang menggantungkan lesen pemandu yang terlibat dengan keselamatan jalan raya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Berhubung dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, saya ingin memohon maaf kerana tidak dapat membekalkan perangkaan yang diminta iaitu sehingga bulan Mei, 1989. Ini kerana perangkaan bagi bulan Mei sedang dikumpul dan belum lagi lengkap

sepenuhnya. Walau bagaimanapun perangkaan dari bulan Januari hingga April 1989 adalah seperti berikut:

| | |
|------------------------------|---------------|
| Jumlah kemalangan jalan raya | — 24,458 |
| Jumlah terkorban | — 1,183 orang |
| Jumlah cedera parah | — 2,641 orang |
| Jumlah cedera ringan | — 7,017 orang |

Mengenai pengantungan lesen pemandu-pemandu yang terlibat dengan kesalahan jalan raya, ingin saya memaklumkan bahawa pada masa ini Kementerian Pengangkutan telah pun mengambil lindakan yang sewajarnya di bawah sistem yang dikenali sebagai KEJARA. Melalui Sistem ini pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan di jalan raya termasuk yang terlibat dengan kemalangan jalan raya akan diberikan mata kesalahan bagi mereka-mereka yang telah mengumpulkan 20 mata kesalahan atau lebih akan digantung lesen memandu untuk suatu tempoh tertentu.

Di samping itu, pihak Mahkamah mempunyai kuasa di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 untuk memerintahkan supaya orang yang metakukan kesalahan-kesalahan berikut apabila disabitkan, hendaklah dihilangkan kelayakannya daripada memegang lesen memandu:

- (a) memandu kenderaan motor dengan kelajuan yang lebih daripada apa-apa had laju yang dikenakan bagi kenderaan motor itu;
- (b) memandu kenderaan motor di jalan dengan melulu dan membahayakan;
- (c) menyebabkan kematian kerana memandu dengan melulu atau merbahayakan;

- (d) memandu dengan tak cermat dan tak bertimbang rasa;
- (e) memandu atau menjaga kenderaan motor semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah.

Apabila seseorang pemandu dihilangkan kelayakan, lesen memandunya akan digantung selagi hilang kelayakan itu terus berkuatkuasa.

RAKYAT MALAYSIA BERHIJRAH KE NEGARA LAIN

41. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan setakat 30-5-1989 bilangan rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke negara-negara lain (sila bilangkan mengikut negara) dan sebab-sebab mengapa penghijrahan ini berlaku; apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk melindung penyaluran keluar sumber-sumber manusia yang begitu mustahak dalam rancangan pembangunan negara kita.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan tidak menyimpan perangkaan mengenai bilangan rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke negara-negara lain. Penghijrahan ini adalah atas pilihan sendiri dan sebab-sebabnya hanya diketahui oleh mereka yang terlibat sahaja.

Rakyat Malaysia adalah bebas untuk keluar ke mana-mana negara yang dibenarkan. Mereka yang telah bermastautin di negara asing adalah juga bebas untuk kembali ke Malaysia.

SKYHAWK—PEMBELIAN PESAWAT PEJUANG

42. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah jumlah kos pembelian 88 buah kapal terbang pejuang skyhawks sejak

tahun 1980. Berapakah bilangan Skyhawks yang berkhidmat di Malaysia sekarang. Berapakah bilangannya yang masih ada di USA sekarang. Apakah cadangan Kementerian berkaitan dengan Skyhawks yang masih ada di USA. Apakah sebab-sebab asalnya TUDM (Tentera Udara Diraja Malaysia) mencadangkan pembelian Skyhawks.

29-6-89

55. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah bilangan jet pejuang Skyhawks Tentera Udara Diraja Malaysia di negara ini; bilangan yang masih terdapat di Amerika Syarikat dan apakah Kerajaan bercadang untuk berbuat dengan jet-jet pejuang Badan Siasatan Bebas untuk menjalankan siasatan tentang kemalangan-kemalangan ke atas Skyhawk.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang dijadualkan pada 29 Jun 1989 kerana kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

Jumlah kos pembelian 88 buah pesawat pejuang Skyhawks termasuk kos baikpulih dan penyesuaian untuk 40 buah pesawat adalah sebanyak MR403,631,660.00. Bilangan Skyhawks yang sedang berkhidmat ialah sebanyak 35 buah sementara bilangan yang masih terdapat di USA ialah sebanyak 34 buah. Jawatankuasa Penyiasat Kemalangan Pesawat-pesawat Skyhawks telah juga membuat beberapa perakuan mengenai kedudukan baki pesawat-pesawat yang berada di USA dan pihak Kerajaan sedang mengkaji perakuan-perakuan tersebut.

Pembelian pesawat-pesawat tersebut adalah selaras dengan kehendak untuk mengukuhkan pertahanan udara kita di samping

mengambilkira pergolakan yang berlaku di kawasan Indo Cina pada masa itu.

Pesawat Skyhawk dibeli untuk pesawat pejuang adatanya berasaskan kepada "affordability" oleh negara dan "available aircraft" dalam kontek kewangan yang sedia ada pada masa itu. Dengan adanya pesawat-pesawat berkenaan, pihak TUDM telah dapat mempertingkatkan kesediaan pertahanan udara masa kini dan pada masa-masa akan datang.

Penerangan mengenai penggunaan 88 pesawat pejuang skyhawks yang asal dibeli dari USA:

- 40 pesawat dibaikpulih dari 46 airframes.
- 6 di "cannibalise" untuk alat ganti.
- 1 di AIROD untuk tujuan R & D.
- 35 buah masih di USA.

HARGA BESI KELULI (STEEL BARS)

43. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilakah Kementeriannya akan mengizinkan import besi keluli (steel bars) untuk meningkatkan bekalannya dan menurunkan harganya di pasaran tempatan supaya harga-harga rumah-rumah baru boleh dikekalkan atau diturunkan lagi. Mengapakah Kementerian-kementerian berlarut memberi perlindungan yang tidak berpatutan kepada pengeluar-pengeluar besi keluli tempatan yang bukan sahaja tidak lagi "cost efficient", tetapi sudah juga bermanja menjadi suatu perkongsian monopoli yang mengeksploritasikan pengguna-pengguna tempatan.

Dato' Kok Kiat: Untuk makluman Yang Berhormat, harga besi keluli dalam negeri adalah berpatutan berbanding dengan harga besi dunia. Malah harga-harga besi di

negara ini lebih rendah dari Filipina dan Thailand. Kerajaan bersedia membenarkan pengimportan besi keluli (steel bars) sekiranya terdapat bukti bahawa bekalan dalam negeri tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, keadaan bekalan besi keluli dalam pasaran domestik pada masa ini adalah mencukupi. Untuk makluman Yang Berhormat, keupayaan pengeluaran kilang-kilang tempatan ialah sebanyak 1.4 juta MT/tahun iaitu melebihi permintaan yang berjumlah lebih kurang 330,000 MT pada masa ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penggunaan besi keluli bagi satu-satu projek perumahan adalah kecil berbanding dengan harga sebenar rumah yang dijualkan oleh pemaju-pemaju perumahan. Umpamanya jumlah besi keluli yang diperlukan untuk sebuah rumah teres satu tingkat ialah satu tan. Oleh yang demikian perubahan besar kepada harga jualan rumah.

Berhubung dengan soal perlindungan, sepertimana negara-negara lain di dunia yang ingin memusatkan tahap perindustriannya, Kerajaan memberi perlindungan kepada industri-industri tertentu supaya industri tersebut maju dan membantu negara dalam mencapai pembangunan. Salah satu daripada industri yang perlu diberi perlindungan oleh Kerajaan ialah industri besi keluli. Walaupun industri ini diberi perlindungan, Kerajaan sentiasa menjaga kepentingan pengguna, dan dengan itu sebarang kenaikan harga akan dikaji dengan teliti termasuklah aspek "cost efficiency".

ELEKTRIK—KADAR TARIF

44. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Kerajaan hendak menurunkan kadar tarif bekalan elektrik seperti yang beliau

umumkan baru-baru ini. Adakah Kerajaan bercadang untuk menyamakan tarif di Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kerajaan telah pun menurunkan kadar tarif elektrik dalam tahun 1986 dan buat masa ini Kerajaan tidak bercadang menurunkan tarif tersebut. Namun demikian, Kerajaan sentiasa mengulangkaji perkara ini dan jika didapati sesuai, pengurangan akan dibuat di masa akan datang.

Kadar tarif elektrik di Sabah dan Sarawak tidak dapat diseimbangkan dengan kadar tarif di Semenanjung kerana perbelanjaan menjana dan seterusnya membekalkan elektrik di kedua-dua negeri tersebut adalah jauh berbeza daripada di Semenanjung kerana di kedua-dua negeri itu tidak terdapat "economies of scale". Dengan itu adalah sukar untuk memperseimbangkan kadar tarif di negeri-negeri itu.

PROJEK PELABURAN BARU

45. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan segala projek pelaburan baru yang telah diluluskan dan dilaksanakan (tidak hanya setakat projek-projek pembuatan sahaja) mengikut saiz pelaburan, hakmilik (termasuk bahagian yang dihakmilik oleh orang-orang asing) dan kawasan sejak tahun 1980 hingga hari ini.

Dato' Kok Wee Kiat: Bagi tempoh tahun 1980 hingga Mei, 1989, sejumlah 5,347 projek perkilangan dan projek hotel dan pelancongan telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh pihak MIDA ke atas Kemajuan Peringkat Pelaksanaan Projek-projek yang diluluskan seperti pada 31-12-1988, daripada sejumlah

5,347 projek yang diluluskan bagi tempoh 1980 hingga Mei, 1989, 2,390 projek telah dilaksanakan iaitu terdiri daripada projek-projek yang telah beroperasi dan dalam peringkat pembinaan kilang/pemasangan alat jentera.

Pecahan bagi 2,390 projek tersebut yang telah dilaksanakan mengikut saiz pelaburan, negeri dan hakmilik adalah seperti berikut:

| <i>(a) Mengikut Saiz Modal Pelaburan</i> | <i>Bilangan</i> |
|--|-----------------|
| \$0-\$2.5juta | 1,521 |
| \$2.5 juta- \$5 juta | 314 |
| \$5.0 juta - \$10 juta | 248 |
| \$10.0 juta & lebih | 307 |
| Jumlah .. | <u>2,390</u> |

| <i>(b) Mengikut hakmilik</i> | <i>Bilangan</i> |
|------------------------------|-----------------|
| Hakmilik Malaysia sepenuhnya | 1,093 |
| Hakmilik Asing se-penuhnya | 244 |
| Usahasama Majoriti Malaysia | 721 |
| Usahasama Majoriti Asing | 299 |
| Usaha Seimbang | 33 |
| Jumlah .. | <u>2,390</u> |

| <i>(c) Mengikut Kawasan</i> | <i>Bilangan</i> |
|-----------------------------|-----------------|
| W.P.—Kuala Lumpur | 163 |
| W.P.—Labuan | 10 |
| Selangor | 647 |
| Pulau Pinang | 316 |
| Perak | 150 |
| Johor | 428 |
| Negeri Sembilan | 82 |
| Melaka | 63 |
| Kedah | 123 |

| <i>(c) Mengikut Kawasan</i> | <i>Bilangan</i> |
|-----------------------------|-----------------|
| Pahang | 61 |
| Kelantan | 50 |
| Terengganu | 35 |
| Perlis | 14 |
| Sabah | 142 |
| Sarawak | 106 |
| Jumlah .. | <u>2,390</u> |

LAWATAN KERJA PERDANA MENTERI KE AMERIKA SYARIKAT/BRITAIN

46. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah hasil lawatan Perdana Menteri ke Amerika Syarikat dan Britain;
- (b) apakah pemimpin-pemimpin negara tersebut akan mengadakan lawatan balas ke negara kita; dan
- (c) bagaimana pula dengan pembelian senjata bernilai L1000 dari Britain. Apakah iaanya mempunyai kaitan dengan bantuan kewangan negara itu ke Malaysia seperti yang diheboh-hebohkan.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Lawatan kerja Y.A.B. Perdana Menteri ke Amerika Syarikat dan Britain telah memberi peluang kepada beliau menemui pemimpin-pemimpin negara tersebut untuk bertukar-tukar pendapat mengenai hubungan di antara kedua negara dan kepentingan bersama serta isu-isu antarabangsa yang harus diberi perhatian. Y.A.B. Perdana Menteri juga berbincang dengan ahli-ahli perniagaan terkemuka mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia dan bertemu dengan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di sana.

Di Amerika Syarikat Y.A.B. Perdana Menteri telah bertemu dengan Presiden Bush. Pertemuan ini membolehkan beliau membangkitkan secara terus dengan Presiden masalah-masalah yang kita hadapi dengan Amerika Syarikat. Ini termasuklah isu kempen anti-minyak kelapa sawit. Y.A.B. Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa Malaysia kesal dengan tindakan diskriminasi oleh Suruhanjaya Perdagangan Persekutuan Amerika Syarikat (FTC) terhadap usaha Malaysia menentang kempen yang memburukkan minyak sawit kita. FTC telah mempersoalkan dan mendakwa kononnya kandungan poster dari Malaysia bagi menentang kempen tersebut tidak berasaskan kepada hasil penyelidikan. Tetapi yang anehnya, FTC tidak pernah mempersoalkan tindakan Persatuan Jantung Amerika apabila mendakwa penggunaan minyak sawit adalah merbahaya. Dalam hal ini, Presiden Bush telah memberi jaminan akan menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya.

Menyentuh tentang isu Kampuchea kedua-dua pemimpin itu menyokong pendirian Asean mengenai Kampuchea dan mahukan Asean terus memberi sumbangan terhadap penyelesaian masalah itu.

Mengenai PLO pula pendirian Amerika Syarikat agak berlainan dari pendirian kita sungguhpun mereka mengamalkan prinsip bahawa apa-apa penyelesaian harus mengambil kira hak-hak asasi rakyat Palestin. Britain sebaliknya menghendakkan penyelesaian yang saksama, dan inginkan usaha-usaha dipergiatkan lagi ke arah itu. Saya tidaklah dapat memperincikan perbincangan yang diadakan kerana ianya diadakan secara tertutup. Mengenai Namibia pula kedua-duanya mengharapkan exercise di bawah naungan PBB bagi memberi kemerdekaan kepada Namibia akan diselesaikan mengikut jadual.

Pertemuan dengan para usahawan Malaysia dan Amerika Syarikat adalah cukup bermanfaat. Amerika Syarikat merupakan salah satu rakan perdagangan dan pelabur terbesar di Malaysia. Y.A.B. Perdana Menteri telah mengundang usahawan-usahawan Amerika mengadakan dialog lebih kerap lagi dengan usahawan Malaysia bagi meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan di antara kedua-dua negara. Usahawan-usahawan terkemuka Amerika Syarikat telah memberi jaminan mereka akan terus melabur dan meningkatkan kegiatan ekonomi di Malaysia. Bagi mereka, iklim pelaburan di Malaysia adalah baik memandangkan pada kestabilan politik dan kemudahan infrastrukturnya.

Perbincangan Y.A.B. Perdana Menteri juga tertumpu pada penubuhan Lembaga Perniagaan Malaysia-Amerika Syarikat. Adalah menjadi harapan agar badan ini dapat diwujudkan tidak lama lagi bagi menggalakkan pertemuan yang lebih kerap dan meluas di antara usahawan-usahawan Malaysia dan Amerika Syarikat.

Sementara itu, pihak media-massa telah diminta memberi kerjasama supaya sebarang tulisan mengenai Malaysia di masa akan datang tidak diputarbelitkan dan harus lebih bersifat objektif dan tepat bagi mengelakkan kekeliruan yang mungkin timbul. Harus dinyatakan juga bahawa sejak tahun 1988, akhbar-akhbar utama di Amerika Syarikat telah bersikap lebih objektif dalam tulisan mereka mengenai Malaysia berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Ini adalah hasil perbincangan yang diadakan dengan pihak media-massa pada tahun 1988.

Di Britain, Y.A.B. Perdana Menteri telah berpeluang berunding dengan Puan Margaret Thatcher, Perdana Menteri Britain dan telah mendapat

persetujuan beliau untuk menandatangani Perjanjian Perampasan Harta yang diperolehi daripada penjualan dan pengedaran najis dadah.

Di London Y.A.B. Perdana Menteri juga telah berkesempatan merasmikan cawangan Bank Negara. Tenubuhnya Cawangan Bank Negara kita di London akan mengukuhkan hubungan ekonomi Malaysia dengan Britain. Penyertaan Britain dalam sektor korporate di Malaysia adalah besar. Pembukaan Cawangan Bank Negara adalah untuk menarik lagi pelaburan Britain ke Malaysia. London juga merupakan pusat kewangan yang penting dan ini akan membolehkan Malaysia mengawasi dan menjamin pertukaran matawang Malaysia tidak menjejaskan ekonomi negara.

Perbincangan dengan Pengerusi-Pengerusi Syarikat, GEC, British Aerospace dan Lotus Motors juga telah diadakan dan mereka telah menyatakan kesediaan mengambil pelajar-pelajar Malaysia untuk latihan sambil bekerja di kilang-kilang mereka di Britain. Adalah dianggarkan 120 penuntut Malaysia yang masih menganggur akan diberi peluang mencari pengalaman bekerja di Syarikat-syarikat British yang besar-besar ini.

Y.A.B. Perdana Menteri juga telah berpeluang berjumpa dengan pelajar-pelajar Malaysia di New York, Boston dan London dan telah berbincang dengan mereka mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kebijakan mereka serta juga perkembangan-perkembangan semasa di Malaysia.

Mengenai soalan (b), Puan Margaret Thatcher, Perdana Menteri Britain telah pun membuat lawatan rasmi ke Malaysia pada tahun 1985. Beliau juga akan melawat Malaysia sempena Sidang Ketua-Ketua Negara Komanwel yang akan diadakan pada

bulan Oktober akan datang. Setakat ini tidak ada rancangan President Bush melawat Malaysia.

Mengenai soalan (c), saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa sebarang laporan/telahan yang mengaitkan pembelian senjata dari Britain dengan bantuan kewangan kepada Malaysia adalah tidak berasas. Kerajaan Britain sendiri telah membuat kenyataan sedemikian. Y.A.B. Perdana Menteri telah pun memberi penjelasan pada 19hb Jun, 1989.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG— MEMINDAHKAN

47. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau bercadang memindahkan Lapanganterbang Antarabangsa, Subang ke suatu tempat yang lain memandangkan peningkatan penduduk di persekitaran.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Pada ketika ini Kerajaan tidak ada cadangan memindahkan Lapanganterbang Antarabangsa Subang, Kuala Lumpur ke tempat yang lain, Perlu saya nyatakan bahawa sebarang pembangunan yang akan diadakan di kawasan berlekatkan lapanganterbang adalah dikawal dan hanya dibenarkan mengikut syarat dan keperluan tertentu.

PETROLEUM DAN GAS CECAIR ASLI—PENGELUARAN

48. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi sama ada pengeluaran petroleum serta gas cecair asli (LNG) atau tidak, terutama sekali dalam projek-projek pengeluaran atau kontrak-kontrak galicari usahasama dengan pelabur asing. Sila senaraikan faktor-faktor ini mengikut skel darjat

pengaruh berkurangan (decreasing degree of influence).

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan untuk mengeluarkan petroleum (minyak dan gas) adalah berbeza bagi sesuatu lapangan dengan lapangan yang lain. Ini adalah kerana setiap lapangan minyak atau gas mempunyai ciri-ciri (characteristics) yang tersendiri yang memerlukan penilaian yang terperinci.

Secara amnya dapatlah dirumuskan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan mengeluarkan minyak atau gas dan sesuatu lapangan adalah seperti berikut:

- (1) Saiz simpanan minyak atau gas di lapangan tersebut mestilah dapat menjamin pengeluaran di dalam jangka masa yang ditetapkan supaya pulangan dari pelaburan yang dibuat untuk membangunkan lapangan tersebut adalah memuaskan,
- (2) Kadar pulangan adalah bergantung kepada harga dan kos. Kos-kos ini bergantung kepada lokasi lapangan tersebut seperti sama ada di luar pantai atau di dataran, sama ada di laut dalam atau berhampiran pantai, dan juga sama ada terletak berdekatan dengan kemudahan-kemudahan asas atau di pendalaman. Di samping itu, keadaan batu-batan (reservoirs) juga mempengaruhi bilangan pelantar yang perlu didirikan, jumlah telaga yang perlu digali dan kos pengeluarannya.
- (3) Dasar-dasar Kerajaan mengenai minyak dan gas, termasuklah insentif-insentif yang diberikan di dalam Perjanjian Perkongsian Pengeluaran, Cukai Pendapatan Petroleum, Duti Eksport dan lain-lain. Di samping itu, dasar-dasar yang digubal seperti objektif jangka panjang penggunaan sumber tenaga,

menggalakkan penggunaan bahan gas dalam negeri, mengurangkan penggantungan sumber tenaga negara kepada minyak, Dasar Susutan Negara (yang boleh menangguhkan pengeluaran daripada lapangan-lapangan yang besar sehingga lima tahun, jika keadaan memerlukan) serta keperluan kewangan negara juga turut mempengaruhi pengeluaran minyak atau gas dari sesuatu lapangan.

Berbanding dengan lapangan minyak, lapangan-lapangan gas mempunyai beberapa faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan untuk mengeluarkan gas ataupun tidak. Gas yang hendak diusahakan tersebut mestilah mempunyai pasaran yang terjamin terlebih dahulu sebelum ianya dikeluarkan. Contohnya gas dari luar pantai Sarawak dikeluarkan setelah mendapat pelanggan jangka panjang dari pengguna-pengguna Gas Asli Cecair (LNG) di Jepun. Manakala gas di luar pantai Terengganu pula dapat diusahakan setelah mendapat pelanggan terdiri daripada loji-loji janakuasa LLN dan pasaran eksport ke Singapura sebagai jaminan pasarnannya.

Pasaran yang terjamin bagi gas ini perlu kerana pelaburan untuk mengeluarkan gas adalah lebih besar. Penjualan gas bergantung kepada pulangan ekonomi (viability) dalam menyediakan kemudahan-kemudahan untuk memproses, mengangkut dan menerima gas.

Walaupun pembangunan gas asli memerlukan pelaburan yang besar, ianya masih menarik bagi petabur-pelabur asing untuk

mengusahakannya memandangkan gas adatuh bahan tenaga yang bersih dan boleh digunakan sebagai bahan mengeluarkan petrokimia

TORNADO—PEMBELIAN KAPALTERBANG

49. Tuan P. Patto minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa Kerajaan mahu membeli kapalterbang TORNADO dari Britain memandangkan kapalterbang TORNADO yang dijual kepada Arab didapati jauh daripada memuaskan dan juga adanya yang didapati "faulty" dan tidak sesuai untuk diguna dalam negara tersebut; bagaimana Kerajaan boleh menyakinkan rakyat-rakyat bahawa setiap sen wang rakyat yang dibelanja oleh Kerajaan dalam pembelian kapalterbang ini adalah "accounted for".

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj; Pertanyaan ini telah pun dijawab bersama dengan jawapan kepada soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 19/6/89. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan saya itu.

OFFICE POLITIK UNTUK MENONJOLKAN DIRI

50. Tuan Lau Dak Kee minta Perdana Menteri menyatakan sedarkan bahawa adanya kakitangan Kerajaan yang menggunakan jawatan masing-masing untuk menonjotkan diri atau "bermain politik" bagi melobi kedudukan yang lebih tinggi; jika sedar apakah tindakan yang akan diambil terhadap rnereka.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Bermain politik atau "office politic" adalah sesuatu yang lumrah berlaku di mana-mana organisasi. Walau bagaimanapun jika sekiranya seseorang itu menggunakan

kedudukannya untuk faedah per sendirian seperti menerima habuan wang atau faedah-faedah lain, maka ia boleh diambil tindakan tatatertib seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Am Bab "D". Melobi kedudukan yang lebih tinggi tidak mungkin berlaku kerana kenaikan pangkat seseorang adalah berdasarkan prestasi tahunan dan diputuskan oleh Lembaga Naik Pengkat.

RUMAH MENTERI PENDIDIKAN— SIASATAN BPR

51. Tuan Lim Guan Eng minta Perdana Menteri menyatakan keputusan siasatan-siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) bahawa:

- (a) Haji Ibrahim bin Abdul Rahman, bapa kepada Menteri Pendidikan telah memiliki saham Industrial Oxygen Incorporated Bhd. sebanyak \$400,000 secara muslihat; dan
- (b) bahawa rumah Menteri Pendidikan dibina dengan kos perbelanjaan sebanyak \$4 juta.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah ke atas kedua-dua kes berkenaan mendapat tidak ada bukti tentang perlakuan rasuah berlaku di dalam pemilikan saham yang dimaksudkan dan di dalam pembinaan rumah Menteri Pendidikan.

TELEKOM DI BETONG— PERKHIDMATAN

52. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah perkhidmatan telefon di Daerah Betong, khasnya di Daerah kecil Spaoh dan Daerah Debak yang sentiasa rosak.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Syarikat Telekom Malaysia telah pun menambahkan litar hubungan ibusawat Derah Betong dalam bulan April tahun ini untuk memperbaiki perhubungan di daerah itu. Sementara itu, Tuan Yang di-Pertua, STM juga sedang merancang untuk menggunakan sistem hubungan radio terus ke ibusawat di Sri Aman bagi memperbaiki perkhidmatan di daerah-daerah kecil Spaoh dan Debak. Projek ini dijangka akan menelan belanja lebih kurang \$1.05 juta bagi tiap-tiap satu daerah kecil berkenaan dan apabila ianya siap nanti di dalam pertengahan tahun 1990 ia akan mempunyai keupayaan maksima sebanyak 480 talian bagi tiap-tiap satu daerah kecil. Pelanggan-pelanggan akan dikenakan bayaran sama seperti sekarang. Dengan terlaksananya projek ini nanti, perkhidmatan telefon di Daerah Bentong akan dipertingkatkan.

AHLI PARLIMEN BN YANG DIPECAT

53. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan berapa lamakah seorang anggota parti yang menjadi komponen dalam BN setelah dipecat oleh parti tersebut, boleh memegang jawatan dalam kabinet/Kerajaan. Apakah bezanya antara ahli parlimen bebas dan ahli parlimen bebas dalam BN. Apakah kriteria yang ditetapkan untuk seorang ahli parlimen bebas atau ahli parlimen BN bebas boleh kekal dalam Kerajaan/kabinet dan diberi kuasa untuk mengagihkan projek-projek kecil luar bandar.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh seseorang anggota parti Barisan Nasional yang dipecat oleh partinya memegang jawatan kabinet atau Kerajaan adalah tertakluk kepada budibicara Y.A.B. Perdana Menteri.

Semua Ahli Parlimen mempunyai keistimewaan dan ganjaran yang sama, kecuali mereka yang dilantik sebagai Anggota-anggota Pentadbiran. Pengagihan projek-projek kecil luar bandar adalah bergantung kepada keperluan dan keutamaan bagi sesebuah kawasan itu. Setakat ini tidak ada kriteria tertentu bagi Ahli Parlimen bebas sama ada ianya seorang anggota Barisan Nasional atau tidak untuk kekal datam Kerajaan dan seterusnya membantu menentukan kawasan bagi projek-projek kecil tersebut.

PERDAGANGAN DUA HALA MALAYSIA-CHINA

54. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menerangkan dengan jelas tindakan susulan bagi menggalakkan perdagangan dua hala antara Malaysia dan China berikutan lawatan Perdana Menteri ke China dalam bulan November 1985. Apakah ketidakseimbangan perdagangan antara Malaysia dan China. Adakah Kerajaan akan mengurangkan seterusnya sekatan-sekatan yang dikenakan keatas peniaga-peniaga Malaysia untuk meminta kebenaran berjalan ke China untuk menjual barang mereka atau mencari peluang-peluang pelaburan.

Dato' Kok Wee Kiat: Lanjutan dari lawatan YAB Perdana Menteri ke RRC pada bulan November, 1985, beberapa tindakan susulan telah pun diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan perdagangan dua hala Malaysia-RRC. Di antara langkah-langkah tersebut ialah menandatangani beberapa perjanjian dengan RRC. Di antaranya ialah Perjanjian Perdagangan yang ditandatangani dalam bulan April, 1988 dan disusuli pula dengan Perjanjian Jaminan Pelaburan yang ditandatangani dalam bulan November, 1988. Lain-lain perjanjian ialah Perjanjian

Pengelakkan Cukai Dua Kali, Perjanjian Perkapalan dan Perjanjian Udara. Perjanjian-perjanjian ini mempunyai objektif utama, iaitu untuk meningkatkan lagi perdagangan dua hala antara kedua buah negara.

Di samping itu, Kerajaan juga telah memansuhkan sistem perlesenan import dari RRC yang berkuatkuasa mulai dari 3hb Mac, 1988 dengan bertujuan menggalak dan meningkatkan perdagangan secara langsung antara kedua buah negara.

Dari segiimbangan perdagangan Malaysia-RRC, Malaysia sentiasa mengalami kurangan dalam imbangannya. Walau bagaimanapun, dari tahun ke setahun kurangan yang dialami ini telah berkurangan disebabkan pertambahan eksport Malaysia. Contohnya di tahun 1987, Malaysia mengalami kurangan dalam imbangan perdagangan sebanyak M\$240.3 juta tetapi dalam tahun 1988, jumlah ini telah berkurangan kepada M\$176.0juta.

Kerajaan telah beberapa kali memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa dasar hubungan antara Malaysia dengan RRC buat ketika ini masih di peringkat Kerajaan dengan Kerajaan. Justru itu semua lawatan ke RRC atau ke Maiaysia oleh warganegara kedua-dua buah negara adalah perlu dikawal. Walau bagaimanapun di masa-masa lepas Kerajaan telah pun dari masa ke semasa membenarkan rakyat Malaysia melawat ke RRC dan sebaliknya. Sebagai contoh dalam 1987 Kerajaan telah pun membenarkan seramai 627 orang ahli-ahli perniagaan Malaysia melawat RRC. Dalam tahun 1988 jumlah ini telah mencatatkan seramai 780 orang. Dalam tempoh bulan Januari hingga Jun, 1989 sahaja, jumlah ini telah pun mencatatkan seramai 818 orang.

Berhubung dengan peraturan-peraturan lawatan ke RRC dan

sebaliknya, Kerajaan telah pun melonggarkan syarat-syarat atau peraturan-peraturan yang dikenakan ke atas ahli-ahli perniagaan Malaysia. Sebagai contoh pada ketika ini ahli-ahli perniagaan Malaysia boleh diberikan permit melawat ke RRC untuk tempoh maksima 12 bulan berbanding dengan 6 bulan pada masa lepas. Seterusnya pada ketika ini juga bagi ahli-ahli perniagaan yang melawat buat pertama kali ke RRC mereka dikecualikan dari mendapat surat jemputan dari RRC sebelum melawat negara tersebut berbanding dengan masa-masa lepas yang mana tanpa jemputan dari RRC mereka tidak dibenarkan melawat negara tersebut.

Sehubungan dengan ini Kerajaan akan sentiasa mengkaji peraturan-peraturan yang sedia ada jika keadaan memerlukan bagi memudahkan ahli-ahli perniagaan Malaysia melawat RRC.

TERNADO—PEMBELIAN JET PEJUANG

55. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sebab-sebab Malaysia hendak membeli senjata bernilai sebanyak \$4,500 juta dari Britain;
- (b) sama ada senjatapi tersebut seperti jet pejuang Tornado sesuai untuk cuaca panas di Malaysia; dan
- (c) sama ada satu siasatan dalam telah diadakan untuk menentukan sama ada bayaran rasuah telah dibuat kepada ahli-ahli politik atau pegawai-pegawai Kerajaan berkaitan dengan Memorandum Persefahaman Senjatapi.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen At-haj: Pertanyaan ini telah pun dijawab, bersama dengan jawapan kepada soalan dari Ahli Yang

Berhormat dari Sandakan pada 19-6-89. Oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan saya itu.

TENTERA MALAYSIA DI NAMIBIA—PRESTASI

56. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pertahanan menyatakan prestasi Kontingen Pertama anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia yang bertugas di Namibia dan adakah Kementerian bercadang untuk menghantar Kontingen Kedua apabila Kontingen Pertama pulang dari bertugas.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Ah-haj: Setakat ini prestasi yang ditunjukkan oleh Kontingen Malaysia di sana adalah sangat membanggakan. Ini telah disampaikan sendiri oleh Perwakilan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kepada Kementerian Pertahanan. Prestasi yang ditunjukkan oleh kontingen kita bukan sahaja mendapat pujian dari pihak PBB juga dari penduduk Namibia itu sendiri. Perwakilan SWAPO semasa memberi taklimat di PBB pada 2 Jun 89 memuji dan telah mensifatkan pasukan kita sebagai satu pasukan yang tidak bersifat berat sebelah (impartiality) semasa menjalankan tugas.

Dengan semangat yang ditunjukkan oleh Kontingen Malaysia ini saya yakin mereka akan dapat mengekalkan prestasi dan sekali gus mengharumkan nama Negara.

| <i>Jenis kenderaan</i> | <i>Jumlah Kuota (Setahun)</i> |
|------------------------|-----------------------------------|
| 1. Kereta Baru | 2,956 unit setahun |
| 2. Kereta Terpakai | 7,300 unit setahun |

Buat masa ini kekuatan Kontingen Malaysia yang bertugas di Namibia ialah seramai 889 anggota. Mengenai penghantaran Kontingen kedua ke Namibia, ini tertakluk kepada keputusan dan permohonan pihak PBB. Kerajaan akan sedia menimbang penghantaran missi kedua dan selanjutnya jika perkhidmatan ATM diperlukan di sana.

IMPORT KERETA BARU DAN TERPAKAI

57. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjelaskan tentang:

- (a) berapakah jumlah permit masuk yang dikeluarkan, apakah jenis-jenis kenderaan yang dibenarkan dan apakah syarat-syaratnya; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil terhadap kemasukan dan pengimportan kereta terpakai dari luar negeri bagi memastikan penjualan kereta nasional Proton Saga tidak terjejas.

Dato' Kok Wee Kiat:

(a) Jenis-jenis kenderaan yang dibenarkan import mengikut jumlah lesen import yang telah diluluskan kepada syarikat-syarikat pemegang kuota di seluruh negara setakat ini serta syarat-syarat yang dikenakan ke atasnya adalah seperti berikut:

Syarat-syarat yang Dikenakan

- | |
|--|
| Model yang dibenarkan masuk adalah terbuka kecuali Porsche. |
| Model yang dibenarkan masuk adalah terbuka kecuali Porsche dan berusia tidak lebih dari 5 tahun. |

| <i>Jenis kenderaan</i> | <i>Jumlah Kuota (Setahun)</i> | <i>Syarat-syarat yang Dikenakan</i> | |
|--|-----------------------------------|--|--|
| 3. Duaguna Baru | 420unit setahun | Model Terbuka | |
| 4. Duaguna Terpakai | 880unit setahun | Berusia tidak melebihi 7 tahun. | |
| 5. Perdagangan Baru | 120unit setahun | Model Terbuka | |
| 6. Perdagangan Terpakai | 460unit setahun | Berusia tidak melebihi 7 tahun. | |
| 7. Motosikal Baru | 3,060 unit setahun | Mempunyai kuasa kuda 50 c.c. dan ke atas. | |
| <i>(b) Kementerian sentiasa mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan penjualan kereta Nasional Proton Saga tidak terjejas. Ini dilaksanakan dengan cara sekatan import yang dikenakan kepada kereta-kereta terpakai dari luar negeri terutama yang sama kapasiti dengan Proton Saga. Selain dari ini, Kementerian juga telah membuat keputusan supaya paras kuota yang dibenarkan bagi satu-satu tahun itu dikawal pada paras 5% dari jumlah pengeluaran kereta tempatan, dengan dikurangkan daripada paras sekarang sebanyak 1% setahun sehingga 5 tahun yang akan datang.</i> | | kepada model, eksesori, cukai, duti kerajaan, kos pengangkutan dan lain-lain. | |
| | | Prestasi projek kereta nasional adalah menggalakkan. PROTON mula mencatatkan keuntungan bagi tahun kewangan 1988/89 berjumlah \$32.025 juta. Bagaimanapun kerugian terkumpul syarikat ini sehingga 31 Mac 1989 adalah berjumlah \$137.172 juta. Kerugian di peringkat awal syarikat ini adalah dijangka kerana projek industri berat memerlukan tempoh kematangan yang lama (long gestation period) untuk mendatangkan pulangan atau keuntungan. | |

PROTON SAGA DIEKSPORT KE LUAR NEGERI

58. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan berapa unit-unit kereta nasional "Proton Saga" yang dijual di luar negeri serta menyatakan harga-harga modal kereta yang berlainan yang dijual di luar negeri. Sama ada projek ini mengalami kerugian.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Sejak dari tahun 1986 sehingga 30hb Mei 1989, sebanyak 5,280 unit kereta Proton Saga telah dieksport ke luar negeri. Harga Proton Saga yang dijual di luar negeri berbeza-beza dari \$26,000 hingga \$55,000 bergantung

JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI PENGURUSAN KERAJAAN

59. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sebagai "Ketua Kabinet Committee on Corrupt Practices" ada menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menyiasat tuduhan oleh Observer London di mana sebanyak 300 juta ringgit yang telah dibayar kepada UMNO sebagai "kickback" daripada 5 billion ringgit perjanjian membeli senjata dengan Britain.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa yang dimaksudkan dinamakan "Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pengurusan Kerajaan". Jawatankuasa

ini ditubuhkan bertujuan untuk mencari jalan bagi mengelakkan penyelewengan dalam pengurusan Kerajaan dan memastikan tindakan tatatertib diambil secara berkesan. Di antara tugas-tugas Jawatankuasa adalah untuk mengkaji kelemahan-kelemahan dalam pengurusan Kerajaan dan memperakuan kepada Kerajaan akan langkah-langkah bagi:

- (a) mengurangkan kelemahan-kelemahan pengurusan kewangan dan pengurusan-pengurusan program/projek Jabatan, dan
- (b) meningkat kesedaran terhadap akauntabiliti.

Jawatankuasa ini tidak ada kuasa untuk menyiasat dan menjatuhkan hukuman. Oleh itu, Jawatankuasa ini tidak bercadang untuk menyiasat tuduhan oleh "London Observer" tersebut.

FILEM "SLOW BOAT TO SURABAYA"

60. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan Kementeriannya berkenaan dengan suatu filem keluaran Syarikat Australia yang bertajuk "Slow Boat To Surabaya—Rich, Clever, Homeless" yang dikatakan menghina satu kaum tempatan. Bolehkah filem ini ditayangkan di Malaysia melalui video.

Datao' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian saya tidak menerima permohonan dari mana-mana pihak untuk penapisan filem yang dinyatakan tersebut. Oleh yang demikian penayangan filem tersebut tidak boleh dibuat kepada umum.

RANCANGAN "THE GRAND DESIGN"

61. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benarnya wujud satu rancangan di

panggil "The Grand Design" bertujuan menggulingkan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dalam negara ini, jika ya, siapakah yang berada dibelakang rancangan ini dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka. Jika ini tidak benar, maka apakah Ahli dari Arau telah mengelirukan Dewan ini dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap beliau. Jika tidak apakah Perdana Menteri sengaja melindungi kesilapan Ahli dari Arau ini.

Perdana Menteri: Oleh kerana tidak ada apa-apa laporan dibuat oleh mananya pihak bersabit dengan apa yang dikatakan sebagai pakatan sulit atau, dengan izin, "grand design" yang dimaksudkan, maka persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah timbul.

(Soalan No. 62. Sila lihat jawapan No.1 pada 20-6-89).

KENAIKAN HARGA BESI KELULI MENJEASKAN KONTRAKTOR

63. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebelum kenaikan harga sebanyak 21% ke atas batang keluli diumumkan oleh pekilang-pekilang besi keluli baru-baru ini, ramai para kontraktor telah pun mengemukakan harga penawaran mereka. Dan sama ada Kementerian beliau akan menerima rayuan dari MBAM (Master Builders Association of Malaysia) dan BCAM (Bumiputera Contractors Association Malaysia) untuk suatu penangguhan rasmi untuk membayar hutang mereka ke atas kenaikan harga barang besi keluli. Jika tidak, apakah sebabnya. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk menyelesaikan masalah ini.

Dato' Kok Wee Kiat; Kerajaan sedar bahawa kenaikan harga batang keluli besi baru-baru ini telah menjelaskan kontraktor-kontraktor yang telah menerima atau menyampaikan tawaran kontrak-kontrak mereka sebelum tarikh kenaikan. Sepatutnya mereka menyediakan peruntukan kontigensi yang cukup bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang diluar jangka.

Bagi kontrak-kontrak Kerajaan, Kerajaan sememangnya telah menyediakan mekanisma yang mengambilkira perubahan-perubahan harga seperti peruntukan mengenai Purata Harga-Harga Unit (Unit Price Index) dan Index Kos Bangunan (Building Cost Index). Dengan adanya peruntukan ini, pihak kontraktor tidak akan terjejas akibat sebarang kenaikan harga bahan-bahan binaan. Atas alasan ini juga, Kerajaan berpendapat adalah tidak wajar membebaskan sebarang penangguhan terhadap kenaikan harga tersebut. Penangguhan juga pada pendapat Kerajaan boleh menyebabkan timbul masalah lain seperti permintaan yang berlebihan.

Bagi kontrak-kontrak swasta, adalah terpulang kepada mereka untuk merundingkan semula dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, seperti Yang Berhormat sedia maklum, kerja-kerja kontrak seperti urusan perniagaan lain, mempunyai beberapa risiko termasuk risiko kenaikan harga dan dengan itu adalah terpulang kepada kebijaksanaan seorang pengusaha itu dalam membuat sebarang sebut harga berdasarkan risiko-risiko tadi.

TORNADO—PEMBELIAN KAPALTERBANG

64. Tuan P. Patto minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab beliau menandatangani satu memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding) dengan

Perdana Menteri Britain, Puan Margaret Thatcher, pada bulan September, 1988 untuk membeli kapalterbang TORNADO memandangkan negara Jordan dan Oman telah membatalkan pesanan mereka untuk membeli kapalterbang TORNADO dari Britain kerana mereka mendapati ia tidak sesuai dan tidak boleh berfungsi dengan memuaskan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Pertanyaan ini telah pun dijawab bersama dengan jawapan kepada soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 19/6/89. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan saya itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1988 DAN 1989)

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN
USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (Bil. 4) 1988

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (Bil. 1) 1989

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) dibacakan kali yang kedua sekarang dan Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat

ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,293,594,230 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$4,003,500 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang keselelasan penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1989, untuk menampung sejumlah \$1,289,590,730 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang keselelasan dan keduabelas penyata tersebut".(20hb Jun, 1989)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab kita memulakan perbincangan dalam perkara ini pada jam 4.26 kelmarin, saya fikir eloklah saya panjangkan sedikit lagi perbincangan dasar dalam Bacaan Kali Yang Kedua sehingga jam 4.26 pada hari ini. Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

3.36ptg.

Dato' Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal); Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong kelulusan

peruntukan tambahan yang dipohonkan oleh Kerajaan.

Mengikut Laporan Bank Negara yang terakhir, ekonomi Malaysia sedang berkembang dengan kadar yang menggalakkan dan hasil Kerajaan pula sedang bertambah dengan kadar yang memuaskan dan sangat kena-mengena pada masa ini bagi Kerajaan memohon kebenaran Parlimen ini untuk menambahkan peruntukan untuk perbelanjaan terutama sekali perbelanjaan pembangunan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mengambil berat nasib rakyat negara ini.

Saya lihat bahawa sejumlah besar dipohonkan untuk kemudahan-kemudahan utiliti dan infrastruktur seperti jalan, parit, titi, air, elektrik dan lain-lain. Ini juga menunjukkan bahawa Kerajaan mempunyai prioriti yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengambil peluang hari ini menyentuh sedikit mengenai Lebuhraya Utara-Selatan. Walaupun pembinaan dan pengurusan rangkaian jalan besar ini telah diswastakan, Kerajaan masih mempunyai tanggungjawab ke atas sistem jalanraya pada keseluruhannya.

Sehingga sekarang sebahagian besar lebuhraya ini sudah siap dan sudah dibuka untuk kegunaan orang ramai. Ternyata sekali bahawa ia telah memberi faedah besar kepada sistem pengangkutan jalan baik pun pengangkutan penumpang mahupun pengangkutan kargo. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kerajaan menasihatkan PLUS Berhad, syarikat swasta yang bertanggungjawab, supaya mempercepatkan pembinaan bahagian-bahagian lebuhraya yang tinggal iaitu bahagian-bahagian dari Gurun-Butterworth, Butterworth-Changkat Jering, Ipoh-Kuala Lumpur, Kuala Lumpur-Pelabuhan Kelang dan Pagoh-Johor Bharu.

Sebagai Ahli Parlimen bagi Nibong Tebal, izinkan saya menyuarakan kehendak hati pengundi saya bahawa bahagian dari Butterworth ke Changkat Jering dibina dengan amat segera. Jalan raya Persekutuan yang berada sekarang sudah langsung tidak mencukupi dan tiap-tiap hari berlaku kesesakan lalulintas.

Jika kemalangan jalan raya berlaku, kenderaan kadangkala sangkut di tempat kemalangan selama satu jam. Saya seridiri sudah mengalami ini beberapa kali tahun ini. Perkembangan ekonomi daerah Nibong Tebal akan terjejas sekiranya masalah lalulintas ini tidak diselesaikan dengan cepatnya.

Menteri Kerjaraya lama Dato' Samy Vellu telah umumkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan sebut nama.

Dr Goh Cheng Teik: Ya, Menteri Kerjaraya yang lama yang kita semua kenal, yang dikenasihi, telah umumkan di satu majlis awam di Simpang Empat, Seberang Perai Selatan beberapa bulan yang lalu bahawa kerja pembinaan bahagian lebuhraya dari Butterworth ke Bagan Serai akan bermula tahun depan. Berita ini telah disambut dengan baiknya oleh penduduk-penduduk di kawasan pilihanraya saya. Saya berharaplah Menteri Kerjaraya yang baru, yang juga kita kasih, akan mengambil berat pernbinaan lebuhraya dan memastikan bahawa lebuhraya Butterworth ke Bagan Serai akan dilaksanakan mengikut jadual yang diumumkan oleh Menteri Kerjaraya yang lama.

Sekali lagi saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas. Minta jangan panjang sangat kerana ada tiga orang lagi.

3.42ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan juga usul yang telah dikemukakan oleh Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah meneliti perkembangan pembangunan negara dengan teliti terutamanya di penghujung perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru iaitu penghujung tahun keramat tahun 1990. Banyak sudah diperkatakan tentang kegelisahan terutamanya dari segi pencapaian untuk membasmi kemiskinan lebih-lebih lagi memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan bagi mengatasi masalah kemiskinan rakyat di negara ini.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, apabila melihat peruntukan yang diperlukan sebagaimana Rang Undang-undang ini dibentangkan ianya jelas menunjukkan priority yang tidak tepat. Sebab peruntukan-peruntukan yang diperlukan ini ianya tidak begitu produktif dari segi ekonomi, dari segi memberi peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat. Maka sebab itulah kaiau ada orang mengatakan bahawa pencapaian Dasar Ekonomi Baru menghadapi masalah akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia, sukar untuk saya tehma okeh kerana dari segi keutamaan yang dibuat terhadap projek pembangunan hala tujuanya bukan ke arah untuk membasmi kemiskinan dalam erti kata yang sebenarnya. Bukan ke arah untuk mewujudkan produktiviti ekonomi. Sebab, sepatutnya di penghujung tahun keramat 1990 segala kemudahan dan keupayaan yang ada ialah bagi memberi peluang pekerjaan yang lebih kepada rakyat negara ini dan sekali gus secara tidak langsung boleh berusaha membasmi kemiskinan. Kerana sebagai contoh, saya katakan saya tidak bersetuju ialah sebab di akhir-akhir ini kita sudah banyak kali

berbahas di atas tajuk yang sama tetapi sebagai hujah untuk mempertahankan pandangan saya ini, projek-projek seperti yang kita dengar dalam Soal Jawab Mulut tadi, PERWAJA yang telah rugi beratus juta ringgit. Kita tahu dengan projek jambatan Pulau Pinang walaupun ianya dibangkit dahulu; kita tahu projek Sabah Gas; kita tahu projek Proton Saga, yang semuanya ini kalau kita kira kosnya hampir beribu juta ringgit. Tetapi dari segi peluang pekerjaannya tidak memadai dengan apa yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan selama ini. Maka sebab itulah walaupun kita terima hakikat kemelesetan ekonomi sebagai salah satu perkara yang terbantut dalam perlaksanaan untuk membasmikan kemiskinan dan mewujudkan peluang pekerjaan tetapi kita tidak dapat nafikan dari segi hala tuju keutamaan terhadap pembangunan negara tidak setepat sehagaimana yang diharapkan oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya ingin menekankan di sini kalau kita lihat Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1989 ini bukan sahaja terdapat bertindih-tindih penumpuan yang tidak munasabah malah untuk projek-projek yang meragukan. Secara imbas pandang, tidak ada sesuatu yang dapat membanggakan sebaliknya menimbulkan rasa ketidakpuasan dan kesangsian. Secara umumnya perbelanjaan tambahan ini iaitu \$1,118,789,720 telah melibatkan 17 Kementerian. Tetapi dua Kementerian sahaja iaitu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar serta Kementerian Pertahanan telah melibatkan lebih separuh perbelanjaan iaitu \$571,011,400 yang mana masing-masing menggunakan sebanyak \$307,011,400 dan \$264,000,000. Kemudian diikuti oleh Kementerian Kerjaraya sebanyak \$153,000,000. Kementerian Luar Negeri \$96,000,000. Jabatan Perdana Menteri \$90,539,000; dan Kementerian Pertanian sebanyak

\$59,452,000 di mana keenam-enam Kementerian tersebut telah melibatkan sebanyak \$970,002,400.

Secara terperincinya Kementerian Pertahanan yang menggunakan tambahan sebanyak \$264 juta melalui Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1989 di bawah Maksud P.25, Butiran (Projek) 00200 dan Butiran (Projek) 00600 telah menimbulkan persoalan apakah begitu mendadak sekali sehingga Kerajaan terpaksa mengguna tambahan yang begitu besar sekali.

Dilihat di sudut kepentingan pembangunan negara, peruntukan atau perbelanjaan yang besar untuk ketenteraan tidak membawa pertumbuhan ekonomi negara. Sebaliknya perbelanjaan yang tidak produktif begini akan menimbulkan masalah kepada perbelanjaan dan ekonomi negara. Atas pertimbangan apakah Kerajaan terpaksa menggunakan wang yang begitu banyak bagi Kementerian ini. Sebab kita sedar suasana di rantau Asia ini terutamanya di Indo China, keadaan kegawatan politik sudah mula reda. Maka sebab itulah kita ingin mengetahui daripada pihak Kementerian Pertahanan apakah sebab-sebabnya perbelanjaan begini banyak.

Bagi Butiran (Projek) 00200—Kelengkapan Tentera Darat dan Butiran (Projek) 00600—Kelengkapan Tentera Udara, dapatkah Kementerian memberi penjelasan sepenuhnya tentang perbelanjaan tersebut? Adakah perbelanjaan tersebut ada kaitan dengan pinjaman pembelian senjata dengan Britain yang melibatkan \$4.5 billion yang menjadi kontroversial itu?

Melihat kepada angka yang begitu besar dan meningkat daripada Laporan "Observer", rakyat akan bertanya apakah peruntukan tambahan itu sebagai pendahuluan komisen-komisen yang telah disebut oleh akhbar tersebut. Itu hanya satu

persoalan atau tanda tanya yang ingin diketahui oleh rakyat.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan wajar mengambil tindakan legas membersihkan imej Kerajaan dan negara dari tuduhan-tuduhan yang telah dibuat oleh "Observer". Selagi isu ini belum selesai selama itulah kesangsian dan keraguan rakyat berhubung dengan soal perbelanjaan Kementerian Pertahanan bagi membersih imej negara dan menyapu kesangsian rakyat, maka Kerajaan mestilah mengambil tindakan undang-undang terhadap "Observer" sepertimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyaman *Far Eastern Economic Review* tidak lama dahulu.

Mengikut Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bit. 1) Tahun 1989, muka surat 21, No. 11, Maksud P. 27—Kementerian Luar Negeri, Butiran 00100—Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di Seberang Laut.

Saya menjadi terperanjat selepas meneliti peruntukan ini kerana perbelanjaan \$96 juta itu hanya untuk pejabat perwakilan, kediaman rasmi Duta Besar dan kediaman kakitangan Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo sahaja. Saya meminta Kementerian berkenaan dapat memberikan penjelasan terperinci berhubung peruntukan ini. Berapakah harga pecahan bangunan-bangunan tersebut? Berapa ramaikah kakitangan di sana dan berapa ramaikah yang terlibat dengan penyediaan rumah kediaman kakitangan tersebut.

Saya difahamkan pihak Kementerian Luar pernah menjual bangunan di tapak yang lama dengan mendapat keuntungan yang lumayan. Adakah perbelanjaan tambahan ini tidak termasuk keuntungan tersebut? Melihat kepada angka yang besar itu saya bimbang sekiranya rumah kediaman rasmi kedutaan kita di sana

akan menyaingi Istana Negara ataupun menyerupai istana-istana yang ada di negara kita ini. Di samping itu saya dapat terdapatnya masalah berhubung pemberian kontrak terhadap projek ini. Diharapkan Kementerian Kerjaya dapat menjelaskan isu yang berhubung dengan pemberian kontrak ini. Bagaimana syarikat yang tidak dipanggil mengikut apa yang saya difahamkan semasa pra kelayakan telah dianugerahkan projek ini. Benar atau tidak pihak Kementerian Kerjaya mestilah menjawabnya.

Syarikat-syarikat yang dipanggil untuk pra kelayakan ialah TOA Malaysia Sdn. Bhd. (Corporation), MITSUI dan OBAYASHI Corporation. Sebaliknya kontrak telah dianugerahkan kepada SHIMUZU Corporation. Bagaimanakah ini berlaku di mana SHIMUZU Corporation mendapat kontrak tersebut. Sama ada benar atau tidak ianya dibangkit oleh pihak syarikat TOA Malaysia Sdn. Bhd. yang kebetulan telah menyampaikan maklumat ini kepada saya untuk dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini.

Duta Besar di sana adakah ianya terlibat sebagai orang yang turut sama-sama memberi pandangan ataupun apa juga penglibatan secara langsung atau tidak langsung bersabit dengan projek ini harus jugalah dijelaskan oleh pihak Kementerian Luar Negeri. Saya juga ingin bertanya apakah rasionalnya perbelanjaan yang begitu besar bagi kedutaan di Tokyo ini. Apakah kesan yang mendadak di segi pembangunan ekonomi yang dapat disumbangkan oleh kedutaan di Tokyo selepas perbelanjaan yang begitu besar. Apa yang jelas tidak ada pekerjaan yang dapat disediakan melalui perbelanjaan ini dan terhad, malah kontrak pun juga dapat kepada pihak kontraktor di Jepun.

Bagi Jabatan Perdana Menteri dalam Anggaran Perbelanjaan

Pembangunan Tambahan ini, Bil. 1/1989 Lampiran "A", No. 1—Mak-sud P. 7, Butiran Projek 02000—Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia Berhad (HICOM), per-untukan tambahan sebanyak \$145 juta untuk Perwaja Terengganu dan Kedah Simen, bagi bayaran balik pinjaman adalah dirasakan kurang munasabah—peruntukan yang begitu besar dan melebihi kepentingan rakyat seperti kesihatan dan infrastruktur. Saya harap pihak Jabatan Perdana Menteri dapat memberi penjelasan herapa banyakkah kerugian terkumpul setakat ini mengenai dengan Perwaja dan Kedah Simen. Walaupun telah diberi jawapan-jawapan sebelum ini ianya masih lagi menjadi tandatanya oleh pihak rakyat. Pada petang ini juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah memberi penjelasan termasuk projek Perwaja ini.

Semua projek-projek besar ini katanya, untungnya jangka panjang. Apabila ditanya mengenai projek Kedah Simen, untungnya jangka panjang. Apabila ditanya projek Sabah Gas, untungnya jangka panjang yang melibatkan ratusan ribu juta ringgit wang negara dan saya berdoa kepada Allah s.w.t. supaya dipanjangkan umur untuk melihat sejauh manakah projek ini akan mendapat keuntungan jangka panjang sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Perkara ini perkara serius, sebab dari segi keutamaan hala tuju pembangunan negara kita lihat ianya tidak memberi kesan yang begitu besar terhadap apa yang kita ingin lihat wujudnya peluang-peluang pekerjaan kerana peratus pengangguran telah meningkat. Kita lihat sahaja butir-butir penerangan yang diberi mengenai dengan peluang pekerjaan di Perwaja Terengganu. Tetapi sekarang ini bagi menutup kelemahan-kelemahan yang bertaku dan kerugian-kerugian yang berlaku, saya melihat Televisyen Malaysia, beberapa hari yang lalu ada

siri-siri yang terkeluar, wawancara yang keluar menunjukkan kilang tersebut membeli besi-besi buruk dengan usahawan-usahawan kecil secara langsung dan menayangkan pekerja-pekerja yang menitikberatkan disiplin—bagus. Tetapi tinggal lagi apakah tujuan penayangan ini, pada pandangan saya tidak lebih kerana hendak menutup isu kontroversi Perwaja Terengganu yang melibatkan hampir \$1,600 juta. Apa sudah jadi kepada atat kelengkapan ataupun alat-alat jentera yang dibeli hampir \$500 juta tidak dapat digunakan. Inilah yang saya difahamkan. Malah Jepun sendiri tidak mengguna alat tersebut, kita beli barang Jepun yang Jepun tidak guna, \$500 juta, manakala kita lihat untuk projek Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hanya \$300 juta sahaja diperuntukan.

Kita rasa seronok dengar \$300 juta apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri meng-umumkan projek tersebut untuk luar bandar sekarang ini termasuklah di kawasan pilihanraya Teluk Pasu dan projek-projek ini diberi. Bagi saya, kita menyambut baik, tetapi soalnya perbandingan dengan \$500 juta wang dibuang untuk beli jentera yang tidak dapat digunakan untuk Perwaja adalah mendukacitakan. Dengan hanya \$300 juta sahaja untuk kegunaan Pembangunan Luar Bandar untuk seluruh negara, tanyalah mana-mana ekonomis sekalipun di seluruh negara ini, saya percaya ianya tidak wajar, ianya tidak tepat dan ianya pada pandangan saya menyeleweng daripada hasrat untuk melihat supaya pembasmian kemiskinan dapat dijalankan dengan sebaik mungkin dari segi keutamaan untuk rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu jugalah perkara-perkara berkait rapat dengan isu-isu yang saya sebutkan tadi. Sebab itulah dalam anggaran tambahan ini kalau kita lihat secara terperinci, berapa banyak sangat untuk

pembangunan luar bandar walaupun dahulu dalam pembentangan Belanjawan Negara disebut oleh Menteri Kewangan tiga per empat untuk luar bandar, kita dengar pun seronok, dalam suratkhabar pun headline, lebih-lebih lagi suratkhabar *Utusan Malaysia, Berita Harian*, dalam Warta Berita semuanya headline. Seronok dengar, saya pun tumpang seronok walaupun sekarang saya tidak berapa hendak menyokong Kerajaan ini, tetapi saya seronok meihat berita tersebut sekurang-kurangnya memberi harapan kepada bangsa saya di luar bandar. Dalam bahasa Inggeris, dengan izin, that is the light at the end of the tunnel. Sesudah hampir 1990, ini sudah masuk Rancangan Malaysia Kelima, insya Allah, kita akan berbahas, akan mengemukakan pandangan-pandangan yang membina apabila perbahasan Rancangan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima nanti. Tetapi tinggal lagi apabila melihat peruntukan tambahan ini kalau tunjuklah kepada sesiapa pun, yang seriuslah, yang care, kata Orang Putih, dengan izin, balik ke rumah, duduk bersila ambil pelita ayam lihat butiran-butiran ini saya lihat sayu hati apabila saya bandingkan, tidak munasabah sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong pendekkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Hendak pendeklah ini, Tuan Yang di-Pertua. Itu tadi bunga-bunga sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Butiran 04900, pecahan 01 dan 02 iaitu Membalik pulih Sungai/Parit Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Pengindahan Sungai/Parit Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, keduanya dibuat bagi persediaan Persidangan CHOGM yang melibatkan wang sebanyak \$21.2 juta, manakala Butiran 05000—Pembersihan Sungai di Wilayah Persekutuan sebanyak \$5 juta dan

Butiran 05600—Perparitan dan Saluran Najis di mana tambahan sebanyak \$500,000 untuk bayaran Juru Perunding dan sebahagian kos projek bernilai \$3.5 juta. Nampaknya masalah sungai dan perparitan di Kuala Lumpur telah menelan belanja \$30.2 juta diperuntukkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Anihnya, Kementerian Pertanian, nombor 5, Maksud P. 19 Butiran 17100 dan 17101 telah melibatkan perbelanjaan sebanyak \$18.5 juta untuk perparitan dan rancangan tambatan banjir di Kuala Lumpur kerana CHOGM. Nampaknya keseluruhan perbelanjaan mendak untuk sungai, parit di sekitar Kuala Lumpur untuk CHOGM sebenarnya \$48.7 juta.

Saya jumpa semalam, Tuan Yang di-Pertua, sambil-sambil hendak tidur, saya buka Anggaran Belanjawan ini, saya tengok mula-mula di bawah Jabatan Perdana Menteri. Baik pulih sungai/Parit \$19,200,000. Pengindahan Sungai/Parit \$2 juta, lepas itu pembersihan sungai di Kuala Lumpur \$5 juta. Bila saya baca-baca lagi, di bawah Jabatan Parit dan Talair, saya jumpa lagi Rancangan Perparitan, Wilayah Persekutuan \$3.5 juta, Rancangan Tebatan Banjir di Kuala Lumpur \$15 juta. \$18.5 juta di bawah Jabatan Parit dan Talair, manakala \$33 juta di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jumlah seperti yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, \$48.7 juta. Ini parit mana? Saya hendak tahu daripada pihak Dewan Bandaraya, Jabatan Perdana Menteri dan juga Jabatan Parit dan Talair. Sungai mana yang kita hendak indahkan di Kuala Lumpur ini? Saya bersetuju, belanjalah berapa banyak asalkan bila hujan di Kuala Lumpur nanti tidak ada banjir lagi. Tetapi saya bimbang, kalau hujan nanti, lagi banjir yang pernah berlaku sebelum ini. Tetapi \$48.7 juta ini saya hendak tahu macam mana kontrak-kontrak ini ditawarkan, bagaimana kontrak-kontrak ini diberi?

Saya dengar juga banyak rungutan di kalangan usahawan, kerana CHOGM ini, hendak siap cepat sana, siap cepat sini, projek-projek ini main tawar sahaja, runding dengan pihak-pihak kontraktor dan ada pihak-pihak tertentu dapat sekian-sekian banyak, ada pihak-pihak tertentu tidak dapat. Maka timbul rungutan.

Tuan Haji Bujang bin Ulis (Simunjan); Penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Masa tidak ada, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Haji Bujang bin Ulis: Sekejap sahaja, Yang Berhormat. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat dari Pasir Mas, sama ada beliau setuju dengan saya, bahawa kita tidak guna mengaburi mata rakyat dengan keindahan sahaja sedangkan ramai yang di luar bandar itu perlu makan. Jadi, macam mana? Adakah Yang Berhormat setuju bahawa kita tidak mengaburi rakyat dengan keindahan sahaja, Kuala Lumpur mesti indah, dapatkah rakyat hidup dengan keindahan ataupun hidup dengan nasi? Nasikah atau keindahan? Kita pilih yang mana. Terima kasih.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat dari Pasir Mas, panjang lagi?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Fasal dia ganggu, kalau tidak dua tiga minit lagi habislah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Bolehlah, dua tiga minit lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Simunjan, saya setuju, Tuan Yang di-Pertua. Maknanya bukan sahaja keindahan. Keindahan kita mahu,

kemudahan kita mahu. Tetapi untuk rakyat yang di luar bandar, yang miskin lagilah lebih penting sebagaimana pandangan Yang Berhormat dari Simunjan tetapi soalnya \$48.7 juta ini wang rakyat, ini wang negara. Rakyat hendak tahu bagaimana wang ini dibelanjakan, siapa yang dapat kontrak? Jangan pula kesempatan kerana CHOGM ini, hendak cepat itu, hendak cepat ini main beri tawaran sahaja; Mayor Kuala Lumpur, Datuk Bandar sahaja jumpa, dua tiga orang runding-runding, buat, asalkan sudah cepat. Tetapi yang saya hendak tahu parit mana, sebab terlalu umum mengikut apa yang dibentangkan dalam penjelasan buku Anggaran Perbelanjaan Tambahan yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, No. 7, Maksud P. 21, Butiran Projek 00100. Kenapa penumpuan diberi kepada Langkawi Island Resort sebanyak \$1.366 juta. Dalam Butiran (Projek), 00400-07 Tandas Awam di Pusat Pelancongan. Bagaimana pembinaan tandas melibatkan \$350,000. Tidakkah ini satu angka yang luar biasa. Saya hendak tahu bagaimakah bentuk tandas \$350,000 ini? Berapa biji tandas, di mana tempat ataupun satu tempat sahaja dan mengenai Projek Langkawi itu ada lagi peruntukan-peruntukan yang dipertukarkan selain daripada yang saya sebutkan tadi. Manakala untuk di Tumpat, kita lihat di Tumpat, di Pantai Sri Tujuh, peruntukannya tidak sampai pun \$100,000. Ini saya tolong Yang Berhormat Setiausaha Parlimen daripada Kementerian Penerangan. Pantai Tujuh itu begitu indah. Betullah Ketua-ketua Negara Commonwealth hendak pergi ke Langkawi. Semuanya belanja di Langkawi kerana persidangan yang begini bersejarah, tetapi Pantai Sri Tujuh tidak sampai pun \$100,000. Yalah \$100,000 itu kita terima kasihlah, eloklah hendak indahkan Pantai Sri Tujuh itu. Tetapi

apa yang boleh dibuat dengan \$100,000 ini? Dengan keadaan pantainya yang begitu indah dan begitu besar, inipun perlu kepada penjelasan. rasionalnya.

Ini masa tidak ada, saya cepat-cepat, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak saya hendak huraikan satu persatu.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar bandar, No. 21, Maksud P. 54, keseluruhan diperlukan sebanyak \$307,011,400. Melihat kepada pecahan-pecahan yang diberikan nampaknya terdapat di setengah-setengah tempat sebagai melepas batuk di tangga. Scerti untuk Butiran Projek 00400, Taman Bimbangan Kanak-kanak dan Butiran Projek 02800—Industri Kampung. Jelas peruntukan itu tersangat kecil kalau dibandingkan untuk PERWAJA dan Kedah Cement bagi tujuan hendak membayar hutang sahaja. Kita tidak mahu ianya dijadikan senjata untuk kepentingan politik kerana di mana sekalipun perkara ini selalu ditonjolkan oleh pihak-pihak tertentu. Kita mengalu-alukan tetapi tinggal lagi janganlah projek-projek ini pula dijadikan umpan untuk politik semata-mata iaitu untuk digunakan di waktu adanya pilihanraya-pilihanraya kecil. Kita harap ianya benar-benar mendapat faedah oleh rakyat, tidak ditaburkan hanya sekadar mengikut keperluan politik.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggulung sedikit sahaja lagi.

Tuan Haji Bujang bin Ulis:
Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak bolehlah. Yang Berhormat dari Pasir Mas tidak cukup masa.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Bagi menggulung apa yang saya bangkitkan ini, Tuan Yang di-Pertua, ianya mengandungi erti yang mendalam terhadap aspirasi rakyat supaya halatuju pembangunan negara dari segi

mengguna wang rakyat ianya mestilah berketetapan mengikut keutamaan. Apabila soalan dikemukakan, sentiasa dijawab segala-galanya dibuat mengikut keutamaan. Tinggal lagi pandangan kita, suara kita ini hanya terhad. Alhamdulillah, boleh dikemukakan dalam Dewan Rakyat yang mulia ini. Saya percaya pandangan ini pun tidak akan mendapat ruangan dalam akbar nanti dan kita tidak perlu kepada publisiti, asalkan mana pandangan kita ini mendapat perhatian demi kebaikan rakyat dan negara pada masa akan datang. Sebab ini merupakan harapan rakyat di penghujung tahun keramat 1990, sudah tidak ada lagi.

Yang dibincangkan nanti ialah kelemahan-kelemahan, yang akan diperbahaskan nanti ialah hendak sambungkah tidak sambung Dasar Ekonomi Baru. Ada pula orang tentang nanti. Macam-macam nanti manakala rakyat di Kampung dengan penuh derita, pengangguran meningkat. Harga barang sudah lima kali naik. Menteri Pendidikan umum kenaikan gaji guru sudah lima kali, sampai hari ini pun belum dilaksanakan lagi, dok gitig jari sahaja,

Saya tahu lah, Tuan Yang di-Pertua, manakala sudah umum lima kali, barang sudah lima kali naik. Jadi, kalau hendak menyentuh hal Kementerian Pembangunan, Kementerian Perdagangan dan sebagainya banyak-lah. Walau bagaimanapun, cukuplah sekadar pandangan yang ikhlas, Tuan Yang di-Pertua, bagi melahirkan pandangan-pandangan yang saya kira berfaedah dan berguna untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya

bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1988 dan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Kertas Perintah 20, Tahun 1989 di bawah Kementerian Telekom dan Pos dengan pertambahan perbelanjaan \$4,003,500 untuk Stesen Janaelektrik Paka.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos melalui Lembaga Letrik Negara haruslah berhati-hati sewaktu membeli barang-barang alat ganti. Sudah menjadi kebiasaan beberapa agensi Kerajaan membeli alat ganti tanpa mengambil kira kos dan keperluan sebenar. Kadang-kadang terjadi pembaziran yang banyak akibat anggaran kos yang tidak tepat atau membeli alat ganti yang sebenarnya diperlukan. Kadang-kadang alatganti yang dibeli itu dipesan bukan berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa tetapi oleh kerana tekanan-tekanan daripada pihak pembekal-pembekal tertentu. Hal ini dilaporkan sering berlaku dan Kerajaan menanggung bebanan kos yang agak tinggi yang kadang-kadang tidak perlu.

Memang kita sedia maklum bahawa ada beberapa alatganti yang harus dibeli dari semasa ke semasa dan ada juga alatganti yang besar-besar dan mesti diperolehi pada peringkat awal, umpamanya sewaktu pembelian sesuatu janakuasa, alatganti harus didapati bagi mengelakkan terputusnya bekalan tenaga elektrik jika berlaku kerosakan tetapi alatganti-alatganti ini boleh dipesan atau dibeli mengikut satu perancangan yang baik dan bukan secara tidak teratur untuk membolehkan syarikat-syarikat tertentu mendapat kontrak bagi membekal alat-alat tersebut yang pada awalnya dijangka tidak perlu. Mungkin pihak LLN boleh mengelak sebarang tuduhan penyelewengan dengan mempunyai satu sistem pembekalan

alatganti yang lebih teratur dan tidak membebankan kos kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga merujuk kepada Kertas Statut 76 Tahun 1989, Maksud P.27 di bawah Kementerian Luar Negeri dengan penambahan sebanyak \$96 juta.

Kita sedia maklum bahawa kebanyakan ruang pejabat dan rumah kediaman bagi para perwakilan Malaysia di luar negeri adalah bukan kepunyaan Kerajaan tetapi disewa daripada tuanpunya-tuanpunya bangunan atau rumah-rumah kepunyaan orang asing. Walaupun membayar sewa itu adalah lebih mudah diuruskan daripada membeli bangunan, saya rasa pihak Kementerian Luar Negeri harus mengambil kira sewa dan harga harta tanah yang makin meningkat setiap tahun di seberang laut. Kadangkala sewa ruang pejabat yang dibayar dalam tempoh masa 10 tahun adalah lebih mahal daripada kos membeli bangunan tersebut sewaktu ditawarkan. Umpamanya, ruang Pejabat Perwakilan Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di New York, sudah seharusnya dibeli oleh Kerajaan 10 atau 20 tahun yang lalu daripada menunggu sehingga sekarang setelah membayar sewa berjuta-juta ringgit dan setelah harga bangunan yang sama telah meningkat 10 atau 20 kali ganda daripada harga asal.

Saya rasa keputusan untuk membeli ruang pejabat atau rumah kediaman perwakilan-perwakilan Maiaysia di seberang laut harus diberi perhatian yang serius, Kalau tidak, Kementerian Luar Negeri akan terus menanggung perbelanjaan yang tinggi setiap tahun bagi menyewa ruang pejabat dan selepas itu terpaksa menyediakan wang yang lebih banyak bagi membeli bangunan yang sama yang telah meningkat harganya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada Kertas Perintah 19 Tahun 1989, Maksud B. 7 di bawah

Keselamatan Negara khususnya \$17,800,000 untuk operasi mengosongkan Pulau Bidong daripada pendatang haram Vietnam.

Nampaknya masalah di Pulau Bidong ini akan berterusan jika langkah-langkah yang positif tidak diambil. Kemungkinan pihak Kerajaan harus bersikap lebih tegas terhadap mencari penyelesaian atas pendatang-pendatang dari Vietnam. Peperangan di Vietnam telah lama tamat iaitu pada tahun 1975, tidak ada sebab kenapa kita boleh mesti terus menerima pendatang-pendatang dari Vietnam yang keluar daripada negaranya kerana hendak mencari peluang ekonomi yang lebih baik di negara-negara asing. Walaupun mereka ini tidak berniat hendak tinggal di Malaysia tetapi hanya sekadar menggunakan sebagai persinggahan dalam perjalanan mereka ke negara-negara perlindungan terakhir iaitu seperti di Amerika Syarikat dan sebagainya, tetapi kedatangan mereka ini telah pun membebankan negara-negara seperti kita di dalam ASEAN ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Vietnam sebagai satu negara yang berfahaman Marxist dan memerintah secara totalitarian mempunyai kuasa untuk membendung rakyatnya daripada keluar dengan sewenang-wenangnya menuju ke pantai-pantai negara-negara jiran dan saya rasa lebih baiklah bagi Kerajaan kita dan juga Kerajaan-kerajaan negara-negara ASEAN untuk membincangkan dengan terus-terang dengan pihak Hanoi berkenaan dengan hasrat setengah-setengah rakyat daripada negara tersebut yang ingin keluar untuk mengadu nasib di negara-negara yang lebih maju. Dengan cara ini Kerajaan kita haruslah memberi tekanan-tekanan kepada pihak Vietnam supaya mereka memandangkan perkara ini dengan lebih serius.

Di samping itu, saya juga menyarankan bahawa pihak Polis Merin kita dengan pihak Tentera Laut Diraja Malaysia menjalankan operasi untuk menyekat kemasukan pendatang-pendatang dari Vietnam. Sekatan tentera laut juga harus dibuat oleh TLDM di perairan antarabangsa supaya bot-bot pendatang haram Vietnam ditukar arah kembali ke negara asal mereka. Kemungkinan operasi di laut dapat mencegah ketibaan baru pendatang-pendatang haram Vietnam ini. Saya berpendapat bahawa Vietnam adalah bertanggungjawab atas rakyatnya yang ingin berpindah ke negara-negara yang lebih maju. Program-program pemindahan yang disusun oleh UNHCR dan Kerajaan Vietnam hendaklah dipergiatkan supaya pemergian rakyat Vietnam ke negara-negara ketiga dijalankan secara teratur. Ini akan meredakan keadaan seperti di Pulau Bidong di mana pihak Kerajaan Malaysia akan berkesempatan hendak mengosongkannya dengan cara baik.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Maksud di bawah tajuk Kementerian Luar Negeri, saya ingin mengatakan di sini bahawa pembelian ruang pejabat-pejabat dan bangunan-bangunan untuk perwakilan Malaysia adalah bagi tujuan mempertingkatkan imej negara di pentas antarabangsa. Mungkin pihak Kementerian Luar Negeri harus juga mempertinggikan lagi imej ini dengan memperkenalkan Malaysia melalui media massa seluas-luasnya, tidak dengan hanya saluran-saluran tradisi seperti saluran-saluran diplomatik sahaja.

Memang terlalu banyak sungutan-sungutan dari warganegara-warganegara Malaysia yang melancong ke Amerika Syarikat dan Eropah Barat di mana nama Malaysia tidak dikenali oleh rakyat asing. Sebaliknya nama negara-negara seperti Thailand, Filipina dan Singapura adalah dikenali oleh kebanyakan orang asing.

Mungkin ada banyak sebab kenapa Malaysia tidak dikenali tetapi sekurang-kurangnya usaha yang bersungguh-sungguh hendaklah dibuat oleh pegawai-pegawai perwakilan Malaysia di seberang laut, lebih-lebih lagi di dalam suasana sekarang dengan program "Tahun Melawat Malaysia 1990" dan CHOGM pada bulan Oktober yang akan datang. Mungkin pegawai-pegawai perwakilan Malaysia boleh juga mengambil peranan yang lebih aktif memperkenalkan Malaysia dengan menggunakan kereta buatan Malaysia iaitu kereta Proton Saga bagi kegunaan urusan rasmi mereka mahupun urusan persendirian. Dengan menggunakan Proton Saga bukan sahaja kereta buatan Malaysia akan lebih terkenal tetapi juga nama negara ini sebagai pembuatnya akan juga mulai dikenal oleh masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan!989)ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat dari Bagan. Yang Berhormat ada lebih kurang 5 minit.

4.19ptg.

Tuan Teoh Teik Huat (Bagan): Lima minit sahaja? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Dengan masa yang terhad saya akan cuba.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud P.20 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, saya merujuk kepada Butiran (Projek) 01100 di mana tambahan sebanyak \$1,250,000 adalah dikehendaki untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya—Pemasaran Berspadu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya maksud untuk menjalankan aktiviti

berspadu ini adalah bertujuan supaya membuat barang-barangan yang dikeluarkan oleh industri-industri kecil supaya menjadi lebih ekonomikal dan supaya kos pengeluaran dapat dikurangkan.

Ini memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha industri kecil kita dapat memasarkan barang-barangan keluaran mereka. Inilah satu langkah yang baik kerana bukan sahaja barang pengusaha-pengusaha ini akan mampu bersaing di pasaran, malah ini akan menyakinkan lebih ramai orang untuk menceburkan diri dalam bidang ini. Satu perkara yang kita perlu ambil perhatian ialah supaya memberi kelonggaran kepada pengusaha-pengusahaan ini dan memastikan mereka ini tidak dibebankan dengan masalah-masalah red-tape. Jika ini tidak diberikan penekanan harga-harga barang mereka terpaksa dinaikkan dan ini akan bertentangan dengan maksud asal.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh yang saya ingin membangkitkan di sini ialah masalah cukai yang dikenakan sebanyak dua kali ke atas barang yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha industri kecil bidang tekstail. Sekarang ini kilang-kilang yang mengeluarkan kain kosong daripada bahan-bahan mentah telah dikenakan cukai jualan sebanyak 10%. Apabila pengusaha yang kedua menjalankan kerja-kerja mencelup atau mewarnakan kain-kain kosong ini pula dikenakan 10% lagi cukai ke atas harga kain ini, ianya termasuk kos bahan mentah seperti sebelum memasuki kilang yang pertama tadi, dan ini bermakna bahawa sebelum barang ini sampai ke pasaran, cukai ke atas barang ini sudah dikenakan sebanyak dua kali. Ini bermakna harga barang ini akan meningkat dan tidak akan dapat bersaing di pasaran berbanding dengan barang keluaran negara-negara jiran kita yang kos pengeluarannya lebih murah. Apa

yang saya faham sekarang ialah banyak pengusaha-pengusaha tekstail telah berhutang dengan satu jumlah wang yang besar kepada pihak Kastam kerana mereka hanya membayar cukai sekali sahaja dan tunggakan hutang ini dibenarkan oleh pihak Kastam untuk sementara sahaja. Apabila pihak Kastam mula mengambil tindakan menuntut semula hutang-hutang cukai kedua ke atas pengusaha-pengusaha tekstail ini yang berjumlah beribu-ribu ringgit, sudah pasti kilang-kilang ini akan ditutup dan ada yang akan bankrap. Ini adalah satu kes di mana saya telah mendapat aduan. Saya percaya terdapat lain-lain industri kecil yang mengeluarkan barangan lain dari tekstail yang mengalami masalah yang sama dan saya menyeru Menteri Kewangan segera menyelesaikan masalah cukai dua kali ini dan jika tidak segala usaha-usaha Kerajaan untuk memajukan industri-industri kecil ini akan mengalami kegagalan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai hakisan pantai di Seberang Perai, di bawah Maksud P. 7, Butiran 03200—Peruntukan \$9 juta untuk menjalankan hakisan pantai di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan satu kajian dibuat oleh satu syarikat asing, jika tidak silap saya, dari Belgium yang dijalankan mengenai hakisan tanah di Seberang Jaya, terutama sekali di Bagan Ajam. Hakisan pantai di kawasan ini sudah sampai ke paras yang begitu cemas sekali sehingga boleh mengancam nyawa dan harta benda penduduk-penduduk yang tinggal di persisiran pantai ini. Perkara ini bukanlah satu perkara baru, tetapi telah menjadi masalah sejak bertahun-tahun lamanya tanpa satu tindakan yang konkret diambil oleh Kementerian ini untuk menyelesaiannya. Saya telah menerima aduan demi aduan tentang masalah ini dari orang ramai dan penduduk-penduduk yang terlibat dan

juga masalah ini pernah dimajukan beberapa kali kepada pihak berkuasa tetapi tindak balas yang diperolehi dari pihak berkuasa hanyalah janji-janji kosong dan kenyataan bahawa pihak Kerajaan sedang menjalankan kajian ke atas masalah ini dan tidak lehiih dari itu.

Sukalah saya bertanya di sini sampai bilakah pihak Kerajaan mahu mengambil masa hanya dengan membuat kajian sahaja, padahal hakisan pantai ini semakin hari semakin melarat sehingga nyawa dan harta benda penduduk-penduduk di tepi-tepi pantai ini sudah terancam. Adakah pihak Kerajaan akan hanya melakukan sesuatu apabila sudah berlaku tragedi atau nyawa orang awam sudah terkorban. Jika tidak, kenapakah mengambil masa yang begitu lama. Pihak berkuasa hendaklah segera bertindak walaupun ini bermakna memerlukan satu perbelanjaan yang besar. Jika pihak berkuasa boleh mencurahkan begitu banyak wang di dalam pilihanraya kecil yang diadakan baru-baru ini bagi memancing undi, saya percaya masalah hakisan ini adalah lebih penting daripada pembangunan-pembangunan yang ditaburkan kepada pengundi-pengundi di kawasan yang diadakan pilihanraya kecil, lagi pun masalah ini adalah masalah yang berlarutan sejak begitu lama dan pihak Kerajaan hendaklah memberi perhatian yang lebih serius dan tahu membezakan masalah atau perkara mana yang patut diutamakan dahulu.

Saya berharap pihak Kerajaan dapat memberi satu jaminan bahawa masalah hakisan tanah ini akan segera diatasi dan mengumumkan kepada rakyat negeri Pulau Pinang akan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Menteri ini supaya orang ramai tidak merasa cemas.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat ada satu minit sahaja.

Tuan Teoh Teik Huat: Baik, saya gulung

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Satu minit sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Satu minit sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah habis, saya hendak jemput Timbalan Menteri menjawab untuk perbahasan awam.

Tuan Lim Guan Eng: Boleh minta 5 minit?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh Yang Berhormat. Kita sudah lebih daripada satu hari.

Tuan Lim Guan Eng: Saya sudah tempah lama dengan Tan Sri Dato' Mohamad Zahir.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh bercakap dalam Jawatankuasa.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau boleh dapat sekejap sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh Yang Berhormat. Sila Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Haji Bujang bin Ulis: Minta Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak ada penjelesaan lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Bujang bin Ulis: Fasal Tuan Yang di-Pertua semasa sessi lepas pernah Timbalan Speaker kata dalam jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang

Berhormat, tadi Tuan Speaker telah membuat keputusan bahawa perbahasan pada hari ini disambung lagi sehingga pukul 4.26 dan sekarang kini sudah sampai 4.26. Jadi, saya jemput Timbalan Menteri menjawab. Tetapi untuk Yang Berhormat membahaskan Rang Undang-undang ini ada lagi masa, kita akan membahaskan sehingga hari esok tetapi di dalam siri Jawatankuasa dan saya akan

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa 5 minit bukanlah satu permintaan yang lebih kerana saya sudah cuba sejak pukul 3.30 tadi. Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kita sudah buat ketetapan, tidak boleh lagi. Sila Timbalan Menteri menjawab.

4.27 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas sokongan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini amnya dan beberapa orang Ahli Dewan ini khususnya yang telah mengambil bahagian semasa perbahasan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1988 dan 1989 dan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat Tahun 1988 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 1989 yang telah saya bentangkan hari kelmarin iaitu 20hbJun, 1989.

Beberapa orang Ahli telah membangkitkan perkara-perkara yang telah pun diberi penjelasan di masa-masa yang lalu. Walau bagaimanapun, saya akan menjawab perkara-perkara yang difikirkan mustahak sahaja, mana-mana perkara yang tidak saya jawab di sini, sukalah saya memberi jaminan bahawa perkara-perkara tersebut adalah diambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah membangkitkan bahawa Kerajaan tidak mengambil berat terhadap kampung-kampung baru dan peruntukan sebanyak \$50 juta setahun patut diadakan bagi pembangunan di kampung-kampung baru. Beliau juga telah menyentuh masalah sosial dan pengangguran, di kampung baru serta keperluan mengadakan sebuah blue print pembangunan kampung-kampung baru serta pemindahan portfolio kampung-kampung baru ini daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan sekarang kembali semula ditempatkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Kerajaan tidak mengambil berat terhadap kampung-kampung baru. Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang sama kepada kampung-kampung baru seperti juga kepada kampung-kampung lain. Kampung-kampung baru dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan asas seperti elektrik, air, jalan, perkhidmatan kesihatan dan lain-lain. Tindakan akan terus diambil bagi mengadakan bekalan dan kemudahan asas kepada kampung-kampung baru yang masih belum mempunyainya dengan kerjasama Jabatan-jabatan lain seperti LLN, Kementerian Pendidikan, JKR (Bekalan Air), Jabatan Perparitan dan Saliran, Jabatan Kesihatan dan lain-lain. Kerajaan tidak dapat mengadakan kemudahan-kemudahan bagi keseluruhan kampung-kampung baru secara serentak memandangkan bahawa kemampuan kewangan adalah terhad. Keperluan-keperluan pembangunan di sektor-sektor lain perlu juga diberikan perhatian. Oleh hal yang demikian, pengagihan peruntukan perlulah dibuat mengikut keutamaan dan kemampuan kewangan Kerajaan.

Seterusnya usaha sedang dijalankan bagi mengeluarkan hakmilik pajakan kepada pemohon-pemohon yang layak untuk tempoh yang lebih panjang, iaitu sekurang-kurangnya 60 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan untuk memindahkan portfolio perkemasan kampung-kampung baru daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan sekarang kembali semula kepada Kementerian, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bukanlah bermakna bahawa Kerajaan tidak mengambil berat terhadap kampung-kampung baru. Tindakan ini adalah merupakan satu tindakan yang positif dalam usaha bagi memastikan keperluan-keperluan asas kampung-kampung baru dapat diselaraskan dengan lebih berkesan dan ditadbirkan di bawah kementerian yang sesuai yang dijangka dapat memberi manfaat yang lebih kepadanya.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang tidak perlu risau mengenai perubahan ini kerana perubahan Kementerian ini tidak akan menjelaskan langkah-langkah untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas bagi kampung-kampung baru.

Mengenai masalah sosial dan pengangguran juga, saya percaya Yang Berhormat dari Bukit Bintang sedia maklum bahawa masalah sosial seperti pengangguran bukanlah satu masalah yang khusus bagi kampung-kampung baru sahaja. Masalah pengangguran adalah masalah yang menyeluruh. Kerajaan sangat memandang berat mengenai perkara ini dan sentiasa berusaha untuk mengatasinya dengan menggalakkan pertumbuhan sektor awam di bidang perindustrian dan perusahaan supaya peluang-peluang pekerjaan dapat diwujudkan, di samping mengadakan program-program latihan. Terpulanglah kepada individu-individu tertentu yang mempunyai keperluan dan kepentingan

masing-masing untuk mengambil kesempatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah menyentuh tentang Pembangunan Wilayah Utara

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap!

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sama ada beliau rasa bahawa peruntukan wang untuk pembangunan kampung-kampung baru sebanyak \$7 juta untuk 5 tahun atau \$140 juta untuk pembangunan kampung-kampung baru adalah adil dan saksama kepada 2 juta penghuni-penghuni di kampung-kampung baru? Ini bermakna bahawa setiap orang penghuni kampung baru mendapat peruntukan sebanyak 70 sen. Saya rasa kalau sebuah kampung di mana terdapat penduduk seramai 1,000 orang, ini bermakna bahawa wang peruntukan untuk membangunkan kampung-kampung baru adalah sebanyak \$700. Saya rasa untuk membina satu unit jamban pun ini tidak cukup. Oleh itu, saya minta sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan rasa jumlah ini sudah memadai, sudah cukup, sudah adil? Terima kasih.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang Pertua, Kerajaan sedar berapa banyaknya peruntukan yang telah diberikan untuk pembangunan kampung-kampung baru di dalam negara kita ini. Seperti apa yang saya katakan tadi pembangunan di sesuatu tempat hendaklah mengikut keutamaan oleh kerana ekonomi negara kita ini masih pulih. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan yang telah diputuskan untuk pembangunan kampung-kampung baru ini adalah keputusan pada

peringkat ini sahaja. Jikalau perlu, Kerajaan mungkin meningkatkan peruntukan itu untuk sesuatu maksud dan dengan adanya MCA dalam Barisan Nasional, DAP janganlah bimbang terhadap pembangunan yang akan dijalankan di dalam kampung-kampung baru di seluruh negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah menyentuh

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak puas hati, Yang Berhormat!

Dato' Loke Yuen Yow: Sudahlah, saya beri satu chance sahaja

Tuan Lim Guan Eng: Boleh tolong beri jumlah?

Dato' Loke Yuen Yow: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia tak beri!

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beri satu jumlah peruntukan yang akan diberikan untuk pembangunan kampung-kampung baru, lebih daripada \$7 juta atau kurang? Berikan satu jaminan sekarang dan nyatakan berapakah jumlah peruntukan yang akan diberikan untuk pembangunan kampung-kampung baru. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak akan lari daripada pertanyaan ini. Terima kasih.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, ada contoh dahulu yang mana peruntukan tambahan telah diberikan, tetapi saya tidak dapat sentuh di sini oleh kerana saya tidak dapat ingat angka yang telah diberikan sebagai peruntukan khas untuk pembangunan kampung-kampung baru.

Tuan Lim Guan Eng: \$7 juta atau kurang?

Dato' Loke Yuen Yow: Duduklah! Tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh, Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab macam itu.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan lari daripada

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, tidak lari. Hendak pergi, pergilah ke Ampang Jaya atau pergilah ke Bentung—tidak lari!

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah menyentuh tentang Pembangunan Wilayah Utara, khususnya Pulau Pinang sebagai pintu masuk kawasan pelancongan serta masalah hakisan pantai di Pulau Pinang dari kawasan pantai timur. Pulau Pinang sebagai satu kawasan tarikan pelancongan telah pun dan sedang dimajukan bersama dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Pulau Pinang adalah terkenal sebagai satu pusat tarikan pelancongan di kalangan pelancong antarabangsa. Kemudahan-kemudahan pelancongan yang terdapat di Pulau Pinang telah pun mencapai tahap yang memuaskan, oleh itu perhatian juga diberi untuk membangunkan kawasan-kawasan lain yang mempunyai potensi. Kerajaan memang sedar tentang masalah hakisan yang dinyatakan itu dan akan memberi perhatian yang cukup berat mengenai masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah mengambil contoh daripada Laporan Akaun Awan Tahun 1987 oleh Akauntan Negara Malaysia, iaitu kebanyakannya Kementerian atau Jabatan, kecuali Kementerian Luar Negeri telah menunjukkan bahawa prestasi kurang belanja "shortfall"

bagi peruntukan mengurus dalam tahun tersebut memanglah kurang baik, juga berlaku kurang belanja dibandingkan dengan peruntukan yang disediakan.

Saya berasa dukacita kerana Yang Berhormat dari Kepong hanya melihat satu aspek secara cetek dan tidak mendalam. Kalau Yang Berhormat dari Kepong masih ingat, tahun 1987 merupakan tahun yang paling teruk negara kita mengalami disebabkan oleh keadaan yang melanda kegiatan ekonomi negara disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia. Kerajaan telah mengalami kurang hasil yang teruk dalam tahun tersebut. Berpandukan kepada pengalaman tahun 1986 maka dalam tahun 1987 usaha-usaha yang lebih serius mengawal perbelanjaan dan langkah-langkah berjimat-jimat telah diperketatkan. Walau bagaimanapun, tidak dapat dielakkan bahawa keadaan deficit account terus dialami dalam tahun tersebut. Akaun Mengurus Kerajaan bagi tahun 1987 itu menunjukkan kekurangan (deficit) sebanyak \$2,042 juta. Ini bermakna sekiranya tidak dilaksanakan langkah-langkah berjimat-cermat serta pengawalan perbelanjaan yang ketat dan prestasi perbelanjaan sekiranya mengikut peruntukan yang diluluskan tidak ada "shortfall" perbelanjaan, bermakna kekurangan sudah pasti akan menjadi lebih besar. Oleh itu, dalam keadaan sedemikian kurang belanja peruntukan Mengurus bagi kebanyakan Kementerian atau Jabatan, kecuali Kementerian Luar Negeri seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Kepong sedikit-sebanyak telah membendung jumlah deficit daripada menjadi lebih besar.

Dengan kedudukan yang saya jelaskan itu

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap!

Dato' Loke Yuen Yow: . . . soal yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tentang apa

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekejap!

Dato' Loke Yuen Yow: Tidak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak beri jalan.

Dato' Loke Yuen Yow: Fasal jawapan saya panjang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Teruskan.

Dato' Loke Yuen Yow: Dengan kedudukan yang saya jelaskan itu, soal yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tentang apa akan terjadi kepada peruntukan yang tidak dibelanjakan bagi tahun 1987 itu sudah saya jawab. Walau bagaimanapun, untuk memberikan penjelasan selanjutkan jika dalam keadaan kewangan Kerajaan adalah baik di mana hasil melebihi perbelanjaan maka peruntukan yang tidak dibelanjakan dikembalikan ke dalam hasil yang mana akan mengakibatkan lebihan hasil yang lebih besar. Kerajaan berharap dan sedang berusaha untuk mewujudkan keadaan yang baik supaya Kerajaan mempunyai kemampuan kewangan yang lebih baik menampung keperluan-keperluan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan bahawa Kementerian Kewangan telah pun dan sedang mengambil perhatian kepada pengawasan ke atas perbelanjaan peruntukan mengurus sepertimana yang telah dinyatakan di dalam Ucapan Belanjawan 1989 yang lalu di mana Kerajaan telah menyatakan

bahawa salah satu daripada strategi Belanjawan 1989 adalah meneruskan dasar jimat cermat dalam pengurusan perbelanjaan awam. Di samping itu Kerajaan juga sentiasa mengawasi supaya peruntukan yang diberikan tidak dilebihi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyentuh tentang Kerajaan-kerajaan Negeri tidak mampu membayar balik hutang-hutang mereka kepada Kerajaan Pusat. Sebenarnya, ada terdapat bayaran-bayaran balik yang telah dibuat tetapi jumlahnya adalah kecil. Walau bagaimanapun, bagi hutang-hutang Kerajaan Negeri yang tidak dibayar balik itu, Kerajaan Pusat sedang menimbangkan penjadualan semula pinjaman-pinjaman Kerajaan Negeri sebagai langkah membantu Kerajaan-kerajaan Negeri yang kurang kemampuan untuk membayar balik hutang-hutang mereka.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, boleh beri jalan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tidak beri jalan. Perkara ini adalah dalam tindakan di antara Kementerian Kewangan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dari masa ke semasa mengikut jadual bayaran balik hutang-hutang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telah membangkitkan masalah kenderaan Kedutaan kita di Washington mengalami kerosakan. Adalah diakui ada kenderaan di Kedutaan Malaysia u luar negeri yang uzur, berumur lebih 10 tahun dan dengan itu kos penyenggaraan yang tinggi, keadaan ini tidak dapat dielakkan kerana kemampuan kewangan yang terhad tidak membolehkan peruntukan yang lebih banyak diadakan bagi

menggantikan semua kenderaan yang berumur lama tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan menyediakan peruntukan yang mencukupi setakat yang mampu untuk menggantikan kenderaan yang uzur tersebut secara berperingkat-peringkat dan adalah diharapkan peristiwa seperti Yang Berhormat sebutkan itu tidak akan berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai keyakinan terhadap Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai pengurusan kewangan dapat mengelakkan penyelewengan dalam pengurusan Kerajaan. Oleh sebab itu beliau berpendapat bahawa Akta Badan Pencegah Rasuah dipinda untuk menjadikan Badan Pencegah Rasuah sebagai sebuah organisasi yang bebas dan bertanggungjawab terus kepada Parlimen. Sukalah saya menjelaskan bahawa pada 30hb November, 1988 yang lalu satu Jawatankuasa Khas Jemaah Menteri mengenai penyelewengan pentadbiran telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tuan Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan negara kita ini serta dianggotai oleh tujuh orang Menteri dan dua orang Pegawai tinggi Kerajaan, Bahagian Perjawatan JPA adalah Urusetia kepada jawatankuasa khas ini.

Penubuhan jawatankuasa khas ini adalah ekoran daripada teguran-teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 1986, penyelewangan-penyelewangan yang dimaksudkan termasuklah mengenai kelemahan-kelemahan di dalam pengurusan kewangan dan lain-lain penyelewangan pengurusan Kerajaan seperti penyalahgunaan kuasa dan sebagainya. Jawatankuasa Khas Kabinet ini bertanggungjawab membuat perakuan kepada Jemaah Menteri tentang tindakan-tindakan

yang perlu diambil sama ada secara pembetulan, corrective ataupun hukuman tata tertib di atas pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat. Dalam hubungan ini Perbendaharaan telah diarahkan dan diberi tanggungjawab untuk menentukan bahawa semua Kementerian, jabatan, badan-badan berkanun mematuhi arahan dan peraturan berkaitan dengan pentadbiran kewangan dan penyelenggaraan harta benda Kerajaan selepas teguran-teguran oleh Ketua Audit Negara dibuat bagi tujuan mengatasi masalah-masalah yang dibangkitkan serta mencari jalan penyelesaian.

Selaras dengan arahan ini maka satu jentera bagi mengesan tindakan-tindakan susulan telah dibentuk di mana Perbendaharaan bertindak selaku penyelaras kepada semua agensi Kerajaan berkaitan dengan laporan Ketua Audit Negara dan kaitannya dengan Jawatankuasa khas Kabinet ini.

Sementara itu Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara sebagai sebuah jawatankuasa pemilih Dewan Rakyat yang ditubuhkan di bawah perenggan 77 Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat juga menjalankan siasatan ke atas isu-isu utama yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara dalam laporannya. Dengan itu Yang Berhormat tidaklah perlu ragu-ragu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah juga membangkitkan tentang perbelanjaan besar adalah terlibat dalam pembangunan industri berat. Beliau mencadangkan bahawa supaya tumpuan diberikan ke atas industri ringan seperti yang terdapat di Taiwan dan lain-lain negara.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan bahawa galakan ke atas pertumbuhan industri ringan sememangnya diberikan oleh Kerajaan supaya wujud penyertaan pelabur-pelabur yang memerlukan modal yang

tidak begitu besar dibandingkan dengan industri berat. Penglibatan Kerajaan dalam industri berat adalah sebagai salah satu langkah untuk mempelbagaikan kegiatan-kegiatan ekonomi di negara kita ini. Hasilnya hendaklah dilihat juga dari segi peluang-peluang pekerjaan serta lain-lain kegiatan sampingan yang terbit dari kegiatan industri berat itu yang juga secara tidak langsung menambahkan berbagai kegiatan ekonomi negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah juga membangkitkan mengenai pembinaan rumah kos rendah bagi menampung keperluan perumahan kumpulan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah kurang tepat menyatakan pembinaan rumah-rumah kos rendah telah berkurangan kebelakangan ini. Di dalam tempoh Rancangan Malaysia Yang Kelima iaitu daripada tahun 1986-1990, sejumlah 495,000 unit iaitu 70.6% rumah kos rendah telah disasarkan untuk pelaksanaan berbanding dengan harga 206,500 unit yang terdiri daripada rumah-rumah kos sederhana dengan tinggi. Setakat ini sejumlah 133,620 unit daripada sasaran unit keseluruhan rumah kos rendah telah dapat disiapkan. Bagaimanapun, pada umumnya pencapaian pembinaan rumah kos rendah, khususnya program khas perumahan kos rendah adalah kurang memuaskan. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

Tapak-tapak yang dikenalpasti kurang sesuai dimajukan dengan serta-merta akibat ciri-ciri fizikal tapak dan kekurangan permintaan di kawasan yang berkenaan. Ini menimbulkan masalah-masalah seperti kos pembangunan yang tinggi, kesulitan memperolehi pembiayaan dan masalah dalam memperolehi kelulusan perancangan dan infrastruktur.

Yang Kedua, bagi tapak-tapak yang sesuai terdapat pula masalah-masalah lain yang wujud. Di antaranya termasuklah pemaju atau kontraktor yang dipilih kurang keupayaan dan kebolehan melaksanakan projek-projek.

Yang ketiga, kelewatan dalam pemilihan pemaju atau kontraktor dan kelewatan memperolehi kelulusan berkaitan dengan pembangunan perumahan seperti tukar syarat dan pecah sempadan tanah, pelan infrastruktur dan pelan pembangunan. Untuk mengatasi masalah-masalah dan seterusnya menyeferakan pencapaian sasarannya, Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

- (i) meminta Kerajaan-kerajaan Negeri memastikan pemilihan tapak projek yang sesuai dan viable dimajukan dengan serta-merta sahaja diteruskan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri juga diminta menyemak semula senarai projek yang telah dikenalpasti dan menggugurkan projek-projek yang bermasalah dan tidak dapat dilaksanakan dengan serta-merta;
- (ii) meminta Kerajaan-kerajaan Negeri mempercepatkan pemilihan pemaju dan kontraktor serta menentukan pemaju kontraktor yang dipilih adalah sesuai serta mempunyai kebolehan dan keupayaan untuk melaksanakan projek;
- (iii) meminta Kerajaan-kerajaan Negeri memberi insentif dan galakan kepada pemaju supaya membina lebih banyak perumahan kos rendah serta mempercepatkan perlaksanaannya;

Di antara galakan-galakan ini termasuklah mempercepatkan kelulusan perancangan, mengurangkan pembiayaan-pembiayaan tertentu tanpa menjelaskan keselamatan dan mengurangkan bayaran premium tanah dan mengecualikan bayaran ukur, dan memberi galakan kepada pembeli-pembeli rumah kos rendah dengan tujuan meningkatkan permintaan berkesan. Galakan yang dimaksudkan termasuklah penetapan kadar faedah pinjaman yang rendah. Kelonggaran syarat pinjaman bagi pembelian rumah serta mengecualikan bayaran duti setem.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kesan-kesan positif yang dibawa oleh Program Khas Perumahan Kos Rendah khusus dari segi pembekalan rumah-rumah kos rendah, Kerajaan telah bersetuju supaya tempoh perlaksanaannya dilanjutkan sehingga Jun, 1992.

Berhubung dengan kekurangan penyediaan peruntukan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di bawah program perumahan awam kos rendah, Kerajaan baru-baru ini telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$80 juta untuk membiayai projek-projek baru di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Di samping itu, untuk menyediakan kemudahan perumahan yang sesuai bagi golongan yang berpendapatan kurang daripada \$500, Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan sejumlah \$30 juta untuk melaksanakan projek perumahan kos rendah di bawah skim pertapakan dan kemudahan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat agar Kerajaan menubuahkan satu agensi atau perbadanan berkanun untuk turut menyertai pembangunan perumahan kos rendah, Kerajaan sememangnya sedang mengkaji cadangan penubuhan badan berkanun yang tersebut. Badan

berkanun yang dicadangkan ini antara lain akan membantu atau complement usaha-usaha Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam pembinaan rumah-rumah awam kos rendah di samping merancang, menyelaras dan bertindak sebagai "lead agency" dalam pembangunan perumahan untuk golongan yang berpendapatan rendah. Adalah dijangka sekiranya cadangan penubuhan badan berkanun ini diteruskan masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri atau sektor swasta dalam pembangunan perumahan akan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai membangkitkan tiga perkara iaitu pampasan pemindahan setinggan ke rumah panjang, pemotongan paip awam dan juga Jalan Segambut melintasi landasan keretapi di Segambut Dalam. Tuan Yang di-Pertua, setinggan-setinggan yang berpindah ke rumah panjang yang disediakan oleh pihak Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur diberi subsidi sewa dan pengangkutan bagi pemindahan secara percuma. Kerajaan tidak bercadang untuk membayar pampasan kerana bantuan yang diberi sudah mencukupi. Kerajaan tidak mampu untuk memberi pampasan kerana pada masa ini terdapat 31,700 buah rumah setinggan di Wilayah Persekutuan.

Bagi mengatasi masalah tunggakan bil paip awam yang tinggi, di samping memberi kemudahan bekalan air yang lebih baik ke kawasan setinggan, Kerajaan memasang main pipe di kawasan-kawasan setinggan bagi membolehkan setinggan mendapat bekalan air terus ke rumah mereka. Setelah mendapat bekalan air terus ke rumah, pihak JPA akan memotong pipe awam yang ada. Bagaimanapun terdapat setinggan-setinggan yang menggunakan kemudahan paip awam yang ada walaupun telah mendapat bekalan air ke rumah mereka.

Terdapat juga setinggan yang sengaja tidak mahu memasukkan air ke rumah mereka kerana inginkan bekalan air percuma dari paip awam.

Pembentangan bagi pembinaan jalan yang melintasi landasan keretapi di Segambut Dalam, seharusnya ia dibiayai oleh 6 pemaju perumahan di kawasan tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Peraturan Mesyuarat 67 (5) yang mengatakan apabila usul hendak mengedarkan mengenai masa yang ditetapkan, iaitu di muka 79, baris 14, yang bermula dengan "Selebih-lebihnya".

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Muka berapa, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Muka 79, baris 14, perenggan yang pertama, dalam Bahasa Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Perenggan berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Muka 79.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Paragraph?

Tuan Lim Kit Siang: Line 14, paragraph pertama, separuhnya adalah daripada muka 78 itu. Adakah dapat? Yang atas, bagi bacaan bagi kali yang kedua Rang Undang-undang di baris yang pertama. Perkataan yang saya mahu sebut ialah "Selebih-lebihnya satu hari hendaklah diintukkan bagi perbahasan demikian itu atas bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan usul untuk mengambil ketetapan hendak

mengedarkan Anggaran Pembangunan Tambahan". Selebih-lebihnya satu hari ialah termasuk jawapan, gulungan dari Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri dan perbahasan ini bermula semalam, 4.26 petang. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua ada tetapkan satu hari yang penuh dan tamat hari ini 4.26 petang. Tetapi sekarang sudah pukul 5 dan Yang Berhormat Menteri sudah melanggari Peraturan Mesyuarat. Oleh kerana kalau dia dapat lebih masa untuk perbahasan dasar, maka masa untuk Jawatankuasa yang dihadkan selebih-lebihnya dua hari akan dikurangkan. Ini melanggari peraturan dan dia patut diberhentikan. Kalau dia mahu lebih daripada satu hari, kita mahu suspend Standing Orders, dan membawa satu usul membenarkan dia berbuat demikian. Inilah sebab kita hendak mengikuti Peraturan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya rasa mengikut Buku Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat ini, masa diperuntukkan untuk membahas tidak lebih daripada satu hari tetapi selepas itu Menteri menjawab. Ada dua masalah. Jadi, kita beri peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membahaskan dan selepas itu kita beri peluang kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab sehabis-habisnya. Jikalau perkara-perkara ini tak dijawab oleh Menteri, jadi perbahasan kita ini sia-sia sahaja. Sebab itu saya membenarkan beliau menjawab sehingga sekarang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya takut nanti di peringkat Jawatankuasa Ahli-ahli Yang Berhormat yang mahu ambil bahagian tidak ada masa. Kita mahu ikut perbahasan, perbahasan termasuk dalam semua peringkat. Saya bukan tak mahu Yang Berhormat Timbalan Menteri diberi masa untuk menjawab, **tetapi kalau boleh mungkin malam ini**

boleh kita lanjutkan perbahasan lagi selama dua jam atau lebih. Beliau boleh jawab, tetapi masa bagi Ahli-ahli yang lain pun patut dihormatilah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, kita akan beri masa secukupnya, kalau sekiranya masa tak cukup, kita mungkin akan lanjutkan sidang supaya memberikan puas hati kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berucap. Teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Loke Yuen Yow: Terima Kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pembiayaan bagi pembinaan jalan yang melintasi landasan keretapi di Segambut Dalam seharusnya dibiayai oleh enam pemaju perumahan di kawasan tersebut dan lima daripadanya telah bersetuju untuk memberi sumbangan. Walau bagaimanapun, satu lagi pemaju masih belum memberi persetujuan. Di samping itu, terdapat masalah lain bagi pembinaan jalan ini kerana ianya melibatkan pengambilan-balik tanah dan melibatkan pembinaan sebuah fly-over yang kosnya agak tinggi dan akan ditanggung oleh pihak pemaju-pemaju yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal telah menyentuh berkenaan dengan bahagian-bahagian Lebuhraya Utara-Selatan yang masih belum siap. Sukalah saya menyatakan bahawa kerja-kerja pembinaan di beberapa bahagian lebuhraya ini telah pun dimulakan. Mengikut maklumat yang saya terima, kerja-kerja pembinaan ini adalah mengikut jadual (on schedule). Walau bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan supaya PLUS Bhd. ini akan diminta segerakan pembinaan bahagian-bahagian lebuhraya yang belum siap itu dan bahagian-bahagian projek Lebuhraya Utara-Selatan yang belum dibina. Mengenai bilakah bahagian-bahagian ini akan dibina dan

disiapkan, di sini sukalah saya menyatakan bahawa pembinaan lebuhraya berkenaan adalah seperti berikut:

| Bahagian Lebuhraya | Tarikh mula dibina | Tarikh dijangka siap |
|----------------------------|--------------------|----------------------|
| Ipoh-Kuala Lumpur | 1990 | 1993 |
| Cangkat Jering-Butterworth | 1991 | 1993 |
| Kuala Lumpur-Kelang | 1989 | 1992 |

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Nibong Tebal bangun. Silakan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan Bahagian Lebuhraya Butterworth-Changkat Jering beliau sebutkan tahun permulaan ialah 1991. Jadi, saya hendak tahu sama ada beliau sedar atau tidak Menteri Kerjaraya yang lama telah mengumumkan bahawa ia akan mula dibina pada tahun 1990.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya katakan ni adalah maklumat yang diberikan kepada saya dari Kementerian Kerjaraya. Sebenarnya saya memegang jawatan di Kementerian Kewangan. Maklumat-maklumat yang terperinci ini saya akan meminta Kementerian Kerjaraya memberikan nanti di peringkat Jawatankuasa. Terima kasih. Lebuhraya Johor Bahru-Pagoh akan disiapkan pada 1993.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan beberapa isu yang terperinci seperti berkaitan dengan membeli alat-alat tentera, rumah kediaman Duta di Jepun, projek talair dan keindahan di Bandaraya Kuala Lumpur, projek tandas di Langkawi dan sebagainya.

Memandangkan bahawa perkara-perkara ini adalah sangat terperinci, Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyerahkan semua soalan ini

kepada Kementerian-kementerian maing-masing untuk dijawab di peringkat Jawatankuasa nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan saya telab pun cuba menyentuh semua perkara dan isu yang telah dibangkitkan. Mana-mana yang saya tidak menjawab atau tak sempat menjawab, sukalah saya meyakinkan Dewan yang mulia ini bahawa semua hujah dan teguran-teguran itu telah diberikan perhatian dan telah dicatatkan oleh pegawai-pegawai yang ada di Dewan yang mulia ini. Dengan itu, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta

Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,293,594,230 diperuntukkan kepada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$4,003,500 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1989, untuk menampung sejumlah \$1,289,590,730 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua mempergeserikan Jawatankuasa)

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih

daripada \$20,771,000 yang di peruntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1988 bagi Maksud Bekalan B.29 dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$151,816,309 yang di peruntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1989 bagi Maksud-maksud Bekalan B.7, B.14, B.30, B.39 dan B.49 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual; dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$4,003,500 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4) 1988 bagi Maksud Pembangunan P.51 untuk Kementerian yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1989. Dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$1,289,590,730 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1989 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.14, P.16, P.17, P.19 hingga P.21, P.23 hingga P.25, P.27, P.31, P.33, P.34, P.39, P.46, P.47 hingga P.49, P.52 dan P.54 untuk Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 1989 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan Mengurus 1988 dan 1989 dan juga Anggaran-anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1988 dan 1989 pada hari kelmarin iaitu 20hb Jun, 1989. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18A Tahun 1989 dan 19A Tahun 1989 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus

Tambahan Kedua 1988 dan Tambahan Pertama 1989 dan Kertas Perintah 20A Tahun 1989 dan 21A Tahun 1989 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4) 1988 dan Tambahan Pertama (Bil. 1) 1989.

Oleh itu, saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud B.7 (Jadual Kedua)—

Maksud P.7 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1989)—

Tuan Pengerusi (Dato Haji M ohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.7 dan Kepala Pembangunan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

5.13 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada P.7 Jabatan Perdana Menteri, Butiran 02000 Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia Berhad (HICOM).

Tuan Pengerusi, Dewan yang mulia ini diminta meluluskan peruntukan sebanyak \$145 juta untuk Kerajaan meminjam kepada Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. dan Kedah Cement Sdn. Bhd. untuk membayar hutang.

Tuan Pengerusi, jumlah wang yang dipohonkan nampaknya besar sekali dan memandangkan bahawa duit yang dipohonkan adalah duit rakyat, saya sebagai Wakil Rakyat minta izin Tuan Pengerusi untuk menanya Menteri yang berkenaan apakah justifikasi untuk sebanyak \$145 juta ini. Saya hendak tahu, setakat ini berapa banyak sudah dipinjamkan kepada Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. dan Kedah Cement Sdn. Bhd; dan sama ada badan-badan perniagaan ini mampu

membayar balik pinjaman yang dipohonkan. Dan juga sama ada pada tahun-tahun yang akan datang Dewan yang mulia ini juga akan diminta untuk meluluskan pinjaman sejumlah besar seperti ini.

Tuan Pengerusi, saya bimbang. Saya cakap dengan secaraikhlas, saya bimbang, lubang-lubang hutang syarikat-syarikat ini terlalu besar dan tidak dapat ditutup dengan pinjaman-pinjaman seperti ini.

(Timbalan Yang di-Pertua mempererusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, Dewan ini telah dimaklumkan oleh Menteri Kewangan bahawa pekongsi Jepun di Syarikat Perwaja pun telah lari. Mereka pun telah jual semua saham mereka dengan harga \$1 sahaja kepada Malaysia. Jadi, kenapa mereka buat demikian? Sama ada mereka tahu bahawa perusahaan ini memang tidak mempunyai potensi. Menteri Kewangan telah beberapa kali dalam masa membentangkan Belanjawan memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa Kerajaan akan menutup syarikat-syarikat Kerajaan yang tidak mendatangkan keuntungan. Ikrar ini telah dibuat beberapa kali dan ingin saya tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan hari ini sama ada satu tempoh akan diberi kepada Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. dan Kedah Cement Sdn. Bhd. supaya membuat, dengan izin, satu "turn-around" dalam perniagaan mereka sekiranya dalam tempoh itu mereka tidak berjaya sama ada Kerajaan jual perusahaan-perusahaan yang kedua ini atau menutup operasi sama sekali.

Tuan Pengerusi, saya haraplah Kerajaan akan timbang dengan beratnya kerana saya percaya oleh kerana duit ini adalah duit rakyat dan sangat-sangat diperlukan untuk kegunaan orang ramai untuk projek membasmi kemiskinan dan sebagainya. Saya harap Kerajaan akan hadkan, akan memberi satu Hmit kepada pinjaman yang diberi kepada

syarikat-syarikat yang merugikan supaya kita tidak sentiasa membuang duit dalam lubang yang terlalu besar.

Tuan Pengerusi, saya juga merujuk kepada Maksud P.7, Butiran 04000 Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang.

Saya mengucap syabas kerana Dewan ini diminta meluluskan sebanyak \$14 juta untuk melaksanakan projek perumahan kos rendah di Balik Pulau, Pulau Pinang dan di Jalan Baru, Perai dan Bagan Dalam, Butterworth. Jadi, saya haraplah Kerajaan akan timbang dalam meluluskan tambahan yang lebih untuk tujuan ini kerana perumahan kos rendah memang merupakan satu masalah besar di kawasan-kawasan luar bandar.

Walapun saya merasa sukacita kerana wang ini dipohonkan, saya rasa dukacita sedikit kerana tidak ada projek perumahan kos rendah bagi Sungai Aceh dan Tasek di kawasan pilihanraya Nibong Tebal.

Tuan Pengerusi, sudah beberapa kali saya bangkitkan masalah perumahan di kawasan luar bandar saya dan saya masih ingat semasa membahaskan satu peruntukan pada sesi yang lalu, Kerajaan telah mengambil perhatian tentang cadangan saya bahawa projek perumahan diadakan di Sungai Aceh. Saya telah mewakili kawasan Sungai Aceh ini selama 15 tahun dan sehingga hari ini satu projek perumahan pun, jangan kata projek besar, kecil pun tidak dijalankan di pekan kecil Sungai Aceh atau di pekan Tasek. Saya mimalah Jabatan Perdana Menteri mengambil berat kehendak hati penduduk-penduduk Sungai Aceh dan Tasek. Itulah sedikit sebanyak ulasan saya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.23ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk

kepada Maksud P.7, Butiran 02000 di mana peruntukan sebanyak \$145 juta diperlukan untuk membayar balik pinjaman yang telah dilakukan oleh Perwaja dan Kedah Simen Sdn. Bhd. Terlebih dahulu saya ingin merasakan ketidak puasan saya bahawa untuk jumlah sebanyak \$145 juta ini, penjelasan yang diberikan hanya lima setengah ayat sahaja. Saya rasa pihak yang berkenaan boleh memberikan satu penjelasan yang lebih bagus dari apa yang diberikan kerana jumlah ini adalah satu jumlah yang besar dan dibayar oleh rakyat Malaysia.

Di sini saya hendak bertanya, daripada sumber-sumber yang diberikan dalam suratkhabar bahawa hutang terkumpul Perwaja adalah sebanyak \$1.34 billion dan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia memiliki sebanyak 81% Syarikat Perwaja. Ini bermakna bahawa hutang sebanyak ini akan ditanggung oleh Kerajaan Malaysia, lebih daripada \$1,000 juta dan di sini kalau Perwaja tidak boleh memberi keuntungan, saya rasa pada masa yang akan datang rakyat Malaysia perlu mengeluarkan lebih daripada \$1,000 juta untuk membayar balik pinjaman yang telah diberikan kepada Syarikat Perwaja.

Di sini saya hendak mendapat penjelasan daripada Kementerian Kewangan sama ada pihak yang berkenaan telah mengambil satu langkah yang baik untuk membeli balik semua saham daripada syarikat-syarikat Jepun dengan harga \$1, sungguhpun itu satu nominal value tetapi saya rasa itu meliputi semua liabiliti-liabiliti yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Malaysia. Mengikut penjelasan yang diberikan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi, bahawa kerugian yang dialami oleh Perwaja adalah lebih daripada \$500 juta. Saya tidak tahu bagaimakah Perwaja boleh mendapat keuntungan untuk menjelaskan kerugian yang

sebanyak ini. Saya harap Kementerian yang berkenaan dapat memberikan satu penjelasan kepada Dewan yang mulia ini apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa rakyat Malaysia tidak akan membayar balik semua hutang yang dipinjam oleh Syarikat Perwaja dan sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan satu jaminan sama ada semua pinjaman ini akan ditanggung oleh Kerajaan Malaysia.

Kedua, saya hendak merujuk kepada Butiran 02400, Maksud P.7 mengenai Sistem Maklumat dan Rujukan Ketua Eksekutif. Saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada peruntukan tambahan ini adalah untuk menambah perkakasan komputer yang sedia ada atau membeli komputer yang baru kerana di sini tidak berapa jelas sama ada peruntukan tambahan ini adalah untuk memberi satu sistem yang baru atau untuk mengubahsuai atau memperbaiki sistem yang sedia ada. Kalau itu satu tambahan untuk memperbaiki, saya rasa \$1 juta adalah satu peruntukan yang amat tinggi dan saya harap satu penjelasan dapat diberi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Bagan.

5.28ptg.

Tuan Teoh Teik Huat (Bagan): Tuan Pengerusi, saya juga mengambil bahagian dalam Jawatankuasa ini. Saya merujuk kepada Maksud P.7, Butiran 04000—Penyertaan Bumi-putera Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, peruntukan sebanyak \$14 juta adalah diminta untuk melaksanakan projek perumahan kos rendah di Balik Pulau, Pulau Pinang dan di Jalan Baru, Perai serta di Bagan Dalam, Butterworth

untuk menempatkan kaum bumiputera di kawasan-kawasan tertentu. Projek ini adalah di bawah kawalan Bahagian Penyertaan Bumi-putera Pulau Pinang dan Unit Pelaksanaan dan Penyelarasaran Jabatan Perdana Menteri yang bertujuan untuk menempatkan kaum bumiputera.

Tuan Pengerusi, hasrat untuk menyediakan perumahan kepada kaum bumiputera di Pulau Pinang adalah satu hasrat yang murni kerana untuk kemajuan kaum bumiputera di bidang komersial. Salah satu negeri yang mempunyai potensi yang baik adalah negeri Pulau Pinang di mana iaanya mempunyai kemudahan-kemudahan sedia ada bagi memajukan sesuatu kaum. Tetapi apa yang harus diambil perhatian ialah kita mesti membuat perancangan ini dengan lebih teliti dan cermat. Kita mestilah mempastikan bahawa rumah-rumah ini akan diberikan kepada mereka yang benar-benar memerlukan sahaja. Kita tidak mahu berlaku kes-kes seperti yang kita pernah dengar di mana orang-orang yang sudah mempunyai rumah atau tanah atau orang-orang yang sedia mampu dan tidak benar-benar memerlukan rumah diperuntukkan rumah kos rendah ini semata-mata kerana mereka ada mempunyai hubungan politik dan kemudiannya rumah-rumah ini disewakan pula kepada orang lain dengan kadar yang lebih tinggi.

Untuk memastikan bahawa hasrat ini tidak akan menemui kegagalan, satu perkara yang penting yang harus ditimbang oleh pihak Kerajaan ialah menurunkan kadar sewa rumah-rumah ini ke paras yang terendah sekali yang mampu. Ini adalah kerana kebanyakannya dari kaum bumiputera di negeri Pulau Pinang adalah yang berpendapatan lebih kurang \$300-\$400 sebulan dan adalah mustahil mereka ini akan mampu membayar sewa bulanan pada kadar sekarang seperti di projek-projek lain. Ini akan

menimbulkan kesan yang tidak terkawal nanti seperti tunggakan yang tidak terjelas dan akibatnya program ini akan gagal.

Tuan Pengerusi, juga satu perkara yang saya ingin bangkitkan ialah menempatkan satu kaum sahaja di satu projek adalah tidak baik dan tidak wajar untuk perpaduan dan integrasi kaum. Semua kaum harus dicampurkan dan didudukkan bersama dan di sini saya berharap Kerajaan boleh menimbaangkan semula untuk memberi peruntukan rumah kos rendah ini kepada semua kaum di Pulau Pinang.

Juga saya ingin menarik perhatian kepada satu perkara yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Dewan Rakyat ini, di Pulau Pinang termasuk rakan saya dari Bayan Baru dan kawasan Nibung Tebal, di mana saya juga ingin menyeru pihak Kerajaan supaya memperuntukkan lebih banyak wang kepada Kerajaan Negeri bagi maksud membina banyak rumah-rumah kos rendah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa sekarang ini permohonan untuk mendapatkan unit-unit kos rendah di Pejabat Perumahan Negeri Pulau Pinang telah melebihi 60,000 permohonan dan kebanyakannya daripada mereka ini telah pun memohon sejak dari tahun 1977 iaitu lebih 12 tahun yang lalu dan jumlah unit-unit rumah kos rendah yang mampu dibina oleh pihak Kerajaan Pulau Pinang dari tahun 1970 ke tahun 1988 hanyalah sebanyak 12,737 unit sahaja dan ini jauh sekali berbeza dengan permintaan. Alasan yang diberi oleh Ketua Menteri Pulau Pinang ke atas kegagalan ini ialah pihak Kerajaan Negeri tidak mempunyai cukup peruntukan untuk maksud ini dan saya dengan ini menyeru pada Kerajaan menambah lebih banyak lagi peruntukan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk membina rumah kos rendah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kampar.

Tuan Ngori Thiam Woh (Kampar): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh P.7, Butiran 02000 iaitu Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia Berhad.

Tadi, saya dengar jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa teknologi Jepun yang digunakan oleh HICOM itu tidak sesuai lagi sekarang. Saya rasa amat tersinggung. HICOM ini bukan satu syarikat yang telah lama ditubuhkan. Sejarah HICOM ini masih muda, masih singkat tetapi sampai peringkat sekarang telah pun dikenalpasti teknologi Jepun itu tidak lagi sesuai. Saya rasa pada peringkat awal, dalam peringkat perancangan bukankah Kerajaan mengadakan feasibility study, dengan izin, meninjau, meneliti dan menyiasat segala pelaburan ini adakah pelaburan yang baik, teknologi dari Jepun itu adakah teknologi yang sesuai sebab Kerajaan pada peringkat awal telah pun membelanjakan perbelanjaan yang banyak, mengadakan experts, dengan izin, meneliti rancangan ini, meneliti proposal ini dan sampai sekarang apabila HICOM telah mengalami kerugian yang begitu banyak, yang menurut satu laporan iaitu \$1.34 billion, barulah Kerajaan mengakui teknologi Jepun ini tidak lagi sesuai dan timbul sekarang masalah yang baru iaitu kita hendak menanya mengapa kepentingan Jepun itu ditarik balik oleh Jepun?

Apakah punca masalah ini? Itu kita mesti meneliti. Tentulah pihak Jepun ini merasa kecewa dan tentulah mereka dapat bahawa pelaburan ini tidak akan mendatangkan keuntungan kepada mereka ataupun mereka telah pun dapat keuntungan dan tidak lagi mahu menghadapi kerugian pada masa akan datang kelak.

Jadi, pihak Kementerian Kewangan dikehendaki memberi satu kenyataan yang jelas kepada rakyat Malaysia sebab tanggung-rugi ini adalah tanggungan rakyat Malaysia. Pada akhirnya, rakyat Malaysia akan membayar dan bilakah boleh kita membayar balik menghabiskan kerugian ini sebab pinjaman-pinjaman yang didapat itu adalah pinjaman yang merupakan matawang negara asing dan cuba kita memerhati pada nilai matawang ringgit sekarang ini berbanding dengan nilai matawang yen ataupun dollar Amerika Syarikat, nilai ringgit kita menurun. Jadi, tambah lagi faedah yang kita hendak bayar dalam tempoh 15 tahun ini, berapakah kerugian yang akan rakyat Malaysia ini dibebani?

Jadi, Kementerian Kewangan ataupun Kerajaan mesti meneliti adakah projek ini masih viable? Projek ini adakah dia akan mendatangkan keuntungan pada suatu masa kelak dan dalam satu tempoh yang singkat. Menurut satu laporan, pihak PERWAJA tidak lagi dapat apa-apa langkah untuk mengatasi masalah-masalah yang mereka ini sedang hadapi dan dari pengalaman PERWAJA ini, Kerajaan memanglah meninjau atas segala pelaburan yang melibatkan Kerajaan, meneliti adakah pelaburan ini akan mendatangkan keuntungan kepada negara sebab sampai hari ini kita nampak banyak pelaburan yang diambil oleh Kerajaan menghadapi kerugian tetapi sentiasa Kerajaan memberi jaminan akan menguntungkan pada suatu hari kelak tetapi sampai sekarang berapakah syarikat Kerajaan yang memegang kepentingan dalam syarikat ini dapat keuntungan kepada rakyat Malaysia?

Yang kedua yang saya ingin menyentuh iaitu Butiran 01800—Unit Tenaga Nuklear.

Posut Nuklear PUSPATI ini sampai hari ini kita belum dapat tahu dengan jelas apakah aktiviti-aktiviti yang

dijalankan oleh PUSPATI dan apakah hasil-hasil yang didapati selepas mengadakan Pusat Nuklear ini. Kalau Pusat ini hanya digunakan sebagai satu badan untuk mengawal laser nuklear, saya ingat perbelanjaan yang diminta itu adalah lebih dan sampai hari ini satu bayangan yang kita dapat ialah PUSPATI ini adalah satu projek "Gajah Putih", tidak mengadakan apa-apa hasil yang boleh mendatangkan keuntungan kepada rakyat sehingga peringkat kini.

Kalau peruntukan ini diberi kepada PUSPATI dan Pusat ini melanjutkan aktiviti-aktiviti pada masa hadapan kelak, saya ingin mengesyorkan bahawa lebih baiklah pusat PUSPATI ini menjalankan penyelidikan dalam Nuclear Medicine seperti "radio-isotope" untuk perubatan isotope seperti iodine supaya nuclear medicine itu boleh digunakan oleh rakyat Malaysia. Saya tidak tahu setakat hari ini adakah PUSPATI mengeluarkan sebarang bahan-bahan untuk Nuclear Medicine.

Itulah sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.42ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengurus, saya tidak bercadang untuk mengulangi apa yang telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi mengenai Butiran 02000 tetapi saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk membangkitkan tiga perkara,

Yang pertama saya ingin menarik perhatian Tuan Pengurus kepada Kertas Perintah 21A Tahun 1989 dan saya ingin merujuk kepada Butiran (Projek) 03600 mengenai Pengawalan Penempatan Setinggan.

Saya bercakap ini sebagai salah seorang Wakil Rakyat dalam Wilayah Persekutuan di mana masalah ini

sentiasa timbul dan merupakan sebagai satu masalah sosial. Di sini saya memperhatikan bahawa tambahan sebanyak \$1 juta adalah untuk pembinaan rumah-rumah panjang bagi menempatkan setinggan yang menduduki tanah Kerajaan supaya projek dapat dilaksanakan di atas tanah berkenaan.

Bercakap saya mengenai masalah setinggan ini, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa Kerajaan bukan sahaja hendak mengambil perhatian berkenaan dengan menempatkan semula setinggan-setinggan yang menduduki tanah Kerajaan yang terlibat dalam projek Kerajaan, tetapi saya berpendapat bahawa Kerajaan juga hendaklah mengambil perhatian mengenai masalah kebakaran yang melibatkan kawasan setinggan yang sentiasa berlaku di dalam Wilayah Persekutuan ini.

Saya memperhatikan bahawa setiap kali apabila berlaku sesuatu kebakaran, masalah penduduk-penduduk setinggan ialah di manakah mereka dapat ditempatkan semula dengan cara yang baik, dengan cara yang memuaskan. Biasanya setinggan-setinggan yang terlibat dalam kebakaran adalah ditempatkan buat sementara di sekolah-sekolah ataupun di balairaya ataupun di Dewan Serbaguna, Dewan Bandaraya, akan tetapi saya nampak ini bukanlah satu penyelesaian yang memuaskan oleh kerana saya sentiasa menerima aduan bahawa setinggan-setinggan yang terlibat dalam kebakaran ini terpaksa menduduki Dewan Serbaguna bagi tempoh masa yang agak lama dan mereka tidak ada kemudahan-kemudahan untuk digunakan.

Saya ingin mengesyorkan di sini bahawa apa yang harus dibuat oleh Kerajaan dan Kerajaan juga bertanggungjawab untuk menghadapi

masalah ini, iaitu ia haruslah menimbang untuk meluluskan satu peruntukan yang besar di mana boleh menubuhkan satu pusat transit yang dapat digunakan. Di dalam pusat transit ini, rumah-rumah panjang dapat dibina dan dilengkapi dengan berbagai kemudahan dan setiap kali berlaku satu kebakaran maka semua mangsa-mangsa yang berkenaan dapat dipindahkan ke rumah-rumah panjang itu agar mereka boleh mendapat perlindungan sehingga satu penyelesaian yang tepat boleh dilaksanakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Perkara kedua yang saya ingin merujuk di sini ialah Butiran (Projek) 03800 mengenai Program Nadi.

Saya difahamkan bahawa Program Nadi ini dilaksanakan, di antara tujuannya ialah untuk menolong membasmikan kemiskinan. Di sini saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, sejauh mana Program Nadi yang dilaksanakan sehingga hari ini dapat mengatasi ataupun dapat meredakan masalah kemiskinan khususnya di kawasan-kawasan yang terpencil di mana masalah kemiskinan merupakan satu masalah yang besar.

Saya juga ingin mendapat tahu sama ada Program Nadi ini dapat diperluaskan bukan sahaja untuk kampung-kampung tradisi tetapi juga kepada kawasan-kawasan dalam kampung-kampung baru yang berkenaan oleh sebab ada beberapa kampung baru yang wujud dalam Wilayah Persekutuan ini.

Yang ketiga saya ingin menimbulkan ialah mengenai Butiran 04900—Program Perparitan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Negara Komanwel.

Di sini saya memperhatikan bahawa dalam Kertas Perintah 2IA Tahun 1989 ada menyebut bahawa tambahan

sebanyak \$19.2 juta adalah dikehendaki di bawah Program Membalikpulih Sistem Perparitan di Bandaraya Kuala Lumpur bagi mengatasi banjir di kawasan Kuala Lumpur dan rancangan ini perlu disiapkan sebelum Mesyuarat CHOGM pada bulan Oktober 1989,

Saya juga ingin mengambil perhatian ini untuk merujuk kepada Butiran 05000—Pembersihan Sungai di Wilayah Persekutuan di mana peruntukan sebanyak \$5,000,000 adalah dikehendaki untuk kerja-kerja membersihkan sungai-sungai di Kuala Lumpur yang perlu siap juga sebelum menjelang persidangan CHOGM pada bulan Oktober 1989.

Tuan Pengerusi, saya memang bersetuju dengan peruntukan ini untuk tambahan sebanyak \$19.2 juta dan di samping itu peruntukan sebanyak \$5 juta dan saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada Yang Berhormat boleh memberi satu jaminan di sini bahawa masalah banjir, khususnya masalah banjir kilat yang sentiasa berlaku di Kuala Lumpur ini dapat diatasi dan sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh memberikan satu jaminan maka saya berpendapat bahawa satu peruntukan yang lebih besar diperlukan untuk membantu pihak berkuasa iaitu pihak Dewan Bandaraya untuk mengubah ataupun memperbaiki sistem perparitan di dalam bandaraya ini memandangkan bahawa sistem perparitan ini telah ketinggalan zaman dan haruslah diperbaiki. Saya berharap bahawa peruntukan ini bukanlah dikehendaki oleh kerana sidang CHOGM di Kuala Lumpur, oleh kerana gambaran yang diperolehi oleh penduduk-penduduk di Kuala Lumpur ialah sekiranya tidak ada mesyuarat CHOGM maka peruntukan-peruntukan tidak akan diluluskan ataupun kedua-dua projek tersebut tidak akan dilaksanakan dengan segera.

Adakah ini benar bahawa sekiranya tidak ada CHOGM maka Kerajaan tidak akan memberi peruntukan untuk mengatasi banjir termasuk banjir kilat di Kuala Lumpur dan sekiranya ini adalah benar maka saya berasa amat kesal memandangkan bahawa masalah banjir kilat itu telah menjadi satu masalah di mana semua penduduk-penduduk di Kuala Lumpur sudah menjadi bosan, oleh kerana setiap kali hujan turun masalah banjir kilat berlaku di Kuala Lumpur. Maka saya ingin mendapat satu jaminan dari Kerajaan bahawa sekiranya peruntukan-peruntukan yang diminta dan dibawa ke Parlimen untuk mendapat kelulusan ia tidak dapat mengatasi masalah banjir ini dengan selama-lamanya, maka Kerajaan haruslah memberi pertimbangan yang wajar dengan tujuan untuk meluluskan satu peruntukan yang lebih besar yang melibatkan beratus-ratus juta ringgit, oleh kerana saya berpendapat bahawa masa telah tiba bagi kita untuk mengadakan satu penyelesaian, dalam bahasa Inggeris, once arid for all dengan selama-lamanya. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tampin.

5.55 ptg.

Tuan Mohamed Noh bin Rajab (Tampin): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 00100—Kajian Kemungkinan yang berjumlah sebanyak \$6,860,000.

Dalam laporan diakhirnya, ini adalah untuk membayar juru perunding bagi membuat kajian untuk melaksanakan projek-projek tertentu. Sudah tentunya projek-projek ini nanti akan merupakan satu projek yang terbesar kerana kajian awalnya sahaja sudah memerlukan perbelanjaan sebanyak \$6 juta.

Apa yang ingin saya sentuh ialah dalam kita mendapatkan khidmat

juruperunding ini eloklah ditumpukan kepada pakar-pakar perunding yang berasal dari tempatan, bukan kita mengambil peluang ataupun sewenang-wenangnya mengambil juruperunding daripada negara asing. Kita dapatti bahawa terdapat juruperunding-juruperunding yang datang daripada tanahair kita sendiri tidak diambil sedangkan juruperunding yang datang daripada Juar negeri mendapat kerja-kerja perunding. Saya rasa tidak kurang kebolehan juruperunding-juruperunding daripada tempatan kalau hendak dibandingkan daripada semua aspek dengan juruperunding-juruperunding yang datang daripada luar dan satu perkara lagi ialah tentang pembayaran khidmat (rate) ini, didapati bahawa kadang-kadang kadarnya adalah tinggi, sedangkan dalam suasana perniagaan hari ini untuk mendapatkan keuntungan yang mncapai ke tahap 10% pun adalah paling susah, sedangkan dilihat bahawa juruperunding tanpa melalui kesusahan, tanpa melalui sebarang pertandingan, cuma melalui persetujuan sahaja, mendapat sesuatu kerja yang besar dan dihitung pula pembayarannya mengikut rate yang tertentu kadang-kadang melebihi 10% dan kalau di lihat lebih dekat orang yang betul-betul melaksanakan kerja dibayar dengan keuntungan yang kurang sedangkan juruperunding yang mengawasi sahaja mendapat lebih pembayaran.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh tentang Butiran 02700—Mengubahsuai/Membalik Semula Masjid Negara yang menelan belanja sebanyak \$11,379,000.

Saya menyokong perbelanjaan ini dan bagi saya perbelanjaan ini agak terlewat, kerana sekian lama sesudah Masjid Negara di bina, sudah tentulah keperluan semasa Masjid Negara di bina dahulu adalah kurang daripada keperluan sekarang ini dan saya

mengalu-atukan Jabatan Perdana Menteri dalam usahanya walaupun terlambat untuk mengubahsuai dan memberi tempat beribadat yang selesa kepada orang-orang yang ingin beribadat. Saya rasa rumah ibadat perlu dibuat lebih banyak, kerana di sinilah letaknya satu tempat yang boleh memberi ketenteraman kepada mereka yang beribadat di dalam rumah ini.

Saya tertarik juga kepada keadaan masjid-masjid tempat-tempat lain, bukan sahaja di Masjid Negara yang perlu menjalani pengubahaian, tetapi beratus-ratus, berpuluhan-puluhan masjid lagi yang perlu diubahsuai. Saya berharap agar Kementerian ataupun Menteri di Jabatan Perdana Menteri memperuntukkan perbelanjaan yang lebih besar di masa-masa yang akan datang supaya kebanjiran masjid di kampung-kampung dapat diubahsuai kerana didapati banyak yang tidak sesuai lagi, yang sempit, yang kecil dan apabila hari-hari keperluan, penuh sesak dengan orang berjemaah. Dan sudah tentunya lahir kalau ditanya kepada orang-orang di pendalamam, mereka memang sentiasa mengharapkan Kerajaan mengambil tindakan yang secepat-cepatnya bagi menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

Tuan Pengurus, saya ingin menyentuh tentang Butiran 04000 Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang yang berjumlah \$14 juta. Diterangkan bahawa perbelanjaan ini adalah untuk membina rumah kos rendah dan saya memang menyokong perbelanjaan begini yang merupakan perbelanjaan tambahan, sudah tentunya lahir perbelanjaan yang asal dahulu pun memakan jumlah yang besar juga.

Apa yang saya ingin sentuh ialah tidak dijelaskan bagaimakah rumah kos rendah ini dilaksanakan, cara manakah. Terdapat rumah kos rendah yang dibina secara tradisional yang mana semua kontraklor-kontraktor

yang kecil dapat mengambil bahagian membina rumah kos rendah ini. Tetapi ada juga jalan yang lain yang saya lihat dilaksanakan oleh Kerajaan. Tempatan yang mana rumah kos rendah dibina secara moden yang hanya kontraktor-kontraktor yang besar sahaja yang dapat memasuki membinanya. Kalau la rumah kos rendah di Pulau Pinang ini dilaksanakan secara yang kedua tadi yang mana dia dibuat dengan satu sistem yang moden dan yang membinanya hanya kontraktor-kontraktor besar dan mungkin daripada kontraktor-kontraktor luar negeri, ini akan merugikan kontraktor-kontraktor di Pulau Pinang yang kecil yang masa ini saya percaya mengalami kesusahan untuk mendapatkan kerja-kerja.

Saya menyeru agar Kerajaan Pulau Pinang membahagi-bahagikan kerja yang sedemikian kepada seberapa ramai kontraktor yang boleh supaya dengan adanya kerja yang sedemikian bukan sahaja penghuni-penghuni dapat diletakkan di situ, maiah kontraktor-kontraktor yang sedemikian lama tertandas mengalami keadaan yang gelap dalam dunia perniagaan dapat menyambung perjuangan mereka, dapat menyambung perniagaan mereka dan dapat juga menyambung hubungan mereka dengan bank-bank yang saya percaya sedang sentiasa mengekor mereka.

Akhir sekali, Tuan Pengurus, saya ingin menyentuh tentang Butiran 05000—Pembersihan Sungai di Kuala Lumpur yang memakan belanja sebanyak \$5 juta. Saya mengalu-alukan perbelanjaan ini kerana kita tahu bahawa sungai di Kuala Lumpur adalah sebahagian dahpada keindahan kepada Bandaraya Kuala Lumpur. Kalau sungai Kuala Lumpur kotor dan bangunan-bangunan walau bagaimana cantik pun tetapi Kuala Lumpur keseluruhannya dipandang kotor juga.

Saya dapati bahawa sesudah hujan kilatkah, hujan macam manakah, kita

dapat lihat sampah-sarap turun daripada atas membawa ke bawah dan yang membuatkan sungai Kuala Lumpur ini kotor ialah datangnya sampah-sarap yang berupa kayu, daun, plastik lebihan makanan yang saya percaya adalah datangnya daripada orang ramai juga dan barang-barang inilah yang membuatkan sungai Kuala Lumpur kotor. Saya tidak percaya dengan bersihnya sungai Kuala Lumpur ini dia akan tetap bersih. Kita akan membelanjakan wang sebanyak \$5 juta dan saya tidak percaya sungai Kuala Lumpur akan bersih. Kalau penghuni-penghuni di sekeliling sungai itu, terutama sekali di bahagian darat di atas sungai tidak dapat menukar tabiat mereka, tabiat yang mana walaupun Bandaraya mengadakan tong sampah, walaupun Bandaraya mengatakan jangan buang sampah di mana-mana, tetapi dengan ada terbuktinya sampah-sampah di sungai Kuala Lumpur ini kita tahu bahawa penduduk-penduduk Kuala Lumpur membuang sampah sewenang-wenangnya sahaja.

Patut juga pihak Bandaraya dan Jabatan Perdana Menteri untuk mengadakan undang-undang yang tertentu dan menguatkuasakan undang-undang ini. Mungkin ada undang-undang tertentu tetapi penguatkuasaannya adalah kurang. Jadi, untuk memastikan bahawa sungai Kuala Lumpur ini sudah dibersihkan sekali, dia sentiasa bersih walaupun ada sampah-sampah yang sedikit-sedikit itu ala kadarlah kerana perjalanan alam sudah tentu ada sampah daripada atas turun ke bawah, tetapi yang kita tidak mahu adalah sampah-sampah kotor, lebihan perut-perut ayam, perut-perut binatang-binatang yang lain tersangkut di sana, tersangkut di sini, membuatkan pemandangan di Kuala Lumpur sungguh hodoh.

Saya percaya orang ramai, pelancong-pelancong yang datang ke Kuala Lumpur inilah satu benda yang

mendapat pandangan mereka yang begitu cepat, yang lain walaupun mereka tertarik tetapi lambat dapat menangkap perhatian mereka. Tetapi kalau sungai Kuala Lumpur kotor, dalam bas, dalam teksi, dalam perjalanan ke hotel mereka sudah tahu dan dengan penglihatan itu mereka terus boleh mengambil keputusan bahawa Kuala Lumpur ini kotor. Saya benar-benar mengharapkan agar Jabatan Perdana Menteri dan Bandaraya mengambil sesuatu langkah yang positif untuk mengatasi masalah ini.

Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong.

6.07 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya mempunyai banyak soalan mengenai Perbekalan Tambahan ini yang memerlukan lebih daripada \$1.6 billion, dengan sedemikian pihak Kementerian patutlah memberi jawapan yang tepat, setakat ini jawapannya kurang tepat kerana perbelanjaan yang begitu besar.

Maksud B.7, Kod 040000—Ke-selamatan Negara \$17,800,000. Di bawah Kod ini tambahan \$17.8 juta ini diperuntukkan kepada Pasukan Petugas Pendatang Haram Vietnam, Majlis Keselamatan Negara bagi operasi mengosongkan Pulau Bidong dan mencegah/mengusir PHV dari negara Malaysia. Butiran ini telah pun menerima satu tambahan pada sesi Dewan Rakyat bulan Mac lalu di mana sebanyak \$2.155 juta diperuntukkan di bawah perbelanjaan aset. Sekarang tambahan perutukan adalah lebih besar lagi iaitu hampir 9 kali ganda lebih besar daripada peruntukan dalam bulan Mac, 1989. Maka dalam tempoh masa 3 bulan yang singkat ini satu lagi tambahan baru yang besar

dibuat. Berapa banyak lagikah yang akan diperlukan? Jika wang peruntukan \$2.15 juta sebahagian besarnya digunakan untuk memperbesarkan kemudahan di Kem Sungai Besi, apakah pula kegunaan wang \$17.8 juta ini.

Sejenama yang diumumkan oleh Kerajaan Filipina baru-baru ini, negara tersebut bersedia menjadi pusat "transit" persinggahan bagi pendatang-pendatang haram Vietnam, maka bukankah langkah sedemikian akan meringankan lagi beban tanggung Kerajaan Malaysia. Sejak tahun 1975 negara kita sudah pun membelanja \$18 juta dalam bentuk sokongan pentadbiran, sekarang dengan tambahan-tambahan dalam peruntukan apakah jumlah wang kesemuanya yang sudah dibelanjakan oleh Kerajaan Malaysia. Adakah wang \$17.8 juga akan dibayar balik oleh pihak UNHCR atau ditanggung langsung oleh Malaysia sendiri.

Tuan Pengurus, Kod 00100—Kajian Kemungkinan. Tambahan peruntukan ialah sebanyak \$8,860,000. Kebanyakan daripada kajian kemungkinan yang dilakukan adalah berkaitan dengan pembekalan elektrik iaitu kajian ke atas pembinaan Empangan Hidro Elektrik khasnya di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Difahamkan bahawa Kerajaan bercadang untuk mengimport bekalan tenaga hidro secara besar-besaran daripada Sarawak dan lain-lain tapak di sekitar Semenanjung pada masa akan datang. Kajian di setengah-setengah tapak di Sarawak melaporkan potensi menjana kuasa elektrik hidro amat besar sekali iaitu lebih daripada 25,000 mw.

Tuan Pengurus, memandangkan peri mustahaknya komoditi ini kepada pembangunan selanjutnya sektor perindustrian negara maka kami berharap pihak Kerajaan dapat memberi lebih banyak butir mengenai kajian-kajian yang dibuat, terutama

sekali kesan-kesan sampingan ke atas alam sekitar serta kehidupan liar dan kependudukan sekeliling tapak-tapak yang terpilih sebagai tapak baru stesyen penjana kuasa elektrik hidro. Kita juga ingin tahu pihak manakah yang sedang menjalankan perundingan dan kajian serta potensi sesuatu tapak untuk menjana kuasa elektrik hidro, begitu juga dengan alternatif yang tersedia ada bagi pihak Kerajaan untuk menyalur kuasa elektrik lebih lanjut ke Semenanjung.

Tuan Pengurus, Kod 00600—Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS). Kod ini pula menerima tambahan sebanyak \$6.8juta. Wang ini diperlukan bagi projek Pelangi Beach Resort yang perlu disiapkan segera sebagai tempat penginapan perwakilan CHOGM, dengan musim CHOGM ini banyaklah dibelanjakan menjelang bulan Oktober 1989. Tambahan ini juga hasil daripada penilaian semula Rancangan Malaysia Kelima. Bolehkah Kerajaan menjelaskan kandungan projek Pelangi Beach Resort yang masih perlu disiap sediakan lagi, bukankah pengiklanan tempat penginapan ini yang tersiar dalam televisyen memberi gambaran keadaan yang serba serbi lengkap dan indah dengan berbagai-bagai kemudahan awam moden dan menarik perhatian pelancong. Jadi, iklan itu sungguh indah. Dan kalau keindahan setakat itu dibuat melalui televisyen, mengapa dia perlu lagi peruntukan untuk memperindahkannya lagi. Adakah kandungan projek ini semata-mata projek berlebihan dan dengan izin, second thoughts khas untuk CHOGM. Jadi, musim CHOGM ini berlakuhal pelbagai keanihan.

Kod 02000—Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia Bhd. (HICOM) \$145 juta. Saya hendak tambahkan kepada hujah-hujah yang dibuat oleh rakan-rakan saya dari Kota Melaka dan juga dari Bukit, Bintang. Bila disorot kembali tambahan perbelanjaan pembangunan kali ketiga

tahun 1988, Syarikat HICOM telah menerima sebanyak \$93,336 juta sebagai pinjaman dan \$12 juta secara langsung daripada Kerajaan Pusat. Pada kali ini \$145 juta diperuntukkan sebagai pinjaman kepada PERWAJA Terengganu Sdn. Bhd. dan Kedah Cement. Peruntukan sebelum ini ialah bagi PERWAJA Terengganu dan Proton. Maka kesemuanya pihak HICOM telah menerima sejumlah \$430.5 juta dalam tahun 1989. Dan peruntukan yang diminta ini belum lagi dijelaskan oleh Kementerian yang berkenaan dengan teliti, dengan wajar dan dengan tepat. Yang menghairankan sekali ialah akaun awam 1987 tidak mencatat apa-apa rekod jumlah pinjaman yang dibuat kepada HICOM kecuali jumlah jaminan yang dibuat daripada luar negeri iaitu \$336,149,454, maka adakah ini bermakna kesemua pinjaman yang dibuat tidak boleh dituntut balik.

Tuan Pengerusi, dalam hal sedemikian adakah ini bermakna pinjaman ini ditukarkan menjadi milikan ekuiti. Setahu kita memorandum pelaburan seperti pada 31hb Disember, 1987 menunjukkan bahawa pegangan saham Kerajaan sebanyak 338,898,001 syer biasa \$1 dengan nilai buku sebanyak \$340,336,001 termasuk \$1,468,000 yang telah dibayar tetapi sijil syer masih belum diterima. Perihal PERWAJA Terengganu pula jaminan luar negeri sebanyak 1,398,735,912 tersediakala wujud menjelang 31hb Disember, 1987. Pada tahun 1986 jumlah ini hanyalah 1,229, 157,190 sahaja. Maka dengan bayaran balik pinjaman ini apakah nilai terbaru bagi jaminan luar yang masih dihutangkan oleh PERWAJA. Kepada siapakah dan berapa banyakkah baki pinjaman yang masih dihutangkan kepada setiap pembekal jaminan kredit.

Tuan Pengerusi, dari segi ini Kerajaan tidak memberi butir yang lengkap kerana ini sangat mengabukan

mata rakyat. Selain daripada ini PERWAJA diramal akan mula mengecap keuntungan tidak lama lagi. Maka ini adakah bermakna hanya ianya menanggung pembayaran balik pinjaman sendiri tanpa pinjaman daripada Kerajaan Pusat. Adakah apa yang dimaksudkan keuntungan itu juga mengambil kira pembayaran balik pinjaman atau jaminan kredit yang masih dihutangkan, jika tidak maka bagaimanakah butir ini direkodkan dalam buku kira-kira PERWAJA.

Bagi Kedah Cement pula jumlah jaminan kredit luar negeri seperti pada 31hb Disember, 1987 ialah \$395,981,137 dan jumlah pada tahun 1986 ialah \$345,820,728. Berapa besarkah bahagian daripada tambahan peruntukan \$145 juta diguna untuk membiayai pembayaran balik pinjaman Kedah Cement. Adakah perbezaan di antara jumlah jaminan kredit pada tahun 1986 dengan tahun 1987 itu berupa faedah atau pinjaman baru, dengan bayaran balik yang dibuat maka apakah kedudukan kewangan jaminan kredit bagi Kedah Cement, bilakah agaknya Kedah Cement dapat meraih keuntungan seperti yang dilaporkan oleh PERWAJA baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, Kod 02400—Sistem Maklumat dan Rujukan Ketua Eksekutif. Tambahan \$1 juta ini dikatakan bagi membeli peralatan dan perkakasan komputer bagi melengkapkan kemudahan yang ada. Wang berjuta-juta ringgit itu disiasaikan sahaja sekiranya penggunaan sistem maklumat tersebut tidak diguna dengan sebaik-baiknya, terutama sekali bagi membekalkan maklumat penting kepada rakyat, kepada Majlis Perundingan Ekonomi Negara.

Apakah gunanya melengkapkan pentadbiran Kerajaan dengan berjuta-juta ringgit nilainya sistem maklumat, jika maklumat tersebut hanya untuk kegunaan segelintir yang amat kecil sekali orang dalam Kerajaan. Rakyat

yang membayar cukai memberi hasil kepada Kerajaan untuk membeli peralatan dan perkakasan maklumat yang sofistikated maka mereka berhak memperolehi maklumat-maklumat tersebut menerusi perwakilan mereka sama ada di dalam MPEN ataupun Dewan yang mulia ini iaitu sebuah badan yang ditubuh untuk memberi syor-syor bagi rumusan Dasar Ekonomi Negara selepas tahun 1990. Malahan setengah-setengah daripada ahli dalam MPEN adalah dilantik oleh Kerajaan sendiri dan itu pun Kerajaan enggan menyediakan maklumat yang diminta oleh mereka. Adakah ini apa yang dimaksudkan dengan kesungguhpun Kerajaan menubuhkan MPEN bagi memperolehi persetujuan serta pandangan orang ramai dan para cendiakawan sebelum merumuskan dasar ekonomi selepas tahun 1990.

Tuan Pengurus, Kod 02700—Mengubahsuai/Membaiki Semula Masjid Negara. Peruntukan tambahan sebanyak \$11.38 juta ini merupakan baki sumbangan kepada projek pengubahsuai/membaiki semula Masjid Negara setelah ditender semula.

Saya hendak menekankan di sini perlulah kita mengadakan rumah ibadat ini dengan sempurna. Walau bagaimanapun, apakah harga projek sebelum ditender semula, sekadar berapa jumlahkah nilai projek ini akan bertambah selepas Kementerian Kerjaraya menyesuaikan harga tender dengan kenaikan dalam harga keluli sebanyak 21%? Pihak Kementerian Kerjaraya mengatakan awal bulan April lalu bahawa kira-kira 310 buah projek perlu ditender semula di antara tahun 1983 hingga 1988. Apakah jumlah tambahan dalam nilai akibat daripada projek ditender semula? Bagi kes mengubahsuai semula Masjid Negara, apakah tempoh masa tambahan yang diperlukan untuk menyiapkan projek ini selepas ditender semula? Siapakah yang

menanggung tambahan dalam kos atau kehilangan dalam masa bagi projek ini?

Tuan Pengurus, Kod 03600—Pengawalan/Penempatan Setinggan di Wilayah Persekutuan. Tambahan ini adalah bagi bangunan rumah-rumah panjang untuk menempatkan setinggan.

Daripada wang \$1 juta ini, berapa banyak rumah panjang yang dapat dibina, berapa ramaikah keluarga yang dapat ditempatkan semula, di manakah letaknya tapak-tapak rumah panjang ini? Ini penting. Berapa lamakah projek-projek bangunan dapat disiapkan. Dalam masa itu adakah pihak Kerajaan akan mengesyorkan yang tapak-tapak rumah panjang tersebut akan disediakan kemudahan awam, asas seperti infrastruktur yang sempurna; perkhidmatan pos dari rumah ke rumah serta perkhidmatan telefon awam.

Soalan-soalan ini saya terbitkan di sini kerana penghuni rumah panjang seperti di Sri Segambut, Jinjang, Kepong masih belum menerima perkhidmatan pos dari rumah ke rumah, mahupun perkhidmatan telefon awam. Saya berharap pihak Kerajaan sedar bahawa sungguhpun rumah panjang ini berupa struktur sementara ada kes-kes ini di mana penghuninya tetap perlu tinggal di kawasan-kawasan tersebut bagi selama-lamanya. Dalam masa itu mereka perlulah perkhidmatan telefon awam kalau-kalau berlakunya sebarang kebakaran atau kecemasan. Perkhidmatan pos yang tersedia ada di Sri Segambut kurang cekap kerana surat penghuni sering hilang atau terlewat apabila pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak dijumpai di pejabat sementara DBKL yang juga berfungsi sebagai pusat penerimaan surat.

Tuan Pengerusi, Kod 04000—Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (Baru). Projek ini berupa butiran yang baru.

Adakah Kerajaan Pusat bercadang untuk mengadakan projek yang serupa di lain-lain negeri? Selain daripada bertujuan menempatkan kaum bumiputera di kawasan-kawasan tertentu, apakah lain-lain fungsi yang dijalan oleh butiran baru ini? Apakah sektor-sektor ekonomi mahupun sosial yang akan melihat penyertaan bumiputera di Pulau Pinang di bawah butiran ini? Daripada wang berjumlah \$14 juta ini, berapa unit rumah kos rendah yang dapat dibina? Apakah faktor-faktor yang menentukan tapak manakah yang terpilih untuk pelaksanaan projek? Adakah tapak-tapak lain sudah dikenalpasti di Pulau Pinang bagi projek yang sama? Mengapakah projek ini terletak di bawah kawalan Bahagian Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang dan Unit Pelaksanaan dan Penyelarasaran, Jabatan Perdana Menteri? Akan tetapi tidak terus di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan seperti lain-lain projek perumahan kos rendah.

Tuan Pengerusi, Kod 04600—Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan. Peruntukan ini akan membayai 3 projek jalan iaitu jalan sambung Sri Hartamas, Persimpangan Bertingkat, Sungai Besi (Kuala Lumpur-Seremban) dan Jalan Sambung Segambut Dalam-Sungai Pencala. Cara herasingan, apakah nilai jumlah besar projek-projek ini? Bagaimanakah wang \$5.4 juta akan diperbahagikan di antara ketiga projek ini? Siapakah pemaju setiap satu projek? Bilakah projek-projek ini akan siap dibina?

Tuan Pengerusi, Kod 05600—Perparitan dan Saluran Najis. Hanya tambahan sebanyak \$500,000 dikatakan perlu bagi pembayaran juruperunding dan membayai sebahagian daripada kos projek

perparitan dan saluran najis yang bernilai \$3.5 juta. Baki wang hanya diperlukan dalam tahun 1990.

Perkara yang ingin saya kemukakan di sini ialah sungguhpun Kerajaan mungkin menyediakan projek perparitan dan saluran najis bernilai \$3.5 juta di sekitar kawasan perumahan Wilayah Persekutuan khasnya di Taman Petaling, Kepong dan di Taman Batu, masalah pembentungan sering muncul akibat kerumitan proses mengambilah urusan sistem pembentungan di antara pemaju dengan pihak DBKL. Akibatnya para penghuni yang menderita apabila sistem pembentungan rosak dan pam tidak berjalan dengan sempurna kerana kedua-dua belah pihak berkuasa dan pemaju enggan bertanggungjawab bagi membaiki semula bahagian yang rosak atau mengendalikan sistem tersebut. Tanggungjawab ini berdolak-dalih di antara kedua-dua pihak ini tanpa apa-apa penyelesaian.

Tuan Pengerusi, ini sememangnya tidak adil.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat boleh sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob); Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

PLAZA TOL DI PERSIMPANGAN JALAN CHERAS

6.30 ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi):
 Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini mengenai projek penswastaan persimpangan bertingkat yang dibina dalam Bandaraya Kuala Lumpur yang menelan belanja anggaran \$267 juta.

Daripada jumlah itu, kerja-kerja untuk empat persimpangan bertingkat dijangka akan disiapkan dalam tempoh 18 bulan telah dimulakan sejak 3 bulan lalu dan ia terletak di Km 5.5 bulatan Jalan Cheras, Km 8 Jalan Cheras, bulatan Jalan Kampung Pandan/Jalan Tun Razak dan bulatan Jalan Pahang/Jalan Tun Razak.

Penduduk Kuala Lumpur sedang memerhatikan dengan kehairanan kerana kecepatan kemajuan kerja-kerja di empat persimpangan bertingkat ini. Fenomena ini berlawanan dengan projek-projek di tempat lain yang tidak dirancang untuk kutipan tol.

Umum merasakan bahawa kecekapan yang ditunjukkan dalam pembinaan persimpangan bertingkat oleh Syarikat Teratai didorong oleh kegairahannya untuk mengutip tol apabila siap kelak.

Oleh kerana kerja-kerja pembinaan persimpangan kian rancak, kegelisahan penduduk-penduduk Kuala Lumpur terutama penduduk-penduduk Cheras semakin mendebarkan. Ini kerana menurut suatu pengumuman yang dibuat oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 6hb Mac, 1989, plaza-plaza tol akan dibina antara Km 5.5 persimpangan Jalan Cheras dan Km 8 persimpangan Jalan Cheras.

Tol juga akan dikutip di laluan Timur-Barat berhampiran Bandar Tun Razak, juga dalam kawasan Cheras yang terletak di dalam kawasan Sungai Besi.

Pengumuman ini memeranjatkan penduduk-penduduk Cheras. Mereka tidak begitu gembira untuk mengambil tahu bahawa mereka pada akhirnya akan terpaksa membayar untuk membiayai kos pembinaan sembilan persimpangan bertingkat seluruh Kuala Lumpur. Ini menimbulkan rasa bahawa penduduk-penduduk di bahagian lain dalam Kuala Lumpur menggunakan persimpangan bertingkat atas pengorbanan penduduk-penduduk Cheras.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada kedua-dua tol di Cheras di kawasan Sungai Besi ini adalah merupakan satu denda kepada rakyat yang memberi sokongan kepada DAP pada pilihanraya umum tahun 1986.

Kenyataan Datuk Bandar berbeza dengan jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri apabila saya mengemukakan soalan mengenai cadangan tol pada 26hb Oktober, 1988 di dalam Dewan yang mulia ini.

Timbalan Menteri berkata, selain dari dua plaza tol yang disebutkan awal tadi, terdapat juga kutipan tol di persimpangan Jalan Pahang.

Saya ingin bertanya sama ada plaza tol di Jalan Pahang telah diketepikan kerana ia terletak dalam kawasan pilihanraya Timbalan Menteri atau kerana Dewan Bandaraya hendak mengelakkan penyiasatan BPR ke dalam tawaran tender yang diberikannya kepada Syarikat Teratai selepas Persatuan Penduduk Setapak mengemukakan satu laporan kepada BPR yang mendakwa bahawa terdapat "hanky-panky" dalam urusan tawaran ini. Kebimbangan ini menukar keputusan tentang lokasi plaza tot mestilah dijelaskan dengan terang.

Saya telah membantu 26 kumpulan penduduk dalam kawasan Cheras dalam bulan Disember 1987 untuk mengemukakan satu memorandum rayuan bersama kepada Kabinet untuk meminta pengecualian bayaran tol untuk mana-mana persimpangan bertingkat yang dicadangkan itu.

Saya sebutkan secara ringkas sebab-sebab mengapa Kerajaan patut memikul sendiri semua kos pembinaan persimpangan bertingkat itu.

Pertama, pembinaan plaza tol di Jalan Cheras bagi membiayai pembinaan 9 buah persimpangan bertingkat dalam Kuala Lumpur amatlah tidak adil. Penduduk-penduduk dalam kawasan Cheras akan menanggung beban kewangan dan menderita akibatnya.

Kedua, dalam keadaan kenaikan kos sara hidup yang tinggi, penduduk-penduduk yang menanggung beban yang berat akan menghadapi kesukaran untuk membayar tol.

Ketiga, pemilik kenderaan memang telah membayar cukai jalan yang tinggi, duti petrol, bayaran meletak kereta dan lain-lain cukai, maka adalah tidak adil untuk membayar apa-apa tambahan tol lagi.

Keempat, bayaran tol akan membantutkan atau menghalang kemajuan dan pembangunan kawasan Cheras dan juga menghalang pergerakan bebas dan mudah ke kawasan tersebut.

Kelima, adalah tidak munasabah mengutip tol dalam kawasan Bandaraya. Jalan-jalan dalam bandaraya adalah berbeza daripada mana-mana lebuhraya di pinggir bandar, Jalan Cheras ialah satu jalan yang mustahak digunakan setiap hari oleh semua penduduk dalam kawasan ini. Oleh itu, adalah tidak adil bagi penduduk-penduduk meminta penyelelidan jalan-jalan yang berkeadaan baik dan tidak kesesakan lalulintas.

Keenam, penduduk-penduduk bimbang mengenai kenyataan bahawa kutipan itu akan memakan masa setama 12 tahun. Sebagai contoh, Plaza Tol di Slim River dijangka mengutip tol sehingga 10 tahun. Jika janji ini dipenuhi, maka ia menghentikan kutipan toi pada tahun 1972. Akan tetapi, apa yang berlaku, pengguna-pengguna Jalan Slim River masih terpaksa membayar tol sehingga kini.

Ketujuh, untuk membangun "dan memperbaiki jalan-jalan dan lebuhraya adalah tugas yang sepatutnya dipikul oleh Kerajaan. Pembinaan persimpangan bertingkat melibatkan hanya meningkatkan rangkaian jalan yang ada tetapi tidak ada jalan baru akan dibina. Kesesakan sekarang dalam Bandaraya, termasuk kawasan Cheras adalah akibat perhatian dan perancangan kurang diberikan oleh Kerajaan kepada keperluan dan kehendak pengangkutan Bandaraya. Oleh itu, langkah membina persimpangan bertingkat adalah suatu pelepasan yang amat dialu-alukan tetapi cadangan tol itu tidaklah adil.

Oleh yang demikian, saya harap bahawa Kerajaan akan mengambil perhatian rayuan penduduk-penduduk kawasan Sungai Besi supaya membiayai kos pembinaan persimpangan bertingkat selaras dengan tema dalam manifesto pilihanraya umum 1986 bahawa "Membela Rakyat Tradisi Barisan Nasional". Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila menjawab.

6.36 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed); Tuan Yang di-Pertua, projek penswastaan jalan dan jejambat di Kuala Lumpur ini telah

ditawarkan kepada Tetuan Syarikat Teratai K.G. Sdn. Bhd. Perjanjian konsensi projek ini telah ditandatangani oleh syarikat tersebut dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 20hb November, 1987.

Pada masa ini, Syarikat tersebut telah giat berusaha melaksanakan kerja-kerja awal untuk projek ini. Skop kerja bagi projek ini ialah pembinaan persimpangan bertingkat di Bulatan Km 5.5 Jalan Cheras, bulatan Km 8 Jalan Cheras, bulatan Edinburgh, bulatan Jalan Kampung Pandan/Jalan Tun Razak dan bulatan Jalan Pahang/Jalan Tun Razak.

Di samping itu, ia meningkatkan mutu jalan di Jalan Cheras dari bulatan Km 5.5 hingga bulatan Km 8, Jalan Cheras dan jalan yang menghubungkan bulatan Km 5.5 Jalan Cheras dengan Jalan Tenteram, sebahagian Jalan Tenteram, Jalan 1/106 dan Jalan 2/106 di Bandar Tun Razak.

Untuk projek ini juga pembinaan jalan baru untuk sebahagian Jalan raya Timur Barat dari persimpangan bertingkat Salak Selatan di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban hingga ke Bandar Tun Razak. Penempatan plaza tol telah dibuat berdasarkan kepada faktor-faktor seperti implikasi kutipan tol terhadap kesesakan lalulintas, tanah-tanah yang boleh diperolehi dari jumlah trafik.

Di dalam projek penswastaan ini, tiga buah plaza tol akan didirikan di lokasi-lokasi berikut:

- (i) di Jalan Cheras, di antara bulatan Km 5.5 dan Km 8 untuk mengenakan tol kepada lalulintas dari arah Kuala Lumpur ke Kajang. Kadar tol yang ditetapkan ialah \$1.00 bagi kenderaan ringan dan \$2.00 bagi kenderaan berat;

(a) di Jalan Cheras. di antara bulatan Km 5.5 dan Km '8 untuk mengenakan tol kepada lalulintas dari arah Kajang ke Kuala Lumpur. Kadar tol yang ditetapkan ialah \$1.00 bagi kenderaan ringan dan \$2.00 bagi kenderaan berat; dan

- (iii) di sebahagian jalan baru "East-West Link" di antara persimpangan Jalan Sungai Besi dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban hingga ke jalan masuk ke Bandar Tun Razak. Lalulintas bagi dua hala akan dikenakan tol. Kadar tol yang ditetapkan ialah \$0.50 sen bagi kenderaan ringan dan \$1.00 bagi kenderaan berat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa bayaran tol akan mengakibatkan sedikit tambahan perbelanjaan kepada orang ramai yang menggunakan. Walau bagaimanapun, kemudahan ini adalah berfaedah pada akhirnya kelak dari segi penjimatatan dalam penggunaan petrol dan dalam masa perjalanan yang lebih pendek disebabkan pengaliran lalulintas yang lebih lancar melalui jejambat-jejambat yang sedang dibina itu.

Untuk makluman Ahli Berhormat, sebenarnya masalah kesesakan lalulintas di bulatan-bulatan yang sedia ada telah lama menjadi salah satu aduan dan rungutan utama dari penduduk-penduduk Kuala Lumpur kepada Kerajaan. Bagi mengatasi masalah ini bulatan-bulatan tersebut terpaksa dibina semula menjadi persimpangan bertingkat yang sedang dilaksanakan melalui projek-projek penswastaan.

Dalam hubungan ini Kerajaan sentiasa memahami masalah dan kehendak rakyat melalui beberapa cara saluran lain selain mengadakan dialog. Terima kasih.

**TAHANAN OPERASI LALANG—
SEKATAN/SYARAT**

6.41 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):
 Tuan Speaker, Kerajaan patut dengan serta-merta menyemak semua sekatan-sekatan dan syarat-syarat terhadap semua tahanan "Operasi Lalang". Malangnya, Tuan Speaker, Kerajaan tidak ambil berat dalam perkara seperti ini, perkara yang ada kaitan dengan hak asasi manusia.

Kelmarin, Tuan Speaker, dalam senarai soalan lisan, satu soalan—soalan itu ada kaitan dengan Ucapan Penangguhan saya ini—ada dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan soalan itu telah disenaraikan seperti Pertanyaan bagi Jawab Mulut No. 58.

Perkara seperti ini patut disenaraikan sebagai Pertanyaan bagi Jawab Mulut pertama kerana, Tuan Speaker, Kerajaan tentu berani untuk "catch the bull by its horns", dengan izin, dan bukan dengan cari jalan seperti ini untuk tidak menjawab apa yang perlu dijawab dalam Dewan yang mulia ini.

Soalan yang ada dibangkitkan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Kota Melaka berbunyi:

"20-6-59

58. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) sebab-sebab mengapa 16 orang tahanan (iaitu Encik Sim Mow Yu, Encik Lim Fong Seng, Dr Kua Kai Soong, Dr Tuang Pi King, Dr Mohamed Nasir, Encik Arokiadass, Encik Sebli John Joseet, Brother Anthony Rogers, Encik Chow Chee Keong, Encik Mohamed Yunus, Encik Tan Ka Kheng, Cik Lim Chin Chin, Dr Cecilia Ng, Cik Patricia Irene Lourdes, Cik Chee Heng Leng dan Encik

Julian Jayaseelam) Akta Keselamatan Dalam Negeri yang ditahan di bawah Operasi Lalang pada bulan Oktober 1987 dan telah dibebaskan masih dikenakan syarat-syarat; dan

(b) bilakah syarat-syarat tersebut akan dimansuhkan."

Jawapan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri ialah seperti berikut:

- (a) 5 daripada 16 orang yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka itu telah dibatalkan syarat-syarat yang dikenakan atas mereka. Bagi 11 orang yang lain, yang masih dibebaskan dengan bersyarat adalah kerana dari segi keselamatan mereka masih perlu diawasi.
- (b) Persoalan tentang bila syarat-syarat tersebut akan dimansuhkan bergantung kepada sejauh mana mereka tidak lagi menimbulkan sebarang ancaman kepada keselamatan."

Tuan Speaker, dalam Operasi Lalang ada 106 orang yang ada ditahan di bawah Akta haram ini yang ada saya sebutkan kelmarin dalam Ucapan Penangguhan saya dan sampai hari ini, Tuan Speaker, semua tahanan sudah dibebas termasuk ahli-ahli politik yang ada antara tahanan itu. Syarat-syarat serta sekatan-sekatan yang ada dikenakan kepada ahli-ahli politik ini sudahpun ditarik balik. Tetapi saya tidak tahu kenapa ada 11 orang ini termasuk 3 orang lain yang tidak ada dalam senarai ini, orang-orang ini dikenakan sekatan-sekatan yang keras serta syarat-syarat yang tidak boleh ada justifikasi.

Tuan Speaker, soalan yang telah dijawab kelmarin oleh Menteri Dalam Negeri tentang bilakah syarat-syarat tersebut akan dimansuhkan, jawapannya ialah ada bergantung

kepada sejauh mana mereka tidak lagi menimbulkan sebarang ancaman kepada keselamatan.

Apakah ancaman keselamatan yang boleh diberi sebagai contoh dalam perkara ini? Semua orang ini jadi mangsa pertama kali apabila mereka ditahan di bawah Seksyen 8 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri. Pada masa itu pun, Tuan Speaker, tidak ada apa-apa bukti, tidak ada apa-apa sebab kenapa mereka ditahan.

Sekarang, to add insult to the injury, dengan izin, Tuan Speaker, ada dikenakan sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang tidak boleh dijustified. Ada kemungkinan serius dalam perkara ini kerana di antara orang-orang yang dikenakan sekatan dan syarat-syarat ini, Tuan Speaker, ada orang seperti Encik Sebli John Joseet di mana isteri dan anak beliau ada di London. Apa yang saya difahamkan, beliau ada membuat permohonan untuk dapat peluang bertemu isteri dan anaknya di London tetapi permohonan itu telah ditolak. Ini bukan perikemanusian, Tuan Speaker, oleh kerana jika lau ada satu Kerajaan yang bertanggungjawab untuk perkara seperti ini, dengan izin, on compassionate grounds syarat-syarat itu boleh diketepikan oleh Kerajaan. Jikalau Kerajaan bertanggungjawab, ia tentu mengambil tindakan yang boleh diterima. Terima kasih.

6.47ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang telah membangkitkan perkara ini. Tetapi perlu saya memperbetulkan apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat dah Jelutong iaitu pihak Kerajaan tidak sekali-kali memandang ringan tentang soalan No. 58 yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng dari Kota Melaka.

Yang sebenarnya, semalam, Ahli Yang Berhormat Perdana Menteri sendiri telah bersedia untuk menjawab sehingga soalan Yang Berhormat Tuan P. Patto yang dibawa ke atas sekali iaitu ke No. 6 dan semua jawapan-jawapan yang bersangkut-paut dengan perkara ini yang telah ditanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun disediakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi sayangnya Wakil tersebut iaitu Yang Berhormat Tuan P. Patto tidak hadir semalam. Jadi, tidak sekali-kali kita memandang ringan, kita memandang berat perkara ini dan semua Wakil-wakil telah pun melihat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersedia untuk menjawab perkara ini semalam dan dibawa kepada tajuk No. 6 pada hari semalam. Tetapi siapa hendak dipersalahkan sekarang? Adakah Kerajaan? Jikalau sekiranya Yang Berhormat Tuan P. Patto hadir semalam, perkara ini telah pun dibereskan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Akta Keselamatan Dalam Negeri sendiri memperuntukan mengikut Seksyen 13 (1) bahawa tiap-tiap perintah atau arahan yang diberi oleh Menteri Dalam Negeri yang masih berkuatkuasa di bawah Seksyen 8 (1) Perintah Tahanan atau Seksyen 8 (5) Perintah Sekatan atau Seksyen 8 (7) Perintah Tahanan atau Sekatan yang dilanjutkan tempoh atau Seksyen 10 iaitu penggantungan perintah tahanan hendaklah dikaji semula tidak kurang dari sekali dalam tiap-tiap enam bulan oleh Lembaga Penasihat yang ditubuhkan mengikut kehendak Perkara 151 (2) Perlembagaan Persekutuan.

Selain daripada saluran kajian semula oleh Lembaga Penasihat di atas, Kerajaan juga dari masa ke semasa sentiasa menyemak dan mengkaji semula kes-kes berkenaan berdasarkan laporan-laporan yang diterima "dari pihak berkuasa berkenaan untuk menimbang sejauh

mana seseorang yang dikenakan syarat-syarat sekatan tertentu tidak lagi menimbulkan sebarang ancaman dari segi keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang Dewan ini sedia maklum pada masa sekarang semua mereka yang ditahan di bawah Operasi Lalang telah pun dibebaskan sama ada secara bersyarat ataupun tanpa sebarang syarat.

Untuk makluman Dewan, pada ketika ini hanya terdapat 15 orang sahaja lagi bekas-bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri di bawah Operasi Lalang yang telah dibebaskan yang masih lagi tertakluk kepada syarat-syarat sekatan tertentu sementara yang lainnya semua syarat-syarat sekatan mereka telah pun dibatalkan termasuklah semua Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan yang kini bebas duduk dan hadir dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menimbang dan menyemak semula syarat-syarat sekatan yang dikenakan ke atas seseorang itu, berbagai faktor adalah diambil kira oleh Kerajaan yang mana kesemuanya mempunyai hubung kait dengan sebab-sebab keselamatan sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Faktor-faktor yang menjadi asas pertimbangan ini adalah berbeza dari individu ke individu dan bergantung kepada kategori dan jenis-jenis kegiatan yang seseorang itu terlibat dalamnya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, langkah di mana sekatan-sekatan terhadap seperti See Moh Yee, Lim Fong Seng dalam tahun 60an dan 70an di mana orang yang sakit kuat yang hendak pergi ke luar negeri, seperti See Moh Yee, untuk mendapat layanan perubatan di Taiwan tidak dibenarkan dan ini tentulah tidak merupakan ancaman kepada keselamatan iaitu satu tindakan,

dengan izin, spiteful, vengeful, tidak adil, tidak berperikemanusiaan. (*Tepuk*)

Dato Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai pakar yang kita anggap pakar dan bertanggungjawab mengkaji kes-kes ini dan kita terpaksa menyerahkan kepada pakar-pakar yang boleh menimbang adakah serius atau tidak seriusnya sesuatu permohonan dan rayuan itu dan daripada kajian inilah pihak Kementerian membuat pertimbangan. Dengan sebab itu adalah sukar untuk kita memberi satu rupa bentuk "blanket" persetujuan, dengan izin, kepada semuanya tetapi kita akan mengkaji dari segi individu-individu seperti mana yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, faktor sikap pada dih individu itu sendiri adalah juga diberi pertimbangan iaitu sejumlah mana seseorang itu menunjukkan kesediaan dan kesanggupan ke arah kesedaran dan perubahan sikap secara positif bersabit dengan kegiatan-kegiatan yang ia telah melibatkan dirinya. Umpamanya, seseorang yang masih berkeras dengan sikap perkauman atau dalam pegangan ideologi pro-komunisnya sudah tentu ini menjelaskan proses mengkaji semula syarat-syarat sekatannya.

Selain dari itu, dalam kes-kes tertentu, faktor masa juga ada kalanya diambil kira dalam mengkaji semula syarat-syarat sekatan yang dikenakan ke atas seseorang itu. Umpamanya, kegiatan-kegiatan yang seseorang itu yang telah melibatkan dirinya pada ketika ia mula-mula ditahan mungkin tidak lagi menimbulkan sebarang ancaman kepada keselamatan selepas melalui satu tempoh masa yang tertentu sebagai akibat positif berikutnya tindakan tegas dan langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh pihak Kerajaan. Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas, adalah jelas bahawa

Kerajaan tidaklah mengenakan syarat-syarat sekatan itu dengan sewenang-wenangnya tetapi ianya dibuat selepas pertimbangan dan penelitian yang rapi ke atas tiap-tiap satu kes berkenaan. Tiap-tiap syarat sekatan yang dikenakan itu telah dibuat berdasarkan kehendak undang-undang sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Sebagai contoh, syarat-syarat yang ditetapkan bagi seseorang yang dikenakan perintah sekatan atau pergantungan perintah tahanan adalah mematuhi kehendak-kehendak peruntukan seksyen 8 (5) (A-E) Akta tersebut. Tidak timbul soal bahawa syarat-syarat sekatan yang dikenakan adalah mengikut sesuka hati Kerajaan sahaja. Tetapi ianya adalah mengambil pertimbangan tentang aspek-aspek pengawasan yang perlu dari segi keselamatan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, satu minit lagi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidaklah memandang ringan terhadap syarat-syarat sekatan yang dikenakan ke atas seseorang itu kerana Kerajaan adalah mengambil perhatian berat terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan yang mana adalah merupakan kewajipan

yang sentiasa diberi keutamaan oleh Kerajaan sebagai asas yang penting dalam melaksanakan tanggungjawab menjamin dan memelihara kesejahteraan dan kestabilaan negara ini.

Dengan yang demikian, Ahli Yang Berhormat dari Jetutong dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lainnya janganlah berasa sangsi dan khawatir terhadap kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan terhadap keamanan dan keselamatan negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Usul yang berbunyi;

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan.

Bahawa walau apapun peruntukan Mesyuarat 16 (3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.55 petang.